



# واريتن كلنتن

**WARISAN KELANTAN**

**XI**



MONOGRAF PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN

# واريتن كلنتن

## WARISAN KELANTAN XI

*Diselenggarakan oleh*  
Dato' Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh

Diterbitkan oleh:  
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan  
Jalan Hospital  
15000 Kota Bharu, Kelantan

Ahli Jawatankuasa Publisiti dan Dokumentasi  
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan

Pengerusi	:	Dato' Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh
Setiausaha	:	Haji Wan Ali bin Wan Ahmad
Ahli	:	Haji Salleh bin Mohd. Akib Abdullah bin Mohamed (Nakula) Jazamuddin Baharuddin Wakil Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Kelantan
Rekabentuk	:	Hassan Majid/Shahnan Abdullah

APB 744290

Cetakan Pertama 1992

© Hakcipta: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan

dicetak oleh  
United Selangor Press, Sdn. Bhd.  
Kuala Lumpur

NASKHAR PEMELIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

## **Kandungan**

- IX PRAKATA**
- XI PENDAHULUAN**
- 1 TUJUH PULUH LIMA TAHUN MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN**  
*Abdul Razak Mahmud*
- 20 PERMAINAN TRADISI RAKYAT KELANTAN**  
*Mustafa bin Ibrahim*
- 37 MENELITI NOVEL-NOVEL S. OTHMAN KELANTAN DARI ASPEK KEPENGARANGAN**  
*Abdullah Tahir*
- 45 FIKIRAN-FIKIRAN TENTANG PENUBUHAN UNIVERSITI DI KALANGAN ORANG MELAYU SEBELUM PERANG DUNIA KE-2 KHASNYA DI KELANTAN**  
*Abdul Rahman Al-Ahmadi*
- 56 PENASIHAT INGGERIS: PEMBAHARUAN PENTADBIRAN NEGERI KELANTAN DAN PENGUKUHAN KUASA (1910-1920)**  
*Mohd. Kamaruzaman A. Rahman*
- 93 SEBUAH FRAGMENT SALSILAH NEGERI KELANTAN**  
*Dato' Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh*
- 113 INDEKS WARISAN KELANTAN: BIL. I – X (1982-1991)**
- 117 GAMBAR-GAMBAR WARISAN LAMA**
- 123 BIODATA PENULIS**



## Prakata

BISMILLAAHI rRAHMAANI rRAHIIM

Saya bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izinNya, maka Perbadanan Muzium Negeri Kelantan berjaya meneruskan penerbitan monograf tahunannya iaitu **WARISAN KELANTAN** bagi bilangannya yang ke-11. Penerbitan kali ini, sepertimana kelazimannya, bersempena dengan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan Darulnaim.

Adalah diharapkan semoga karya-karya atau rencana-rencana yang terkandung di dalam **WARISAN KELANTAN** bilangan ke-11 ini akan terus memberi manfaatnya kepada para pembaca yang ingin mengetahui ataupun mendalami lagi pengetahuannya tentang aspek-aspek tertentu dari sejarah dan budaya yang berkaitan dengan Negeri Kelantan dan masyarakatnya.

Akhir kata, saya sebagai Pengerusi dan juga bagi pihak Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dengan ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan berbanyak-banyak terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Publisiti dan Dokumentasi serta juga para penulis yang berkenaan yang telah memberi sumbangan masing-masing dan dengan demikian bersama-sama pula menjayakan penerbitan **WARISAN KELANTAN** bilangan ke-11 ini.

Sekian. Wassalam.



(HAJI MOHD. ROZALI B. ISOHAK)

Timbalan Menteri Besar Kelantan, merangkap

Pengerusi

Perbadanan Muzium Negeri Kelantan

Kota Bharu

Kelantan Darulnaim

30 Julai 1992





## Pendahuluan

Bismillaahi rRahmaani rRahiim

**M**onograf *Warisan Kelantan* bilangan ke-11 yang diterbitkan oleh Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, pada kali ini menampilkan enam lagi essei atau rencana sumbangan dari enam orang penulis.

Encik Abdul Razak Mahmud (kali pertama menyumbangkan karyanya kepada *Warisan Kelantan*) menulis mengenai "Tujuh Puluh Lima Tahun Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan". Majlis merupakan sebuah institusi agama yang pertama ditubuhkan di negeri Kelantan dan juga di Semenanjung Malaysia dan kemudian menjelma menjadi pusat pengajian Islam yang terkenal di Semenanjung Malaysia. Majlis yang ditubuhkan dengan rasminya oleh Kerajaan Negeri Kelantan pada 24 Disember 1915, telah memainkan peranan yang cukup besar dan penting dalam sejarah pertumbuhan dan perkembangan pelajaran dan persekolahan agama dan bukan agama di negeri Kelantan. Bolehlah dikatakan Majlis telah menjadi pelopor kepada pelajaran bahasa Melayu, Arab dan juga Inggeris di negeri Kelantan.

Encik Mustafa bin Ibrahim memperkatakan tentang "Permainan Tradisi Rakyat Kelantan" yang merupakan sebahagian daripada corak dan cara hidup bangsa Melayu di negeri Kelantan yang diwarisi sejak dari zaman dahulu kala. Mengikut pendapat penulisnya, kebanyakan daripada permainan tradisi rakyat Kelantan bercorak kesukanan.

"Meneliti Novel-novel S. Othman Kelantan Dari Aspek Kepengarangan" begitulah bunyi judul sumbangan pertama kali dari Prof. Madya Abdullah Tahir kepada *Warisan Kelantan*. Beliau cuba meneliti dan mengenalpasti keperibadian, identiti dan kepengarangan atau "authorship" S. Othman Kelantan, penulis atau pengarang novel dari Kelantan yang terkenal dan prolific yang boleh dianggap setanding dengan Shahnnon Ahmad, Arena Wati dan A. Samad Said. S. Othman Kelantan bukan sahaja berminat dalam bidang cereka dan puisi tetapi kebelakangan ini juga dalam lapangan penulisan essei dan kritikan. Dari tahun 1955 sehingga kini beliau telah berjaya menerbitkan 45 buah buku (novel) di samping menghasilkan juga kira-kira 150 buah essei dan kritikan sastera, dan 5 buah buku mengenai penyelidikan dan kajian sastera. Selama hampir empat dekat S. Othman Kelantan banyak menghabiskan masanya dalam bidang penulisan kreatif dan penyelidikan sastera sehingga dikenali sebagai seorang cerpenis, novelis dan penyelidik sastera.

Penulis *Warisan Kelantan* yang tidak asing lagi ialah Drs. Abdul Rahman Al-Ahmadi yang kali ini turut menyumbangkan rencana yang berjudul "Fikiran-Fikiran Tentang Penubuhan Universiti Di Kalangan Orang Melayu Sebelum Perang Dunia Ke-2 Khasnya Di Kelantan". Mengikut kajiannya fikiran-fikiran tersebut telah timbul bagi pertama kalinya di kalangan penuntut-penuntut dan

para pentadbir Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan pada tahun 1920 dan perbincangan mengenainya telah dicetus dan dipelopori oleh majallah 'Pengasuh' terbitan Majlis pada tahun 1921. Sehubungan dengan ini, kesedaran di kalangan cerdik-pandai Kelantan tentang pusat pengajian tinggi telah dicetuskan oleh penubuhan Maktab Melayu di Kuala Kangsar pada tahun 1905 dan kemudian telah diperkuatkan lagi oleh penubuhan Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim pada tahun 1922.

Essei kelima berjudul "Penasihat Inggeris: Pembaharuan Pentadbiran Negeri Kelantan Dan Pengukuhan Kuasa (1910-1920)" disumbangkan oleh Encik Mohd. Kamaruzaman Abdul Rahman. Berikutan dengan penyerahan negeri Kelantan (beserta negeri-negeri Kedah, Perlis, Terengganu dan juga Hulu Perak) oleh Kerajaan Siam kepada Kerajaan Inggeris di bawah Perjanjian Inggeris-Siam Tahun 1909 (The Anglo-Siamese Treaty of 1909) maka bermulalah penjajahan Inggeris di negeri Kelantan. Walaupun negeri Kelantan wujud sebagai sebuah dari "Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu" (Unfederated Malay States/UFMS) namun ianya terletak di bawah kekuasaan Inggeris atau Great Britain yang bermula dari tahun 1909 di bawah Sistem Penasihat Inggeris yang mempengaruhi dan mengubah sistem pentadbiran negeri Kelantan. Berikutnya di bawah Perjanjian Inggeris Kelantan Tahun 1910 (The Anglo-Kelantan Agreement of 1910) Raja Kelantan berjanji akan menurut dan melaksanakan nasihat Pegawai Penasihat Inggeris itu atas segala hal perintahan negeri selain daripada agama Islam dan adat istiadat Melayu.

Essei keenam berjudul "Fragmen Salsilah Negeri Kelantan" iaitu sebuah manuskrip pendek yang diperkatakan oleh penulis ini sendiri. Manuskrip yang diketemukan pada tahun 1975 ini mendedahkan sejumlah fakta-fakta sejarah yang dapat menolong menyempurnakan dan melengkapkan lagi pengkisahan sejarah Kelantan.

Akhir kata, bagi pihak Jawatankuasa Penerbitan dan Dokumentasi Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, saya suka merakamkan ucapan setinggi tahniah dan berbilang-banyak terima kasih kepada penulis-penulis budiman yang telah memberi sumbangan mereka masing-masing kepada *Warisan Kelantan* bilangan XI ini. Wassalam.

Dengan hormatnya,



(DATO' NIK MOHAMED BIN NIK MOHD. SALLEH)

Pengerusi,  
Jawatankuasa Penerbitan dan Dokumentasi,  
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Kota Bharu,  
Kelantan Darulnaim

30 Julai 1992.

## Tujuh Puluh Lima Tahun Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan \*

ABDUL RAZAK MAHMUD

Pada bulan Disember 1990, Majlis Agama Islam Kelantan atau lengkapnya Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, genap berusia 75 tahun. Ditubuhkan pada 24 Disember 1915 melalui satu pengisytiharan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad Ke-IV, Majlis Agama Islam Kelantan adalah institusi agama yang pertama ditubuhkan di Semenanjung Malaysia, mendahului Majlis Agama Islam Johor yang ditubuhkan pada tahun 1925 dan Majlis Agama Islam Kedah pada tahun 1948. Bagi mengenang detik-detik peristiwa dan tahap-tahap perkembangan yang dialami oleh Majlis Agama dalam tempoh usianya yang relatif lama ini, dibawah ini kami rakamkan beberapa catatan ringkas mengenai beberapa aspek "Sejarah Majlis" dilihat dari beberapa seginya yang menarik dan agak menonjol.

Lama sebelum Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan ditubuhkan, negeri Kelantan Darul Naim di takdirkan telah menjadi pusat pengajian Islam yang terkenal di Tanah Melayu. Berikutan daripada kejatuhan negeri Patani Darussalam ke tangan Siam pada tahun 1785, pusat pengajian Islam yang dahulunya berpusat di negeri itu, kini beralih ke Kelantan. Walaupun tidak dapat dinafikan negeri-negeri Kedah dan Terengganu juga turut mewarisi pengajian seperti itu, namun tumpuan utama adalah berpusat di Kelantan. D daripada kajian yang pernah dibuat, institusi pengajian Islam dalam bentuk tradisi yang dikenali sebagai "pondok" di Kelantan sekarang telah dimulakan oleh Tuan Guru Haji Abdul Samad Abdullah atau Tok Pulau Condong pada tahun 1820.<sup>1</sup> Bermula daripada tahun itu, negeri Kelantan mula memperkenalkan sistem pengajian itu kepada penduduk Islam negeri Kelantan khasnya dan Semenanjung Tanah Melayu amnya.

\* Makalah ini telah disiarkan bagi pertama kalinya (tulisan Jawi) dalam majalah "Pengasuh" bil: 507 Nov-Dis. 1990, hlm. 5-13.

1 Lihat Abdul Halim Ahmad, "Pendidikan Islam di Kelantan" dalam Sejarah Masyarakat Melayu Moden (Persatuan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur, 1984), hlm. 45.

Perkembangan ini kemudian menjadi bertambah menarik pada bahagian kedua abad ke-19 apabila muncul semacam satu "barisan ulama" di Kelantan yang menggerakkan sistem pengajian ini secara teratur dan berterusan. Di antara ulama-ulama ini ialah: Tok Wan Ali Kutan (1827–1912); Tuan Tabal (1891–1940); Haji Yaakub Haji Abdul Halim (Tuan Padang); Haji Abdul Malek Hasan (1834–1934); Haji Wan Ismail (ayah kepada Haji Nik Mahmud – Dato' Perdana Menteri Paduka Raja); Abdul Mutalib bin Abdullah Fakeh (Kampung Kota) dan lain-lain. Pada waktu itu, pondok-pondok dalam negeri Kelantan terutama tertumpu di sekitar Masjid Besar (kemudiannya dikenali dengan nama Masjid Muhammadiyah), Kota Bharu. Antara pondok-pondok itu ialah Pondok Kubang Pasu, Pondok Sungai Budor, Pondok Kampung Banggol, Pondok Tuan Padang, Pondok Kampung Tok Semian dan lain-lain.<sup>2</sup>

Sementara itu, di luar Kota Bharu pula, pada waktu yang agak kemudian sedikit (sekitar dekad terakhir abad ke-19 dan awal abad ke-20), muncul ulama-ulama lain yang juga mendirikan pondok mereka masing-masing. Antara ulama-ulama itu termasuklah Tok Bacok, Tok Selihor, Tok Kemuning dan Tok Padang Jelapang.

### Penubuhan Majlis

Penubuhan Majlis Agama Islam Kelantan pada penghujung tahun 1915 itu sangat berkait rapat dengan latar belakang sejarah pengajian Islam serta peralihan kuasa politik yang berlaku di Kelantan pada dekad pertama abad ke-20. Melalui Persetiaan Bangkok 1909 (Anglo-Siamese Treaty of 1909), negeri Kelantan bersama-sama dengan Kedah, Perlis dan Terengganu diserahkan oleh Siam kepada Inggeris. Ekoran daripada perjanjian ini, seorang Penasihat British, J.S. Mason, tiba di Kelantan pada bulan Julai 1909. Perkembangan-perkembangan yang banyak terjadi kemudian dalam kehidupan keagamaan, sosial dan pentadbiran negeri, telah menyebabkan beberapa orang cerdik pandai Melayu Kelantan pada waktu itu mula memikirkan bahawa satu institusi khusus perlu ditubuhkan bagi menjaga dan mentadbir urusan keagamaan di peringkat negeri Kelantan. Bertolak daripada sinilah idea penubuhan Majlis Agama Islam Kelantan mula dicadang dan digerakkan.

Menurut kajian, beberapa orang tokoh ulama dan intelijensia Melayu Kelantan pada waktu itu diketahui telah memainkan peranan bagi mencetuskan idea serta mengambil daya usaha positif ke arah penubuhan Majlis. Tiga orang daripada mereka merupakan nama-nama yang sangat dihormati dalam masyarakat Kota Bharu pada awal abad ke-20 ini. Mereka ialah Haji Nik Mahmud Ismail, Haji Muhammad bin Khatib Haji Muhammad Said dan Haji Awang Muhd. Yusuf bin Ahmad (Tok Kenali).

Dalam perkara penubuhan Majlis ini, ada disebut-sebut bahawa Tok Kenali adalah orang pertama memberitahu Menteri Besar Kelantan waktu itu, Haji Nik Mahmud (Dato' Bentara Setia dan kemudiannya Dato' Perdana Menteri Paduka Raja) supaya menasihati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan

---

<sup>2</sup> Lihat Nik Mohamed Nik Mohd. Salleh "Perkembangan Pendidikan Islam di Negeri Kelantan" dalam Warisan Kelantan IV (Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Kota Bharu, 1985) hlm. 101.

bagi menubuhkan Majlis.<sup>3</sup> Idea ini dipercayai timbul oleh kerana difikirkan bahawa pentadbiran agama dan Istiadat Melayu pada masa itu terlalu longgar dan sangat memerlukan pembaharuan dan penyusunan semula.<sup>4</sup> Setelah melumatkan cadangan ini dengan teliti bersama-sama dengan seorang lagi tokoh, Haji Muhammad bin Tok Khatib Haji Muhammad Said, D. ' Haji Nik Mahmud kemudiannya mengangkat sembah cadangan penubuhan ini kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan pada tahun 1915. Cadangan ini kemudian telah mendapat ampunan perkenan tuanku, dan pada 7 Disember tahun yang sama bersamaan 30 Muharram 1334, satu persetujuan bagi penubuhan majlis telah dicapai dalam mesyuarat Kaunsil Negeri Kelantan. Pada 24 Disember 1915, Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan (nama rasmi pada waktu ditubuhkan) telah dimasyhurkan penubuhannya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad Ke-4 dalam suatu istiadat gilang gemilang di bangunan Pejabat Tanah Lama Kota Bharu (di hadapan Istana Balai Besar sekarang), di hadapan pembesar-pembesar negeri, orang-orang kenamaan serta dengan disaksikan oleh sebahagian rakyat negeri Kelantan. Antara lain baginda bertitah:

"bahawa kita di dalam mesyuarat Kaunsil pada hari Selasa 30 Muharram 1334 bersamaan dengan 7 Disember 1915 ini sesungguhnya telah suka kita mekurniakan kepada anak-anak negeri kita satu majlis yang bernama "Majlis Agama dan Istiadat Melayu" kerana menimbangkan bagi kebajikan negeri Kelantan. Maka dengan sebab yang demikian itu, inilah hari yang kita mulai buka Majlis ini kepada pengetahuan anak negeri kita supaya mereka itu mengetahui akan maksud kita kurniakan Majlis ini. Adalah tujuan kita pada perkataan "agama" itu ialah tiap-tiap perkara yang bergantung dengan agama Islam yang mendatangkan muslihat kepada sekalian anak negeri kita lagi menambahkan bagi kebajikan Kelantan. Dan kita kehendaki dengan perkataan "istiadat Melayu" itu ialah yang melengkapi atas adat dan adab Melayu yang elok yang sigia dipelihara akan dia mengikut bagaimana peredaran masa...."<sup>5</sup>

Sejumlah 12 orang telah dilantik oleh baginda bagi menjadi anggota Majlis pada hari perisytiharan ini. Mereka ialah. Haji Awang Muhd. Yusof bin Ahmad (Tok Kenali); Haji Wan Muhammad bin Haji Wan Abdul Samad; Khatib Haji Muhd. Said Jamaluddin, Haji Wan Abdullah Haji Wan Abdul Samad, Muhd. Ghazali Arifin (Dato' Bentara Jaya). "Maka yang akhir ini kita tetapkan dia menjadi Setiausaha bagi Majlis ini" titah baginda. Bagaimanapun, jawatan Yang Dipertua Majlis belum diumumkan oleh baginda pada hari pemasyhuran itu, akan tetapi baginda bertitah "maka bolehlah ahli Al-Majlis yang tersebut itu memilih sesiapa yang mereka suka, kemudian hendaklah mereka itu angkatkan ketetapan itu kepada pengetahuan kita di dalam mesyuarat supaya boleh

3 Ini terjadi selepas beberapa tahun beliau pulang daripada Mekah pada awal tahun 1909 (sesetengah sumber menyebut 1908). Kebetulan Dato' Haji Nik Mahmud adalah sahabat beliau pada waktu sama-sama berguru kepada Haji Wan Ahmad bin Muhd. Zain bin Mustapha Al-Fatani di Mekah.

4 Lihat Nuraini Muhd. Zain, "Sejarah Penubuhan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan" dalam Warisan Kelantan VII (Perbendaharaan Muzium Negeri Kelantan, Kota Bharu, 1988), hlm. 63.

5 Lihat "Titah Ucapan Perasmian Penubuhan Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan", 1915, (Naskhah salinan di Pejabat Majlis Agama Islam Kelantan, Kota Bharu).

kita mengeluarkan Sabda bagi menetakannya.”<sup>6</sup>

### Pejabat Majlis

Pada bulan-bulan pertama selepas penubuhannya, Majlis tidak mempunyai bangunan pejabat yang tetap. Mesyuarat kadang-kadang diadakan di rumah Dato' Bentara Setia yang kemudian dilantik menjadi Naib Yang Dipertua akan adakalanya di tingkat atas bangunan Pejabat Tanah Lama Kota Bharu, sehinggalah apabila Kerajaan Negeri memperuntukkan tingkat atas pejabat berkenaan menjadi pejabat sementara bagi Majlis.

Pada 9 Ogos 1917, Pejabat Majlis berpindah ke bangunannya sendiri di Jalan Sultan, Kota Bharu, iaitu sebuah bangunan rumah kayu yang dibeli oleh Majlis pada 31 Julai tahun yang sama daripada wang kutipan zakat fitrah dengan harga \$15,000/- (rumah bersekali dengan kawasannya).<sup>7</sup> Bangunan ini asalnya sebuah rumah yang dibina pada tahun 1902, milik bekas Menteri Besar Kelantan Encik Hassan bin Muhd. Salleh. Bangunan ini kekal menjadi Pejabat Majlis mulai tarikh di atas sehinggalah apabila Majlis berpindah ke bangunan barunya sekarang di Jalan Sultan Yahya Petra, Lundang, pada 16 Februari 1990 (lebih kurang 73 tahun).

### Undang-Undang Bagi Majlis

Pada tahun-tahun awal penubuhannya, Majlis telah diberikan taraf “quasi legislative” dan “judicial authority” di samping sebagai sebuah badan agama. Dengan tarafnya seperti ini Majlis telah menggunakan kuasanya bagi merangka dasar-dasar perundangan berhubung dengan agama Islam dan menghantarnya kepada Kaunsil Negeri untuk dilulus dan dikuatkuasakan menjadi undang-undang. Sepanjang tahun 1916 sejumlah tidak kurang daripada 11 notis undang-undang telah diluluskan oleh Kaunsil Negeri bagi dikuatkuasa dan dilaksanakan oleh Majlis. Antara notis-notis ini ialah Notis Kutipan Zakat (No. 3 Tahun 1916), Notis Mengawal Pelacuran (No. 5 Tahun 1916), Notis Pindaan Kepada Kutipan Zakat (No. 8 Tahun 1916), Notis Masjid (No. 10 Tahun 1916), Notis Melarang Hiburan pada Hari Kebesaran Islam (No. 11 Tahun 1916), Notis Memberi Kuasa Kepada Majlis Menganakan Tindakan ke atas Pelacur (No. 29 Tahun 1916), Notis Pindaan Kutipan Zakat (No. 30 Tahun 1916), Notis Bayaran Hasil oleh Imam (No. 31 Tahun 1916) dan lain-lain.<sup>8</sup>

Sementara itu, sebuah undang-undang bernama “Undang-undang Bagi Anggota Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan” (Undang-undang No. 14 Tahun 1916) diluluskan di dalam mesyuarat Kaunsil Kerajaan Negeri pada 17 Oktober 1916 (hampir setahun selepas Majlis ditubuhkan). Undang-undang ini dimaksudkan bagi menentukan bidang kuasa serta garis panduan bagi Majlis menjalankan aktiviti dan gerak kerjanya. Selain daripada menjelas-

6 *Ibid.*

7 Lihat “Kenangan-kenangan Majlis Agama Islam Kelantan Genap Berusia 46 Tahun” dalam Pengasuh bil: 334, Disember 1961, hlm. 12.

8 Lihat Abdullah Alwi Haji Hassan, “Development of Administration of Islamic Law in Kelantan” (M.A. Thesis, University of Kent, 1979) sebagaimana dipetik oleh Tengku Azmi Tengku Jaafar dalam “Sejarah Penubuhan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan serta Tahap-tahap Permulaan Perkembangannya” (Kajian Ilmiah untuk Jabatan Sejarah, Universiti Malaya 1983/1984), hlm. 34–37.

kan bidang kuasa, pekerjaan serta peraturan bagi "Ahli Al-Majlis", undang-undang ini juga ada mentakrifkan makna asal bagi perkataan "Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan" mengikut sebagaimana ia difahamkan pada waktu itu.<sup>9</sup>

Selain dari itu Majlis juga berfungsi sebagai "Mahkamah Rayuan" apabila Kaunsil Negeri meluluskan undang-undang pentadbiran Islam melalui "Notis Peraturan dan Perkara yang didengar di Mahkamah Syariah" (No. 10 Tahun 1916) kepada Majlis. Notis ini meliputi perkara-perkara perkahwinan, perceraian, rujuk, khalwat, puasa, tidak hadir sembahyang Jumaat dan mengenai ajaran salah. Mulai tarik 24 Ogos 1916, semua kes-kes ini hendaklah dibuat kepada Majlis dan bukan kepada mufti.<sup>10</sup> Bagaimanapun, peranan Majlis sebagai Mahkamah Rayuan ini berakhir pada tahun 1920 apabila kuasa bagi mendengar perkara di atas dipindah ke Pejabat Mufti.<sup>11</sup>

Pada 24 Januari 1918 Majlis mula mengadakan mesyuarat ulamanya (kemudian dikenali dengan nama Jamah Ulama). Antara tujuan mesyuarat ulama ini ialah untuk menjawab segala persoalan bersabit dengan hukum Islam dan bertindak sebagai sebuah "Komiti yang bertanggungjawab memberi fatwa."<sup>12</sup> Segala persoalan yang dijawab telah dimuat dalam majalah "Pengasuh", sebuah majalah yang bertindak sebagai lidah rasmi bagi Majlis (mula diterbitkan pada bulan Julai 1918).

### Pentadbiran Majlis

Kuasa tertinggi Majlis terletak pada sebuah lujnah bernama "Anggota Majlis" atau "Ahli Al-Majlis" menurut istilah pemasyhuran Sultan Muhammad ke-4 dahulu. Keanggotaan lujnah ini dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dari semasa ke semasa. Menurut undang-undang Majlis yang sedang berkuatkuasa sekarang (Undang-undang Bilangan 2 Tahun 1966), keanggotaan lujnah ini "hendaklah mengandungi seorang Yang Dipertua, seorang Naib Yang Dipertua, Mufti Kerajaan dan tidak kurang daripada enam anggota lain."<sup>13</sup> Semua perkara yang melibatkan dasar, tindakan dan pentadbiran Majlis hendaklah terlebih dahulu mendapat persetujuan dan pengesahan "lujnah" tertinggi ini.

Pada mula-mula Majlis ditubuhkan dahulu, semua arahan pentadbiran dijalankan oleh seorang pegawai yang berjawatan "Setiausaha Majlis" dengan dibantu oleh Nazir Pelajaran pada Bahagian Pelajaran dan seorang yang berpangkat "Wakil Majlis" pada Bahagian Baitulmal. Keadaan ini berjalan berpuluh tahun lamanya sehingga tahun 1945 apabila satu perubahan dalam struktur pentadbiran Majlis mula dibuat. Di bawah struktur baru ini, beberapa jawatan dalam bentuk Kabinet Menteri diwujudkan. Beberapa orang tokoh terkemuka tempatan pada waktu itu telah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan bagi menjadi Menteri Hal Ehwal Dalam, Menteri Hal

9 Dalam perkembangan kemudiannya, undang-undang ini telah digantikan dengan undang-undang (Enactment) Majlis Tahun 1938, 1953 dan terakhir 1966.

10 Abdullah Alwi Haji Hassan, *Ibid.*, hlm. 39-40.

11 *Ibid.*, hlm. 42.

12 *Ibid.*, hlm. 42.

13 Lihat Bahagian II Perkara 4(3) Undang-undang Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Tahun 1966, hlm. 49.



Ehwal Pelajaran, Menteri Zakat dan Fitrah, Menteri Hal Ehwal Agama dan Menteri Perbendaharaan. Semua menteri ini, atas nama jawatannya, menjadi ahli dalam "Anggota Majlis" di atas.<sup>14</sup>

Pada tahun 1948, sistem "Menteri" ini diubah kepada sistem pegawai seperti yang ada sekarang. Di bawah sistem ini wujudlah jawatan-jawatan yang sekarang dikenali dengan nama Setiausaha, Pegawai Agama, Pegawai Zakat, Pegawai Pelajaran dan Pegawai Baitumal.<sup>15</sup> Kecuali jawatan Pegawai Pelajaran, semua jawatan ini kekal di Pejabat Majlis sehingga sekarang (jawatan Pegawai Pelajaran dimansuhkan pada tahun 1974 apabila Pentadbiran Sekolah-sekolah Majlis dipindahkan kepada Jabatan Sekolah-sekolah Agama Kelantan (JASA).

Selain daripada itu, pada tahun yang sama juga, satu jawatan baru bernama "Naib Yang Dipertua" yang bekerja sepenuh masa dengan menerima elaun-elaun khas, telah diwujudkan bagi menjalankan kerja-kerja Yang Dipertua yang pada masa itu disandang oleh Yang Teramat Mulia Tengku Yahya Petra (kemudiannya Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan).<sup>16</sup> Orang pertama mendapat kehormatan bagi dilantik ke jawatan "Naib Yang Dipertua" dalam fungsi barunya ini ialah Yang Amat Mulia Tengku Mahmud Mahiyiddin ibni al-Marhum Tengku Abdul Kadir Kamaruddin.<sup>17</sup> Beliau memegang jawatan ini bagi tempoh mulai 1 Julai 1948 sehinggalah apabila beliau meletak jawatan pada 1 Januari 1952. Tempat beliau digantikan oleh Dato' Seri Amar Diraja Nik Mustapha Fadhil bin Haji Nik Mahmud (sekarang Tan Sri Dato') yang berkhidmat sehingga 1 Mei 1953.

Pada awal tahun 1954, Yang Amat Bahagia Dato' Nik Ahmad bin Haji Nik Mahmud (Dato' Seri Nara Diraja) dilantik menjadi Yang Dipertua Majlis menggantikan Yang Teramat Mulia Tengku Yahya Petra. Perlantikan beliau dianggap sebagai "memecah tradisi" bagi jawatan Yang Dipertua Majlis yang sebelum ini dipegang oleh putera-putera Al-Sultan. Perlantikan ini dibuat selaras dengan polisi baru Al-Sultan yang telah mengampuni perkenan bagi melantik pegawai-pegawai tadbir kanan negeri Kelantan ke jawatan Yang Dipertua Majlis secara bergilir-gilir dari semasa ke semasa, dengan Dato Seri Nara Diraja menjadi pelopornya.<sup>18</sup> Adalah dipercayai bahawa mulai daripada tarikh perlantikan ini,

14 Lihat "Kenangan-kenangan Majlis Agama Islam Kelantan Genap Berusia 46 Tahun", hlm. 14.

15 *Ibid.*, hlm. 14.

16 Harus diingat bahawa jawatan Naib Yang Dipertua adalah satu jawatan yang telah sedia ada di Majlis sejak awal penubuhannya dahulu. Dato' Bentara Setia dan Dato' Bentara Jaya (Kemudiannya Dato' Laksamana) misalnya merupakan orang pertama dan kedua pernah dilantik ke jawatan ini. Akan tetapi pada masa itu jawatan ini bukanlah jawatan eksekutif bagi Majlis sebagaimana perubahan yang dibuat pada tahun 1948.

17 Patut disebut bahawa pada masa beliau memegang jawatan Naib Yang Dipertua, beliau telah menggugurkan gelar kebesaran "Tengku" di pangkal namanya. Semakan dalam rekod Majlis menunjukkan bahawa nama beliau disebut sebagai "Encik Mahmud Mahiyiddin" sahaja. Beliau ialah putera kepada raja Melayu Patani yang terakhir iaitu Tengku Abdul Kadir Kamaruddin bin Tengku Sulaiman Sharifuddin yang menjadi Raja Patani dari tahun 1899 hingga tahun 1902 Masehi apabila Kerajaan Siam memansuhkan takhta Kerajaan Melayu Patani dan merampas negeri itu menjadikannya sebahagian daripada wilayah negeri Siam.

18 Lihat "ucapan selamat berpisah" Yang Teramat Mulia Tengku Yang Dipertua Majlis (Tengku Yahya Petra) dalam mesyuarat anggota Majlis pada 19 Disember 1953 yang menyatakan "bahawa suatu polisi baharu telah diampuni dan dipersetujui oleh Duli

jawatan Yang Dipertua Majlis telah bertukar daripada jawatan bukan eksekutif kepada jawatan eksekutif. Beberapa perlantikan jawatan Yang Dipertua selepas beliau, kecuali perlantikan Dato' Haji Ahmad Mahir, adalah dibuat daripada kalangan pegawai tadbir Melayu Kelantan yang kanan seperti Dato' Haji Mohd. Salleh Omar, Dato' Haji Mohd Yusof Hassan, Dato' Haji Nik Mahmud Wan Daud dan lain-lain.

Kemudian berikutan daripada kajian MAMPU (Unit Pemodenan Tadbiran dan Perkembangan Tenaga Manusia), Jabatan Perdana Menteri, ke atas pentadbiran Majlis pada tahun 1981, satu perakuan telah dibuat bagi cadangan mewujudkan jawatan Naib Yang Dipertua selaku pegawai eksekutif bagi Majlis, menggantikan jawatan Yang Dipertua yang dicadangkan akan menjadi sebagai penasihat dan penguasa kepada seluruh perjalanan organisasi Majlis.<sup>19</sup> Cadangan telah diterima baik oleh Majlis dan hasilnya, pada 1 Disember 1985, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan telah mengampuni perkenan melantik Tuan Haji Mohd Arifin Daud (sekarang Dato') memegang jawatan Naib Yang Dipertua Majlis dalam struktur pentadbiran yang baru ini. Keadaan ini berjalan dengan baik sehingga sekarang. Pada waktu rencana ini ditulis, jawatan Naib Yang Dipertua Majlis sedang disandang oleh Yang Berhormat Dato' Haji Nik Ishak bin Dato' Haji Nik Daud sementara jawatan Yang Dipertua pula dipegang oleh abangnya, Yang Berhormat Dato' Haji Nik Sulaiman bin Dato' Haji Nik Daud.

### Kegiatan Awal Majlis

Dalam sebuah dokumen bertajuk "Tujuan Majlis Agama Islam Kelantan Tahun 1916" yang ada tersimpan di Pejabat Majlis, ada digariskan beberapa "tujuan awal" atau "kerja awal" bagi Majlis. Antaranya ialah mengadakan masjid dan sekolah-sekolah agama (Arab dan Melayu, menterjemahkan kitab-kitab Arab (agama) ke dalam bahasa Melayu, memberi pertolongan kepada fakir miskin, membuat rumah sewa dan menjalankan perniagaan. "Bagaimana di atas, inilah tujuan Majlis Agama Islam menghimpunkan wang daripada harga padi zakat dan wang daripada harga litrah dan baitulmal", kata dokumen itu.

Dengan berpandu kepada garis tujuan inilah Majlis mulai menjalankan kegiatan awalnya pada tahun pertama selepas penubuhannya. Bagi maksud supaya tulisan ini tidak menjadi terlalu panjang bagi sebuah majalah, perkara ini di sini, tetapi akan membicarakannya dalam sebuah tulisan lain secara khusus dan berasingan pula. Sebagai pendahuluan bolehlah disebut bahawa bidang-bidang kegiatan awal Majlis adalah tertumpu kepada perkara-perkara berikut.

1. peraturan mengadakan mesyuarat.
2. membuat dan menyempurnakan kes guaman dari mahkamah syariah.
3. menjalankan pekerjaan zakat.

---

Yang Maha Mulia Al-Sultan berkenaan dengan jawatan Yang Dipertua Majlis Agama Islam akan dilantik daripada "pegawai tadbir Melayu Kelantan yang tertua" (Pengasuh bilangan 257 (Januari 1954), hlm 38). Lihat juga rencana pengarang Pengasuh bertajuk "Kewangan Majlis Sult" Tahun 1954 dalam Pengasuh bilangan 258 (Februari 1954) hlm. 3.

19. Lihat laporan "Kajian Pentadbiran Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan" (MAMPU, Jabatan Perdana Menteri, tanpa tarikh), hlm. 19.

4. menjalankan yang berkenaan dengan harga baitulmal.
5. menjalankan pekerjaan yang berkenaan dengan perempuan jahat.
6. menjalankan pekerjaan yang berkenaan dengan surau-surau.
7. membetulkan segala pegawai-pegawai surau.
8. menjaga dan menjalankan pekerjaan tiga masjid – Kota Bharu, Langgar dan Kampung Laut.<sup>20</sup>

Sementara kegiatan Majlis selepas tahun 1916 pula ialah menubuhkan Madrasah Al-Muhammadiyah (Melayu) pada tahun 1917, mengadakan percetakan (1917), menterjemah dan menerbitkan kitab-kitab (1917), menerbitkan majalah Pengasuh (1918), mengadakan kelas bahasa Inggeris (1918), membangunkan Masjid Muhammadi (1921) dan lain-lain. Gambaran sebenar mengenai bidang tugas dan jenis pekerjaan yang dibuat oleh Majlis pada peringkat awal ini dapat dilihat daripada nama-nama pejabat (bahagian) yang ada di Majlis sehingga akhir tahun 1917. Pejabat-pejabat ini ialah:

1. Pejabat Setiausaha Majlis.
2. Pejabat Nazir Madrasah Al-Muhammadiyah.
3. Pejabat Terjemah Kitab-kitab Majlis.
4. Pejabat Mufti.
5. Pejabat Zakat Padi dan Fitrah.
6. Pejabat Menyukat Mentara Mukim Surau.
7. Pejabat Matbaah Majlis.<sup>21</sup>

#### **Majlis Agama Islam Kelantan Pada Hari Ini**

Pada hari ini Majlis Agama Islam Kelantan menikmati kedudukannya sebagai badan tertinggi agama di peringkat negeri Kelantan. Ia menjadi induk kepada semua agensi agama yang ada dalam negeri Kelantan dan berperanan menjadi badan yang menasihati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dalam perkara-perkara yang berkenaan dengan agama dan adat istiadat Melayu menurut sebagaimana yang diperuntukkan dalam perlembagaan negeri Kelantan di bawah perkara 6(1) Bahagian Pertama.

Di bawah undang-undang Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1966 (Undang-undang bilangan 2 Tahun 1966), Majlis adalah diberi kuasa, antara lain, menjalankan perkara-perkara berikut:

1. Fatwa rasmi bagi negeri Kelantan.
2. menjadi penguasa wasiat dan pentadbir pesaka orang Islam.
3. urusan zakat, baitulmal, khairat dan nazar.
4. perlantikan pegawai-pegawai masjid.
5. menjadi pemegang amanah bagi semua masjid dan hartanya yang tak aleh.
6. hal-hal yang berkaitan dengan saudara baru.
7. tauliah mengajar agama.
8. rukyah anak bulan bagi penentuan puasa dan hari raya.

20 Lihat Penyata Majlis Agama Islam Kelantan 1916, hlm. 5.

21 Lihat Penyata Majlis Agama Islam Kelantan 1917, hlm. 46.

9. kuatkuasa mengenai ajaran salah dan amalan munkar.
10. agihan wang zakat dan isnaf.
11. kuasa mengenai penubuhan badan-badan kebajikan — seperti darulaitam.
12. pendaftaran sekolah-sekolah agama.<sup>22</sup>

### Persekolahan Majlis Sehingga Tahun 1976

Di antara kegiatan awal Majlis yang agak berjaya dan membanggakan ialah penglibatannya dalam bidang pelajaran dan persekolahan. Untuk beberapa dekad selepas penubuhan sekolah pertamanya pada tahun 1917 sehinggalah membawa kepada pecah Perang Dunia Kedua, persekolahan Majlis ditakdirkan telah memainkan peranannya selaku pusat pendidikan Islam dan pengajian bahasa Melayu yang terpenting di negeri Kelantan.

Salah satu daripada tujuan penubuhan Majlis pada peringkat awal ialah “mengadakan sekolah-sekolah agama (Arab) dan Melayu”. Tujuan ini ada disebut bersama-sama dengan beberapa tujuan lain seperti mengadakan masjid, menterjemahkan kitab-kitab Arab (agama) ke dalam bahasa Melayu, memberi pertolongan kepada fakir miskin dan lain-lain, dalam sebuah dokumen yang ditandatangani oleh Haji Nik Mahmud bin Ismail (Dato’ Bentara Setia) pada tahun 1916.<sup>23</sup>

Bagi memenuhi tujuan ini, Majlis mengasaskan “al-madrasah al-Muhammadiyah al-Kelantaniah” atau “Madrasah Muhammadiyah (Melayu)” pada 5 Ogos 1917 (bersamaan 17 Syawal 1335 Hijriah), bertempat di tingkat bawah bangunan pejabat lama Majlis di Jalan Sultan, Kota Bharu. Adalah dipercayai inilah julung-julung kalinya sebuah sekolah Melayu sepertinya pernah didirikan di negeri Kelantan, mendahului sekolah-sekolah Melayu lain anjuran Kerajaan yang ditubuhkan jauh lebih kemudian daripadanya.

Pada tahun-tahun awal penubuhannya, sekolah ini terbahagi kepada tiga kelas; pertama, Kelas I dan Kelas II. Mata pelajaran yang diajar ialah bacaan, kira-kira asas, fardu ain dan karang-mengarang, sementara tulisan pengantarnya ialah tulisan jawi. Antara buku-buku teks yang dipakai ialah Jalan Sejahtera, Semangat Kehidupan, Jambangan Melayu, Lunas Pengetahuan dan Cahaya Pernama. Semua buku ini dicetak dan diterbitkan sendiri oleh Majlis.<sup>24</sup>

Jumlah murid yang berdaftar di sekolah ini sehingga tarikh yang berakhir pada 31 Disember 1917 ialah 310 orang, sementara bilangan gurunya pula ialah 7 orang. Nama-nama guru ini ada dinyatakan dalam Penyata Majlis Tahun 1917 itu. Mereka ialah Haji Ibrahim (Tok Raja) bin Haji Yusof (kemudiannya Mufti Kerajaan Kelantan 1917–1941), Husin bin Muhd. Taib, Haji Nuh bin Ali, Haji Wan Ahmad bin Haji Muhd. Said, Haji Ahmad bin Haji Muhammad, Haji Ismail bin Haji Sulong dan Haji Muhammad bin Haji Isa. Guru pertama, Haji Ibrahim, dibayar gaji sebanyak \$20.00 sebulan “kerana mengajar di Masjid Besar Kota Bharu” sementara guru-guru lain dibayar sebanyak \$15.00.<sup>25</sup>

22 Lihat “Pengenalan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan”, Pejabat Majlis Agama Islam Kelantan, hlm. 3 (dengan tambahan dan penyesuaian ayat).

23 Lihat “Tujuan Majlis Agama Islam Kelantan tahun 1916” (dokumen tersimpan di Pejabat Majlis Agama Islam Kelantan, Kota Bharu).

24 Lihat Penyata Majlis Tahun 1917, hlm. 33. Lihat juga Abdullah Alwi Haji Hassan “The Development of Islamic Education in Kelantan” dalam “Tamaddun Islam di Malaysia” (Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1980, hlm. 197).

25 Penyata Majlis 1917, hlm. 21–22.

Di samping menyediakan mata pelajaran bacaan, kira-kira, fardu ain dan lain-lain sebagaimana disebut di atas, sekolah ini juga ada menyediakan mata pelajaran bahasa Arab dan bahasa Inggeris. Penyata Majlis tahun yang sama ada menyebutkan: "di dalam madrasah itu ada juga dicuba mengajar bahasa Arab kepada dua tiga empat orang murid-murid yang dimasuk di dalam bilangan darjah yang kedua.....", sementara bagi mata pelajaran bahasa Inggeris pula, penyata yang sama menyatakan begini: "demikian juga dicuba mengajar bahasa Inggeris pada tiap-tiap malam iaitu dari semenjak dibuka madrasah itu. Maka jumlah kanak-kanak yang ada belajar bahasa Inggeris pada mula-mulanya tiada kurang 40 orang akan tetapi pada tiap-tiap bulan semakin kurang kanak-kanak yang hadir belajar itu sehingga tinggal cuma 28 orang sahaja pada akhir tahun 1917". Seorang muallaf bernama Encik Husin dilantik menjadi guru bahasa Inggeris di sekolah ini dengan dibayar gaji sebanyak \$20.00 sebulan, sementara Yang Berhormat Dato' Bentara Luar (Encik Muhd. Ghazali Arifin), seorang anggota Majlis, "dengan suka hatinya pada tiap-tiap malam ada menolong mengajar beberapa kanak-kanak..." (Penyata Majlis Tahun 1917 muka surat 22 dan 23).

Pada bulan Oktober tahun 1918, Majlis memulakan kelas bahasa Inggerisnya secara khusus dan berasingan daripada Madrasah Muhammadiyah di atas. Kelas ini yang dipimpin oleh Megat Othman bin Megat Ali dan Muhd. Arifin bin Dato' Seri Maharaja Abu Bakar, diadakan pada waktu pagi, mulai jam 8 hingga 11 tengahari, dan terbahagi kepada tiga kelas; permulaan, Kelas I dan Kelas II (sama seperti kelas di Madrasah Muhammadiyah). Jumlah murid berdaftar dalam masa tiga bulan, iaitu sehingga akhir tahun 1918, ialah 82 orang.<sup>26</sup> Sama seperti sekolah Melayu, kelas bahasa Inggeris anjuran Majlis ini juga menjadi kelas bahasa Inggeris pertama pernah diadakan di negeri Kelantan. Dato' Muhd. Daud Salim atau lebih dikenali dengan nama Encik Wok Johor, seorang anggota Majlis, dilantik menjadi anggota yang bertanggungjawab di atas semua peralanan dan perancangan persekolahan Majlis pada peringkat awal ini.

Kedua-dua buah sekolah ini kemudiannya muncul menjadi sekolah-sekolah tumpuan masyarakat Islam di bandar Kota Bharu khasnya dan negeri Kelantan amnya bagi mendapatkan didikan pelajaran secara formal pada permulaan abad ke-20. Ramai dari kalangan cerdik pandai Melayu Kelantan yang berjaya mencipta namanya pada tahun-tahun sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua, termasuk para pegawai tadbirnya, diketahui pernah mendapat pelajarannya di sekolah Majlis ini. Antaranya (sekadar menyebut beberapa nama) ialah Hassan Omar (Penolong Pengarang 'Pengasuh' dan anggota Majlis pada awal tahun 1930-an), Abdul Kadir Adabi Ahmad (Novelis Acuman Mahkota, II Rejab dan lain-lain), Saad Syukri Haji Muda (Penulis Kitab-kitab Kamus yang terkenal), Tan Sri Dato' Nik Ahmad Kamil (Menteri Besar Kelantan dan Speaker Dewan Rakyat), Haji Yaakub Mohamed (Ahli Parlimen Singapura dan bekas Duta Singapura ke Filipina), Tengku Hamzah bin Tengku Zainal Abidin (ayahanda kepada Tengku Razaleigh Hamzah). Dato' Ahmad Ismail (pengarang majalah Al-Hikmah), Dato' Haji Mohd Noor Ibrahim (Mufti Kerajaan Negeri Kelantan 1968-1987) dan lain-lain. Turut menjadi murid di sekolah ini pada

<sup>26</sup> Penyata Majlis Tahun 1918, hlm. 10.

awal tahun 1930-an ialah dua orang pelajar bukan Islam, Foo. Say Lee dan Foo See Moi.<sup>27</sup>

### Tiga Buah Sekolah Peringkat Jajahan

Menjelang tahun 1920, Majlis membuka tiga buah sekolah lagi. Kali ini di peringkat jajahan pula. Sekolah-sekolah ini ialah sebuah di Pasir Puteh, sebuah di Pasir Mas dan sebuah di Kampung Kutan (sekarang dalam Jajahan Tumpat):

1. Madrasah Pasir Puteh: Madrasah ini didirikan pada 1 April 1918 dengan murid seramai 20 orang dan seorang guru dilantik bernama Engku Abdul Kadir. Selepas enam bulan Engku Abdul Kadir meletak jawatan digantikan oleh Haji Wan Muhamad bin Haji Wan Puteh mulai 12 Oktober 1918. Kedua-dua mereka dibayar gaji sebanyak \$16.00 sebulan oleh Majlis. Pada akhir tahun 1918 jumlah murid sekolah ini bertambah kepada 61 orang. Kebanyakan mereka terdiri daripada orang-orang dewasa dan imam-imam. Beberapa orang pegawai Kerajaan, termasuk Kadi Pasir Puteh sendiri, Haji Abdul Majid, ikut tersenarai sebagai murid-murid sekolah ini (Penyata Majlis tahun 1918 muka surat 20).
2. Madrasah Pasir Mas: Ditubuhkan pada 9 September 1918 dengan sejumlah 68 orang murid dan seorang guru — Haji Zakaria bin Haji Taib. Masa belajar ialah dari jam 8 pagi hingga 11 tengahari "mengikut peraturan mengajar seperti pelajaran di Madrasah Muhammadiyah di Kota Bharu". Sehingga bulan Disember tahun yang sama, jumlah murid sekolah ini meningkat kepada 92 orang (penyata Majlis tahun 1918 muka surat 22).
3. Madrasah Kampung Kutan: Diasaskan pada 1 Ogos 1919 dengan jumlah murid seramai 40 orang. Dua buah tempat belajar disediakan bagi sekolah ini; sebuah di atas surau Kutan yang kemudiannya berpindah ke sebuah rumah berdekatan dan sebuah lagi di sebuah rumah lain yang disebut dalam penyata "berhampiran dengan tepi sungai dalam 20 depa". Gurunya ialah Encik Othman bin Haji Yunus, iaitu seorang "peranakan Pulau Pinang yang telah lama tinggal di Kampung Kutan". Beliau dibayar gaji sebanyak \$12.00 sebulan (Penyata Majlis Tahun 1919 muka surat 16). Waktu belajar mulai jam 7 pagi hingga 12 tengahari dan dari pukul 12 tengahari hingga pukul 4 petang" dan pelajarannya diadakan dua kali pada satu hari kerana kanak-kanak itu berlebihan tiada sempat mengajar dengan satu waktu...." (sumber sama).

Sekolah-sekolah ini berkembang dari tahun ke tahun, baik dari segi penambahan murid dan guru mahupun dari segi peningkatan pelajarannya. Pada tahun 1920 kedudukan guru dan murid bagi sekolah-sekolah ini adalah seperti

27 Lihat Tengku Azmi Tengku Jaafar, "Sejarah Penubuhan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan serta Tahap-tahap Permulaan Perkembangannya" (Kajian ilmiah untuk Jabatan Sejarah Universiti Malaya 1983/84), hlm. 49–50. Lihat juga Nik Abdul Aziz Haji Nik Hassan, "Sumbangan Majlis Terhadap Kemajuan Pelajaran di Negeri Kelantan 1915–1930" dalam "Islam di Kelantan" (Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1983), hlm. 86.

ini: Madrasah Pasir Mas (2 orang guru dengan 60 murid), Madrasah Pasir Puteh (3 orang guru dan 47 murid) dan Madrasah Kampung Kutang (seorang guru dan 40 murid).<sup>28</sup> Bagi maksud supaya tulisan ini tidak menjadi terlalu panjang, saya tidak bercadang untuk memerikan hal-hal mengenai sistem dan kurikulum sekolah-sekolah ini di sini.

Perkembangan ini bagaimanapun berhenti pada tahun 1924 apabila pihak berkuasa Majlis bertindak "menutup" semua sekolah-sekolah jajahan ini pada tahun berkenaan atas sebab-sebab kewangan. Penyata Majlis Tahun 1924 menyatakan "maka sekolah yang dijangankan oleh Majlis itu dalam tahun ini cuma tinggal satu tempat sahaja iaitu Madrasah Muhammadiyah Kota Bharu kerana Sekolah Pasir Mas, Pasir Puteh dan Kutang (sekarang dieja Kutan) telah diberhentikan kerana menjimatkan perbelanjaan bagi bangunan masjid baru itu"<sup>29</sup> atas sebab-sebab yang sama juga kita lihat tidak ada sekolah baru dibuka oleh Majlis dalam dekad tahun 1920-an ini.<sup>30</sup>

### Sekolah-sekolah Majlis Menjelang Perang Dunia Ke-II

Sepanjang dekad tahun 1930-an, membawa kepada pecah Perang Dunia Kedua pada bulan Disember 1941, Majlis membuka tiga buah sekolah lagi. Pembukaan sekolah-sekolah ini yang bermula pada tahun 1932 adalah dibuat selepas Majlis selesai menyiapkan bangunan baru Masjid Muhammadi pada tahun 1931. Adalah dipercayai bahawa pada waktu sekolah-sekolah ini dibuka, kedudukan kewangan Majlis agak melegakan.

Sekolah pertama dibuka pada dekad tahun 1930-an ini ialah Madrasah Muhammadiyah (Melayu) bahagian perempuan. Sekolah ini dibuka bagi maksud menampung lebih ramai pelajar wanita yang setiap tahun "menyerbu" masuk ke Madrasah Muhammadiyah yang dibuka pada tahun 1917 itu, memandangkan bahawa bilangan pelajar-pelajar ini ramai dan sentiasa bertambah dari tahun ke tahun, maka Majlis memikirkan bahawa sebuah sekolah khusus bagi mereka perlu disediakan. Hasilnya: sebuah Madrasah Muhammadiyah (Melayu) lain dibuka pada 16 Februari 1932. Butiran lengkap mengenai pembukaan sekolah ini, berapa ramai murid-muridnya dan siapakah guru-gurunya, tidak tercatat dalam Penyata Majlis Tahun 1932 atau 1933.

Kedua-dua buah sekolah ini (Madrasah Muhammadiyah 1917 dan Madrasah Muhammadiyah 1932) kemudiannya dikenali secara berasingan dengan nama

28 Lihat Penyata Majlis Tahun 1921, hlm. 8.

29 Lihat Penyata Majlis Tahun 1924, hlm. 6. Masjid Batu yang dimaksudkan ialah bangunan baru bagi masjid besar Kota Bharu (kemudiannya dinamakan masjid Muhammadi) yang dibina bagi menggantikan bangunan lama yang diperbuat daripada kayu. Batu asas bangunan baru ini telah diletakkan batu masnya oleh K.D.Y.M.M. Al-Sultan Ismail pada 21 Ogos 1922. Untuk lebih lanjut mengenai Masjid Muhammadi, sila lihat Abdul Razak Mahmud, "Masjid Muhammadi Kota Bharu, 1867-1987" dalam Pengasuh bil. 490/Disember 1987, hlm. 19-27.

30 Mohd. Yunan Haji Mahmud dalam bukunya "Biografi Tokoh Pendidikan Yayasan Islam Kelantan (Yayasan Islam Kelantan, Nilam Puri, 1988), hlm. 58 menyebut sebuah kelas bahasa Arab dibuka pada tahun 1923 bertempat di sebelah bawah bangunan Majalah lama, di antara Office Cetak (Matbaah) dengan tangga ke tingkat atas, oleh Haji Wan Abdul Rahman Daud Al-Makki. Menurut beliau inilah julung-julung kalinya pengajian bahasa Arab secara persekolahan diadakan di Kelantan. Dukacita saya tidak menemukan apa-apa maklumat mengenai perkara ini dalam Penyata Majlis tahun berkenaan atau tahun selepasnya.

Madrasah Muhammadiyah (Melayu) lelaki dan Madrasah Muhammadiyah (Melayu) perempuan. Bagaimanapun, tempat belajarnya masih sama, iaitu di tingkat bawah bangunan pejabat lama Majlis di Jalan Sultan di Kota Bharu.

Sekolah kedua dibuka dalam dekad ini ialah Madrasah Muhammadiyah Arabiah. Pembukaan madrasah ini pada 1 April 1937 bolehlah dianggap sebagai kemuncak daripada perkembangan persekolahan Majlis pada tahun-tahun sebelum Perang Dunia Kedua dan malah pada tahun-tahun selepas perang dan selepas kemerdekaan juga. Sekolah ini yang kemudiannya dua kali bertukar nama (Jame' Merbau Al-Isma'ili pada tahun 1942 dan Maahad Muhammadiyah pada tahun 1956) ditakdirkan menjadi "menara gading" bagi pelajar-pelajar aliran agama di Kelantan dan diterima umum sebagai salah sebuah sekolah agama yang bermutu tinggi di Semenanjung Malaysia sehingga sekarang.

Sejarah sekolah ini bermula dengan sangat sederhana dan bersahaja. Seorang guru bernama Syed Abu Bakar bin Abdullah bin Abdul Rahman Al-Attas dari Johor mengemukakan permohonan kepada Al-Sultan Kelantan pada waktu itu, K.D.Y.M.M. Al-Sultan Ismail ibni al-marhum Sultan Muhammad Ke-IV, bagi menubuhkan sebuah sekolah Arab di Kelantan mengikut model sekolah-sekolah Arab di negeri Mesir.<sup>31</sup> Apabila permohonan ini diterima, sebuah sekolah dengan dua buah kelas, 75 orang murid dan tiga orang guru dibuka di bahagian belakang bangunan pejabat lama Majlis di Jalan Sultan, Kota Bharu. Pengemuka permohonan, Syed Abu Bakar, menjadi guru besar, sementara dua orang guru penolongnya ialah Haji Wan Mahmud Haji Wan Daud Al-Makki dan Haji Wan Yusof Haji Wan Hassan.

Kelas-kelas ini kemudiannya, setelah bertambah banyak dan ramai, dipindahkan ke sebuah bangunan yang dibina khusus baginya, di Jalan Merbau, Kota Bharu, pada 1 Julai 1942. Bangunan baru ini dibina di atas tanah seluas 2½ ekar dengan perbelanjaan sebanyak \$23,320.00 (pinjaman daripada Kerajaan Negeri sebanyak \$15,000.00 sementara bakinya daripada wang Majlis).<sup>32</sup> Pada waktu berpindah ke bangunan ini, sekolah ini memakai nama barunya "Jame' Merbau Al-Isma'ili". Dalam perkembangan selanjutnya, apabila sekolah ini sekali lagi berpindah ke kampus baru yang lebih besar pada 5 Januari 1956, ia bertukar nama lagi menjadi Maahad Muhammadiyah,<sup>33</sup>

Sementara itu, sekolah terakhir dibuka oleh Majlis pada tahun-tahun sebelum perang ialah Madrasah Ibrahimiah, Pasir Puteh. Sekolah ini yang terletak di Kampung Padang Pak Amat dan yang diberi nama "Ibrahimiah", mengambil sempena nama Tengku Ibrahim ibni al-marhum Sultan Muhammad Ke-IV yang pada masa itu bergelar "Raja Kelantan" dan menjadi Yang Dipertua Majlis, dibuka pada 1 Januari 1938. Pada mula-mula dibuka, sekolah ini mempunyai 25 orang murid dan seorang guru. Yuran sebanyak \$1.00 seorang dikenakan kepada murid-murid yang belajar di sekolah ini (Penyata Majlis Tahun 1938 muka surat 8).

31 Abdullah Abdul Razak, "Sejarah Ringkas Al-Maahad Al-Muhammadi Lilbanat" dalam An-Nur (Majlis Sanawiyah Maahad Muhammadiyah Perempuan, Kota Bharu), Bil. 22 Tahun 1988, hlm. 25.

32 Penyata Majlis Tahun 1938, jlm. 11.

33 Untuk lebih lanjut mengenai sejarah Maahad Muhammadiyah, sila lihat antara lain Abdul Razak Mahmud, "Maahad Muhammadiyah 1937-1987" dalam Pengasuh bil. 485, hlm. 15-17.



## Sekolah-sekolah Majlis di antara Tahun 1940 hingga 1960

Dalam tempoh dua dekad mulai 1940 hingga 1960 ini, persekolahan Majlis menyaksikan zaman jayanya yang makmur dan gemilang. Para pelajar lepasan pondok atau separa pondok ramai menyertai sekolah-sekolah agama Majlis ini. Selain dari itu, berikutan daripada kesan yang ditinggalkan oleh perang dan kebangkitan nasionalisme Melayu pada tahun-tahun selepasnya telah menyebabkan sekolah-sekolah agama ini menjadi "Wadah" tempat menampung pemuda-pemuda yang dibakar oleh bahang nasionalisme ini. Kerana tidak cukup tempat belajar yang disediakan, rakyat di kampung-kampung mendirikan apa yang dipanggil "Sekolah-sekolah rakyat". Lulusan sekolah rakyat ini, biasanya pada peringkat rendah sahaja, sama ada sekolah rakyat agama atau bukan agama, kemudiannya ramai yang menyambung pelajaran ke sekolah-sekolah agama.

Demikianlah kita melihat bagaimana pertumbuhan pesat sekolah-sekolah agama ini berlaku di antara tempoh tahun-tahun sebelum kemerdekaan. Khusus bagi persekolahan Majlis, sehingga tempoh sebelum perang tamat pada 1945, sekolah-sekolahnya bertambah menjadi 8 buah berikutan penerimaan masuk 4 buah sekolah agama rakyat ke dakam Keluarga Sekolah-sekolah Majlis. Sekolah-sekolah ini ialah Madrasah Falahiah Pasir Pekan, Tumpat (diterima pada 1 Januari 1943), Madrasah Arabiah Pasir Mas (1 Januari 1943), Madrasah Yaaqubiah Nipah, Bachok (1 Januari 1943) dan Madrasah Amir Indera, Beris Kubur Besar, Bachok (26 Mac 1944).<sup>34</sup> Setahun kemudian, 1946, terdapat sejumlah 12 buah sekolah kesemuanya yang terletak di bawah tadbiran Majlis, termasuk 3 buah yang diterima pada tahun berkenaan (Madrasah Arabiah Pangkalan Chengal, Bachok; Sekolah Agama Gual Periok, Pasir Mas; dan Sekolah Agama Kampung Mujur).<sup>35</sup> Pada 1 Januari 1949, sebuah lagi sekolah diterima menjadi Sekolah Majlis — Madrasah Shamsul Maarif, Pulau Chondong, Machang.<sup>36</sup> Pada tahun 1952, Madrasah Ismailiah Semerak, Pasir Puteh, ikut tercantum di dalam daftar sekolah-sekolah Majlis pada tahun berkenaan.<sup>37</sup>

Bagaimanapun, kebaikan dari semua perkembangan ini, pada tahun 1951, Majlis diberitakan menutup 3 buah sekolahnya — Madrasah Ibrahimiah (Pasir Puteh), Madrasah Jame' Arabiah (Hulu Kelantan) dan Madrasah Darul Ma-aarif (Kedai Lalat, Kota Bharu).<sup>38</sup> Oleh kerana saya tidak berpeluang melihat penyata-penyata Majlis bagi tempoh dekad 40-an, maka tidaklah dapat dipastikan bilakah dua buah sekolah terakhir ini ditubuhkan oleh Majlis atau diterima masuk menjadi Sekolah Majlis daripada sekolah yang asalnya dibangunkan oleh rakyat. Sementara itu, dalam Penyata Majlis Tahun 1953 pula, nama Madrasah Ismailiah Semerak, sudah tidak tercatat lagi dalam senarai sekolah-sekolah Majlis, tetapi tidak pula ada maklumat mengenai penutupannya.<sup>39</sup> Adapun mengenai Sekolah Agama Gual Periok, maka ia dinyatakan "terpaksa ditutup pada akhir tahun 1959 disebabkan murid-muridnya keluar beramai-

34 Ismail Awang, "Haji Wan Adam Wan Abdullah Pengasas Sekolah Arab Falahiah" dalam Pengasuh, bil. 418/September 1976, hlm. 26-27.

35 Abdullah Alwi Haji Hassan, sumber sama, hlm. 200.

36 Ismail Awang, sumber sama, hlm. 27.

37 Penyata Majlis Tahun 1952, hlm. 4.

38 Abdullah Alwi Haji Hassan, sumber sama, hlm. 202.

39 Penyata Majlis Tahun 1953, hlm. 5.

ramai dan ikhtiar hendak membukanya semula sebagai sebuah sekolah Arab telah tidak berjaya kerana tidak mendapat sambutan daripada orang ramai....”<sup>40</sup>

Pada akhir tahun 1960, Sekolah-sekolah majlis tinggal 8 buah sahaja. Sekolah-sekolah ini ialah: Maahad Muhammadiyah (Melayu) lelaki; Maahad Muhammadiyah (Melayu) Perempuan; Maahad Muhammadiyah (Arab); Madrasah Falahiah Pasir Pekan; Madrasah Yaaqubiah Nipah, Bachok; Madrasah Arabiah Pasir Mas; Madrasah Amir Indera Beris Kubur Besar, Bachok; dan Madrasah Shamsul Ma-aarif, Pulau Chondong, Machang. Kedua-dua buah sekolah pertama adalah sekolah rendah Melayu dari darjah I hingga darjah IV (mulai umur 7 tahun). Sementara sekolah-sekolah lain adalah Sekolah Menengah Agama Arab (mulai umur 13 tahun, iaitu selepas tamat persekolahan rendah) dengan bahasa pengantarnya bahasa Arab. Kecuali Maahad Muhammadiyah (Arab) Kota Bharu, semua sekolah menengah agama/Arab yang lain adalah sehingga darjah enam atau al-Faslus Saadis sahaja. Lulusan darjah enam daripada sekolah-sekolah ini diberi peluang menyambung pelajaran peringkat thanawinya di al-Maanhad al-Muhammadi selama 3 tahun lagi bagi membolehkannya mendapatkan “Syahadah al-Maahad al-Muhammadi” yang mulai tahun 1961 diperakui oleh Universiti al-Azhar di Kaheerah sebagai layak bagi memasuki mana-mana kuliah di universiti berkenaan. Apabila sistem baru persekolahan agama negeri Kelantan diperkenalkan pada tahun 1971, sekolah-sekolah selain Maahad Muhammadiyah sehingga tingkatan 6 atas atau as-Sanah at-taujihyyah. Baik dalam sistem lama mahupun dalam sistem baru, Maahad Muhammadiyah tetap menjadi “Sekolah pusat” bagi sekolah-sekolah Majlis ini.

### Perkembangan Mutakhir

Dengan baki 8 buah sekolah pada tahun 1960 di atas, Majlis memainkan peranannya menjadi institusi agama yang bertanggungjawab dalam persekolahan agama negeri Kelantan, meneruskan tujuan awal penubuhannya sebagaimana yang digariskan dalam “tujuan Majlis Agama Islam Kelantan Tahun 1916” dahulu. Di samping sekolah milik penuh Majlis ini, pada masa yang sama juga terdapat lebih seratus buah sekolah agama rakyat yang bernaung di bawah Majlis dan yang memakai kurikulum dan sistem persekolahan Majlis. Pada tahun 1968 terdapat sejumlah 158 buah sekolah agama seperti ini di seluruh negeri Kelantan, menjadi negeri Kelantan termasuk di antara beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia yang mempunyai taburan sekolah agama yang banyak.<sup>41</sup>

Menjelang tahun 1976, apabila pentadbiran sekolah-sekolah ini diambil alih oleh Kerajaan Negeri Kelantan melalui JASA (Jabatan Sekolah-sekolah Agama Kelantan), masih ada beberapa perkembangan lain yang berlaku dan patut dicatat dalam tulisan ini. Antara perkembangan ini ialah:

#### 1. Kelas Thanawi Bagi Pelajar Perempuan di Maahad Muhammadiyah (1966).

Sejak ditubuhkan dengan nama Madrasah Muhammadiyah (Arab) pada tahun 1937 dahulu, Maahad Muhammadiyah adalah khusus bagi pelajar lelaki.

<sup>40</sup> Penyata Majlis Tahun 1960, hlm. 7.

<sup>41</sup> Papan Kenyataan Pejabat Pelajaran Majlis di bangunan pejabat lama Majlis di Jalan Sultan, Kota Bharu.

Pelajar-pelajar perempuan yang lulus dari mana-mana Sekolah Majlis di peringkat jajahan (seperti Madrasah Falahiah atau Yaaqubiah), tidak menyambung pelajaran peringkat thanawinya di Maahad Muhammadi, sebaliknya disalurkan ke sekolah-sekolah lain yang mempunyai kelas thanawinya seperti Naim Lilbanat dan Madrasah Yaaqubiah Lundang. Keadaan ini kekal sehingga tahun 1966 apabila kelas thanawi bagi pelajar perempuan ini dibuka pada tahun itu di Maahad Muhammadi. Kelas ini menumpang di bangunan Maahad Muhammadi. Seorang guru wanita, ustazah Salmah Hassan, dilantik menjadi guru wanita pertama mengajar di kelas ini. Bagaimanapun, guru-guru lelaki yang sedia ada di Maahad Muhammadi pada waktu itu, turut juga mengajar di kelas perempuan ini. Pembukaan kelas ini membuka jalan kepada kemasukan pelajar-pelajar perempuan ke Maahad Muhammadi pada tahun-tahun selepasnya.

2. Penubuhan Lembaga Peperiksaan Sijil Sekolah-sekolah Agama Kelantan (1968).

Penubuhan Lembaga ini dimaksudkan bagi menimbangtara nilai sijil sekolah-sekolah agama negeri Kelantan yang sebelum ini tidak diberi nilai mutu yang seragam. Meskipun sekolah agama ini memakai sistem dan kurikulum yang sama, iaitu sistem dan kurikulum Majlis, namun dalam praktiknya nilai sijil yang dikeluarkan ini tidak mendapat pengiktirafan yang serupa. Ada sekolah yang sijil atau syahadahnya diterima memasuki universiti dan ada yang tidak. Bagi mimatarakan nilai sijil ini supaya menjadi seragam, sebuah lembaga seperti yang diberi nama di atas, ditubuhkan oleh Majlis bagi menjadi badan yang bertanggungjawab dalam perkara-perkara peperiksaan dan pengeluaran sijil. Penubuhan lembaga ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Anggota Majlis pada 28 September 1967 dan telah diampuni perkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulis Al-Sultan pada 16 Oktober tahun yang sama. Bagaimanapun, perjalanan sebenar lembaga ini baru bermula pada 1 Julai 1968 apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenaan melantik sebuah Jemaah Tadbir Lembaga bagi tempoh selama dua tahun yang berakhir pada 30 Jun 1970. Jemaah ini dipengerusikan oleh Tuan Haji Abdul Kadir Abdullah dan setiausahanya ialah Tuan Haji Hassan Idris (Pegawai Pelajaran Majlis pada waktu itu).<sup>42</sup>

3. Penutupan Madrasah Muhammadiyah (Melayu) Lelaki dan Perempuan (1970)  
Kedua-dua Sekolah Rendah Melayu Majlis ini, yang bermula dengan nama Madrasah Muhammadiyah (Melayu) lelaki 1917 dan Madrasah Muhammadiyah (Melayu) perempuan 1932 dan berakhir dengan nama Maahad Muhammadi (Melayu) lelaki dan Maahad Muhammadi (Melayu) perempuan, ditutup secara berperingkat-peringkat mulai tahun 1970. Penutupan ini dibuat di atas sebab-sebab tertentu yang tidak perlu dicatat di sini. Keputusan penutupan ini bagaimanapun menimbulkan berbagai-bagai reaksi daripada masyarakat umat Islam negeri Kelantan. Ada yang bersimpati dengan beban kewangan yang ditanggung oleh Majlis, tidak kurang pula ada yang mempertikaikan

42 Lihat Abdul Razak Mahmud, "Dua Puluh Tahun Lembaga Peperiksaan Sijil Sekolah-sekolah Agama Kelantan" dalam Pengasuh bil. 495, hlm. 35-42.

penutupan dua buah sekolah yang sudah sangat banyak berjasa itu. Akhbar "Mingguan Kota Bharu" yang terbit di Kota Bharu pada waktu itu menjadi wadah memuat pelbagai reaksi ini pada beberapa minggu selepas keputusan itu dibuat.

#### 4. Pelaksanaan Sistem Pelajaran Sekolah Agama Kelantan (1971)

Sistem ini yang biasa disebut "Serampang dua mata" menggabungkan mata pelajaran agama dan akademik sekaligus dalam satu masa belajar. Sebelum sistem ini dilaksanakan pada tahun 1971, kurikulum pelajaran agama di Kelantan tidak memberi tumpuan kepada pengambilan sijil-sijil akademik seperti Sijil Rendah Pelajaran dan Sijil Pelajaran Malaysia oleh para pelajar. Dengan terlaksananya sistem baru ini, pelajar sekolah agama berpeluang merebut sijil-sijil ini sekaligus dengan sijil-sijil agamanya yang sedia ada dalam tempoh pengajian selama 8 tahun (mulai kelas peralihan hingga 6 atas). Pada Tingkatan 3 mereka mengambil Sijil Rendah Pelajaran, Tingkatan 4 (Sijil Menengah Agama atau As-Syahaadah Ar-robiah Aththanawiah), Tingkatan 5 (Sijil Pelajaran Malaysia) Tingkatan 6 bawah (Sijil Tinggi Agama atau As-Syahaadah Ad-diniyah Al-'alah) dan pada Tingkatan 6 atas (Sijil Tinggi Pelajaran).

Kedua-dua mata pelajaran agama dan akademik bagi kedua-dua aliran peperiksaan itu disediakan selengkapnya dalam sistem pelajaran baru itu.<sup>43</sup>

#### Dari Majlis kepada Kerajaan Negeri (JASA)

Mulai 1 Julai 1974 Kerajaan Negeri bersetuju mengambil alih semua sekolah di bawah tadbiran Majlis yang sebanyak 8 buah itu. Persetujuan itu dimasyhurkan di satu majlis bertempat di Dewan Johor, Nilam Puri, pada bulan Julai 1974, beberapa minggu sebelum pilihanraya umum bulan Ogos tahun berkenaan. Turut diambil alih ialah sekolah-sekolah agama rakyat yang "bernaung" di bawah Majlis.

Walaupun demikian keadaannya, namun tarikh sebenar pelaksanaan ambil alih ini baru bermula selepas dua tahun, iaitu pada 1 Ogos 1976. Surat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan kepada Dato' Yang Dipertua Majlis bilangan 1703/73 (26) bertarikh 2 Ogos 1976 menyatakan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bersidang pada 29 Julai 1976 bersetuju melaksanakan pengambilan alih sekolah-sekolah itu mulai 1 Ogos tahun yang sama. Sebelum tarikh itu, semua pengurusan sekolah dan gaji guru masih menjadi tanggungjawab Majlis.<sup>44</sup>

43 Untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai sistem persekolahan baru ini sila lihat risalah soal jawab mengenai sistem lama dan baru persekolahan agama dalam negeri Kelantan (Majlis Agama Islam Kelantan, Kota Bharu, 1971).

44 Turut dinyatakan dalam surat ini juga ialah persetujuan Kerajaan Negeri menawarkan kepada Haji Hassan Idris, Pegawai Pelajaran Majlis pada waktu itu, untuk diserap atau dipinjamkan kepada JASA mulai tarikh yang sama. Dalam tulisan saya "75 Tahun Majlis Agama Islam Kelantan" dalam Pengasuh bil. 507, hlm. 10, ada saya nyatakan bahawa jawatan Pegawai Pelajaran Majlis dimansuhkan pada tahun 1974 berikutan pentadbiran Sekolah-sekolah Majlis dipindahkan kepada JASA. Dengan maklumat baru ini, fakta tulisan di atas saya cabut kembali. Bagaimanapun, fakta yang menyebut bahawa pengambilan alih sekolah-sekolah yang bermula pada Julai 1974 masih boleh dipakai oleh kerana dari segi pelarasan gaji guru-guru yang terlibat, tarikh pemasyhuran di atas telah diambil bagi menjadi titik tolaknya.

## Penutup

Menjelang genap usianya 75 tahun, Majlis Agama Islam Kelantan kini memiliki bangunan pejabat barunya di Jalan Sultan Yahya Petra, Lundang, Kota Bharu, bersepekarangan dalam sebuah kompleks Islam bersama-sama dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Kelantan dan Balai Islam Negeri Kelantan. Bangunan indah setinggi lima tingkat ini dan yang dibina berasaskan ciri-ciri bangunan tradisi negeri Kelantan, adalah dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan negeri Kelantan. Bolehlah dianggap bahawa bangunan baru berharga 4.1 juta ini merupakan sebuah hadiah yang sangat bernilai dan bererti daripada Kerajaan Negeri kepada Majlis sempena ulangtahun yang ke-75, sesuai dengan peranan dan sumbangan yang telah diberikan oleh Majlis kepada masyarakat umat Islam negeri Kelantan selama tiga suku abad yang lampau. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan, Tengku Ismail Petra Ibni Al-Marhum Sultan Yahya Petra, sewaktu merasmikan bangunan baru itu pada hari Rabu 1 Ogos 1990 bersamaan 10 Muaharam 1411 dalam suatu upacara gilang gemilang bersempena dengan perayaan hari ulangtahun keputeraan Baginda yang ke-40 antara lain bertitah "Beta bersyukur kehadiran Allah kerana pembukaan bangunan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang indah dan bersejarah ini telah menjadi mercu tanda bagi usia beta yang keempat puluh tahun, dan ini tidak syak lagi merupakan satu detik sejarah yang amat bermakna dalam zaman pemerintahan beta."

Demikianlah kita lihat bagaimana dalam tempoh selama lebih setengah abad (1717-1974), Majlis telah memberikan sahamnya yang cukup besar dalam sejarah perkembangan pelajaran agama dan bukan agama di negeri Kelantan, malah agak aneh untuk difikirkan bahawa Majlis telah menjadi pelopor kepada pelajaran bahasa Melayu dan Inggeris di negeri ini. Selain daripada sumbangan dalam bidang persekolahan ini, Majlis juga ikut menyumbang dalam bentuk "hadiah pelajaran" kepada para pelajar yang menyambung pelajaran di Maktab Melayu Kuala Kangsar, Penang Free School dan universiti-universiti di Mesir. Beberapa nama yang agak terkemuka di Kelantan yang diketahui pernah memperoleh hadiah pelajaran Majlis itu ialah (sekadar menyebut beberapa nama): Encik Abdullah bin Dato' Adika Raja,<sup>45</sup> Nik Mustapha Fadhil bin Dato' Perdana Menteri Paduka Raja,<sup>46</sup> Tengku Ismail bin Tengku Seri Pekerma Raja,<sup>47</sup> Hassan bin Sulaiman, Nik Hassan bin Isa, dan Abdullah bin Haji Umar (semuanya pada tahun-tahun sebelum Perang Dunia Kedua), Haji Hassan bin Idris, Hassan bin Haji Muhamad, Wan Hussin bin Haji Wan Amin dan Muhamad bin Encik Wok (sebelum kemerdekaan).

Saya merasa tulisan ini tidak lengkap kerana tidak dapat menyebut perkara-perkara mengenai pentadbiran dan sistem persekolahan Majlis ini di sini. Juga tidak disentuh ialah mengenai kurikulum dan kitab-kitab yang menjadi teks di sekolah-sekolah ini. Insya-Allah, jika diizinkan, kita akan menulis hal-hal ini pada kesempatan yang lain pula.

45. Encik Abdullah bin Mahmud (bapanya Mahmud bin Haji Mohd. Said bergelar Dato' Adika Raja).

46. Nik Mustapha Fadhil bin Haji Nik Mahmud (bapanya Haji Nik Mahmud bin Ismail bergelar Dato' Perdana Menteri Paduka Raja).

47. Tengku Ismail bin Tengku Sulaiman (bapanya Tengku Sulaiman bin Sultan Ahmad bergelar Tengku Seri Pekerma Raja).

## Rujukan

- \_\_\_\_\_, Tujuan Majlis Agama Islam Kelantan Tahun 1916. (dokumen tersimpan di Pejabat Majlis Agama Islam Kelantan, Kota Bharu).
- \_\_\_\_\_, Penyata Majlis Agama Islam Kelantan Tahun 1917, MAIK, Kota Bharu, Kelantan.
- \_\_\_\_\_, Penyata Majlis Agama Islam Kelantan Tahun 1918, MAIK, Kota Bharu, Kelantan.
- \_\_\_\_\_, Penyata Majlis Agama Islam Kelantan Tahun 1921, MAIK, Kota Bharu, Kelantan.
- \_\_\_\_\_, Penyata Majlis Agama Islam Kelantan Tahun 1924, MAIK, Kota Bharu, Kelantan.
- \_\_\_\_\_, Penyata Majlis Agama Islam Kelantan Tahun 1938, MAIK, Kota Bharu, Kelantan.
- \_\_\_\_\_, Penyata Majlis Agama Islam Kelantan Tahun 1952, MAIK, Kota Bharu, Kelantan.
- \_\_\_\_\_, Penyata Majlis Agama Islam Kelantan Tahun 1952, MAIK, Kota Bharu, Kelantan.
- \_\_\_\_\_, Penyata Majlis Agama Islam Kelantan Tahun 1960, MAIK, Kota Bharu, Kelantan.
- Abdullah Alwi Haji Hassan, The Development of Islamic Education in Kelantan, dalam "Tamadun Islam di Malaysia" (Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1980).
- Abdullah bin Abdul Razak, Sejarah Rengkas Al-Muahad Al-Muhammadi Lil-banat, dalam "Al-Nur" (majalah Sanawiah Muahad Muhammadiyah Perempuan, Kota Bharu, Kelantan, Bil. 22 Tahun 1988).
- Abdul Razak bin Mahmud, Muahad Muhammadiyah: 1937—1987, dalam 'Pengasuh' Bil. 485.
- \_\_\_\_\_, Masjid Muhammadiyah Kota Bharu: 1867—1987, dalam 'Pengasuh' Bil. 490/Disember 1987.
- \_\_\_\_\_, Dua Puluh Tahun Lembaga Mahmud, Peperiksaan Sijil Sekolah-sekolah Agama Kelantan, dalam 'Pengasuh' Bil. 495.
- \_\_\_\_\_, 75 Tahun Majlis Agama Islam Kelantan, dalam 'Pengasuh' Bil. 507.
- Ismail bin Awang, Haji Wan Adam Wan Abdullah Pengasas Sekolah Arab Falahiah, dalam 'Pengasuh' Bil. 418/September 1976.
- Muhamad Yunan bin Haji Mahmud, Biografi Tokoh Pendidikan Yayasan Islam Kelantan, (Yayasan Islam Kelantan, Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan, 1988).
- Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hassan, Sumbangan Majlis Terhadap Kemajuan Pelajaran di Negeri Kelantan: 1915—1930, dalam 'Islam di Kelantan' (Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1983).
- Tengku Azmi bin Tengku Jaafar, Sejarah Penubuhan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan serta Tahap-tahap Permulaan Perkembangannya, (kajian ilmiah untuk Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1983/84).
- \_\_\_\_\_, Risalah Soal Jawab Mengenai Sistem Lama dan Baru Persekolahan Agama Dalam Negeri Kelantan. MUIK, Kota Bharu, Kelantan, 1971.

## *Permainan Tradisi Rakyat Kelantan*

MUSTAFA BIN IBRAHIM

### **Pendahuluan**

**H**ENDAK mengenali satu-satu bangsa itu ialah melalui budayanya. Budaya yang dimaksudkan merangkumi segenap corak dan cara hidup bangsa itu, termasuk adat istiadatnya, cara pergaulan hidup sehari-hari, jenis makanan dan cara makan, bentuk rumah kediaman dan cara membinanya, bentuk pakaian dan cara memakainya, bentuk kesenian dan cara persembahannya dan bentuk permainan dan cara bermainnya.

Kalau tinggi nilainya budaya satu-satu bangsa itu, maka tinggilah falsafah pemikiran bangsa itu. Kalau rendah nilai budaya bangsa itu maka rendahlah taraf pemikiran bangsa itu.

Begitu juga dengan bangsa Melayu, walau pun apa yang diperkatakan orang tentang bangsa Melayu yang melemahkan semangat bangsa Melayu dengan tujuan-tujuan tertentu, misalnya ada orang mengatakan bangsa Melayu orang asli yang baru cerdas diajar oleh bangsa-bangsa lain yang telah lama bertamadun, orang Melayu malas, orang Melayu tidak pandai, orang Melayu tidak cerdas dan berbagai-bagai tuduhan dan cemuhan yang dilemparkan kepada bangsa Melayu oleh orang-orang tertentu dengan tujuan-tujuan tertentu. Yang amat menyedihkan kita ialah tuduhan-tuduhan dan cemuhan-cemuhan itu diakui dan diperkatakan sendiri oleh anak-anak bangsa Melayu sendiri pada hari ini yang jahil tentang asal usul bangsa Melayu dan jahil pula dengan ketinggian ilmu yang dimiliki oleh datuk nenek kita bangsa Melayu di zaman silam.

Saya tidak hendak menyalah bangsa-bangsa lain yang telah merendahkan-rendahkan bangsa Melayu, kerana mereka berbuat demikian ada tujuan-tujuan tertentu.

Saya juga tidak hendak menyalahkan setengah-setengah anak bangsa Melayu sendiri yang ada pada hari ini yang merendahkan bangsanya sendiri, kerana mereka dididik supaya merasa rendah diri oleh bangsa-bangsa yang

menjajah supaya mereka dapat mengauk seberapa banyak yang boleh kekayaan yang ada di Tanah Melayu ini. Tetapi saya terasa kesal dengan nasib malang yang menimpa bangsa Melayu pada hari ini ibarat "Ayam mati di kepok, Itek kehausan di air".

Memandang kepada hakikat ini saya rasa bertanggungjawab memberi sedikit sebanyak sumbangan kepada bangsa Melayu supaya bangsa Melayu akan kembali kepada semangat perjuangan datuk nenek kita yang telah menjadikan bangsa Melayu satu bangsa yang disayangi dan disegani oleh kawan dan digeruni oleh lawan dimasa silam

Mungkin ada orang yang bertanya apa faedahnya kita hendak membangkitkan kemegahan-kemegahan dimasa lampau, sedangkan kenyataannya pada hari ini bangsa Melayu dalam keadaan serba lemah, tetapi saya berpendapat bahawa kebangkitan bangsa Melayu dimasa silam tentulah ada asasnya, ada caranya yang disemai oleh datuk nenek kita. Maka kalau kita bangsa Melayu pada hari ini hendak meletakkan semula keagungan bangsa Melayu seperti masa-masa silam, mestilah mengambil kira asas dan cara yang telah dibuat oleh datuk nenek kita. Jika perlu kepada perubahan untuk disesuaikan dengan keadaan dan masa sekarang, maka perubahan dan penyesuaian itu biarlah ada kesinambungan dengan asas yang telah ditanam oleh datuk nenek kita yang lalu.

#### **Permainan Tradisi Rakyat Kelantan**

Pada kali ini saya ingin mengenengahkan satu sudut dari berbagai-bagai sudut corak dan cara hidup yang menggambarkan ketamadunan bangsa Melayu pada masa silam iaitu PERMAINAN TRADISI RAKYAT MELAYU dari segi kesukanan khususnya orang-orang Melayu Kelantan yang mana saya perolehi dalam tinjauan saya dengan beberapa orang tua kita yang sudah lanjut usianya dan masih hidup.

Dalam tinjauan setakat ini, saya dapat kumpulkan tujuh jenis permainan yang dimainkan oleh orang-orang dewasa, tujuh jenis permainan yang dimainkan oleh orang-orang dewasa dan kanak-kanak dan tiga puluh satu jenis permainan yang dimainkan oleh kanak-kanak.

Apa yang mengkagumkan saya ialah kebanyakan permainan-permainan yang bercorak kesukanan ini mempunyai falsafah pendidikan dan pengasuhan yang tinggi nilainya walaupun pada sekali imbas kita nampak sebagai satu permainan masa lapang dan untuk tujuan bersuka-suka sahaja dan pada setengahnya mengandungi unsur-unsur perjudian, tetapi bagi saya yang kita fikir baik ambillah sebagai teladan dan yang kita fikir tidak baik buatlah sepadan.

Pada asasnya yang dapat mencipta satu-satu rekaan tentulah terbit dari daya pemikiran, dan tinggi rendahnya daya pemikiran itu dapat diukur dari hasil ciptaannya dari sudut bentuk rekacipta dan falsafah disebalik rekacipta itu. Kalau dilihat dari 47 jenis permainan yang direkacipta oleh datuk nenek kita bererti datuk nenek kita mempunyai pemikiran dayacipta yang tinggi. Apatah lagi kalau kita cuba melihat dari sudut falsafah rekacipta itu, maka sudah tentulah datuk nenek kita mempunyai tahap pemikiran yang mendalam dan bernilai.



Tujuan saya mengenengahkan perkara ini supaya anak cucu kita bangsa Melayu pada hari ini tidak menuduh datuk neneknya bodoh, tak ada kemajuan, kolot, tidak bertamadun, dengan menyedari bahawa datuk nenek kita bangsa Melayu mempunyai tahap pemikiran dan falsafah yang tinggi. Maka kita pada hari ini dapat mengikiskan perasaan rendah diri dan memberi semangat baru kepada generasi muda bangsa Melayu dalam memperjuangkan haknya tanpa menindas orang lain, kerana dalam perjuangan, semangatlah yang paling penting.

Kembali kita kepada hasil rekacipta datuk nenek kita bangsa Melayu dari sudut permainan tradisi orang-orang Melayu, saya dapat membuat kesimpulan dalam permainan-permainan yang akan saya senaraikan dibawah ini mempunyai falsafah pendidikan dan asuhan seperti berikut:—

1. Permainan mengasah bakat mencapai target dan kebijaksanaan yang memang diperlukan untuk tujuan hendak mencebur diri dalam bidang perniagaan (ini banyak saya temui dalam permainan mencapai target semasa kursus dorongan perniagaan yang kita impot dari luar). Seperti permainan Gelek Para, Buah Gurah, Bola Wa dan Kucing Buta.
2. Permainan latihan kekuatan tenaga dan keberanian yang melatih orang-orang Melayu supaya kuat dan berani seperti permainan Bola Katak, Ddecak, To, Pelaga Lutut dan Coh.
3. Permainan mengasah bakat dalam ilmu kira-kira tujuan ekonomi dan perniagaan untuk melatih orang Melayu pintar dalam ilmu matematik dan simpan kira untuk perniagaan seperti permainan Cokok, Aji, Tuju Lubang dan Selambut.
4. Permainan untuk melatih bagi tujuan mewujudkan perpaduan, kerjasama mempertahankan apa yang disayangi termasuk harta benda, bangsa dan negara yang memang kerajaan kita perlukan sekarang ini dan yang saya anggap amat perlu sekali kepada bangsa Melayu hari ini, seperti permainan Musang Hambat Ayam, To To Tambuk dan Kutir-kutir Semut.
5. Permainan untuk melatih mengasah bakat kepimpinan, kerjasama antara pemimpin dan rakyat bagi keselamatan bangsa dan negara seperti permainan Lam Jemutuk.
6. Permainan mengasah bakat rekabentuk dan dayacipta seperti permainan Sunar Batang Padi, Ppuling Tanah Liat, Cat Nging Buluh dan Cat Nging Tempurung.

Apa yang patut dikagumi rekacipta permainan tradisi ini, datuk nenek kita menggunakan bahan-bahan tempatan yang telah sedia ada tanpa mengimpot dari luar yang memerlukan pengaliran wang keluar dan sesuai dengan keadaan, masa dan tempat.

Mungkin ada orang berkata saya terlalu fanatik kepada bangsa Melayu. Maka saya menerimanya dengan perasaan yang lapang. Kerana orang yang merendahkan bangsa itu menunjukkan ia kurang maruah diri. Bagi saya baik buruknya satu-satu perkara itu banyak tertakluk kepada kaca mata orang yang melihatnya. Kalau orang melihat dengan kaca mata putih, yang hitam pun

nampak cerah, kalau yang melihat dengan kaca mata hitam, yang putih pun nampak kelabu.

Ini adalah secebis sumbangan mengikut kaca mata saya bagi menyedarkan bangsa Melayu, yang bangsa kita telah pun mencapai tamadun dan falsafah pemikiran yang tinggi dimasa silam yang boleh menambah menggerakkan semangat kepada bangsa Melayu pada hari ini mempertahankan haknya.

Jenis-jenis permainan yang disenaraikan dibawah ini saya ambil dari cerita mulut orang-orang tua kita yang masih hidup dan sempat bermain permainan tersebut yang mana kebanyakan permainan ini sudah tidak dikenali lagi oleh anak-anak kita dimasa ini walaupun pada setengahnya masih ada. Saya akan senaraikan nama tokoh-tokoh yang saya temuduga bagi mendapatkan sumber-sumber pengetahuan mengenai permainan tradisi ini dibahagian akhir rencana ini.

Berkenaan dengan cara bermain dan undang-undang permainan saya hanya menerangkan secara ringkas.

## SENARAI PERMAINAN TRADISI RAKYAT KELANTAN

A Jenis-jenis permainan yang dimainkan oleh orang-orang dewasa:—

Jenis permainan	Kumpulan/ Perseorangan	Bilangan pemain	Masa bermain	Cara permainan dan undang-undang permainan secara ringkas
1 Sepak Lekong		10–20 orang	sebelah petang	<ol style="list-style-type: none"> <li>1 Tiada undang-undang khas kerana permainan ini bukan corak perlawanan</li> <li>2 Semua pemain membuat satu bulatan</li> <li>3 Peserta yang bijak dapat mengekalkan buah sepak dari jatuh ke tanah</li> </ol>
2 Aji	perseorangan	2 orang	masa lapang	<ol style="list-style-type: none"> <li>1 Satu papan dibuat petak sebanyak 64 petak dengan 24 biji buah</li> <li>2 Pemain dikehendaki menjalankan buahnya hingga ke petak atas sekali</li> <li>3 Pemain yang tidak dapat menjalankan buahnya kerana sekatan atau kehabisan buah dikira kalah</li> </ol>
3 Suara Burung Ketitir (Merbok)	perseorangan	10–50 orang	waktu pagi	<ol style="list-style-type: none"> <li>1 Burung digantungkan di tiang buluh yang tingginya 20 kaki</li> <li>2 Burung yang elok suaranya dikira menang oleh pengadil</li> </ol>
4 Pelaga Anak Karim (anak sepilar)	perseorangan	2 orang	masa lapang	<ol style="list-style-type: none"> <li>1 Satu botol yang diisi dengan air</li> <li>2 Dua ekor anak ikan sepilar dilepaskan</li> <li>3 Anak ikan sepilar yang lari dikira kalah</li> </ol>

- |   |                            |              |         |             |   |
|---|----------------------------|--------------|---------|-------------|---|
| 5 | <b>Pelaga Ayam Jantan</b>  | perseorangan | 2 orang | masa lapang | 1 Dua ekor ayam jantan dilepaskan di gelanggang<br>2 Ayam yang lari dari pertarungan dikira kalah           |
| 6 | <b>Pelaga Biri-biri</b>    | perseorangan | 2 orang | masa lapang | 1 Dua ekor biri-biri jantan dilepaskan di gelanggang<br>2 Biri-biri yang lari dari pertarungan dikira kalah |
| 7 | <b>Pelaga Lembu/Kerbau</b> | perseorangan | 2 orang | masa lapang | 1 Dua ekor lembu/kerbau dilepaskan digelanggang<br>2 Lembu/kerbau yang lari dari pertarungan dikira kalah   |

B Jenis-jenis permainan yang dimainkan oleh orang dewasa dan kanak-kanak:—

<b>Jenis permainan</b>	<b>Kumpulan/Perseorangan</b>	<b>Bilangan pemain</b>	<b>Masa bermain</b>	<b>Cara permainan dan undang-undang permainan secara ringkas</b>	
1	Coh	kumpulan	2-4 orang	petang/malam	1 Dua garisan berpalang, panjang tiap-tiap garisan 8 kaki hingga 24 kaki 2 Penunggu menjaga di atas garisan 3 Lawan akan melintasi garisan itu sehingga tamat satu pusingan 4 Yang dapat melintasi garisan akan dikira menang
2	Gasing Pangkah	kumpulan	2-8 orang	masa lapang	1 Satu kumpulan akan memusing gasingnya 2 Pihak lawan akan memangkah gasing lawannya 3 Pemenang akan dikira menang yang mana gasingnya masih berpusing setelah dipangkah
3	Gasing Uri	kumpulan	2-12 orang	masa lapang	1 Pusingan gasing berganti antara peserta setiap kumpulan

- 4 Wau Naik perseorangan 2-12 orang masa lapang/  
lepas menuai
- 1 Wau dari jenis yang sama dinaikkan serentak dengan panjang tali yang sama
  - 2 Masa akan ditentukan untuk melihat wau yang paling mencapai 90 derajat akan dikira menang
- 5 Cokok perseorangan 2 orang masa lapang
- 1 Bilangan buah akan dimasukan ke dalam setiap lubang cokok sebanyak lubang cokok
  - 2 Pemain sama-sama membawa buahnya bermula dari lubangnya ke lubang ibu
  - 3 Pemain yang dapat mengumpulkan buah terbanyak dikira menang
- 6 Bedil Buluh perseorangan 1 orang masa lapang/  
hari perayaan
- 1 Bukan bercorak perlawanan
  - 2 Sebatang buluh duri panjangnya 4-5 kaki ditebuk ruasnya dan ditinggal ruas belakang
  - 3 Lubang ditebuk 1 sm berhampiran ruas akhir
  - 4 Air dimasukkan dan dimasukkan kabaoid  $\frac{1}{2}$  sm dan dinyalakan api – akan mengeluarkan letupan yang kuat
- 7 Gelek Tempurung perseorangan 2-6 orang masa lapang
- 1 Satu garisan akan ditandakan jarak 10 kaki
  - 2 Tempurung akan dicampak. Siapa yang terdekat dengan garisan mendahului peserta lain dalam permainan
  - 3 Tempurung akan diatur di atas garisan. Peserta pertama akan membalik tempurungnya supaya mengenai tempurung di atas garisan dengan menggunakan kaki
  - 4 Pusingan kedua dengan membawa tempurung secara berjalan ke belakang
  - 5 Pemain yang dapat mengenakan tempurungnya dengan tempurung lawan dikira menang

C Jenis-jenis permainan yang dimainkan oleh kanak-kanak: —

Jenis permainan	Kumpulan/ Perseorangan	Bilangan pemain	Masa bermain	Cara permainan dan undang-undang permainan ceraca ringkas
1 Gelek Para/ To Para	perseorangan	2-5 orang	masa lapang	<ol style="list-style-type: none"> <li>1 Satu garisan dibuat antara 10 hingga 15 kaki jaraknya</li> <li>2 Biji seperti biji getah, pinang akan diatur diatas kepingan buluh</li> <li>3 Dari jarak yang telah ditetapkan pemain membalang bijinya dengan benda yang di panggil 'kor'</li> <li>4 Pemain yang dapat menjatuhkan banyak biji-biji yang diatur tadi dikira menang</li> </ol>
2 Buah Gurah (guli)	perseorangan	2-5 orang	masa lapang	<ol style="list-style-type: none"> <li>1 Tiga buah lubang yang besar sedikit daripada buah gurah akan digali dengan jarak enam kaki</li> <li>2 Pemain akan mencampakkan gurahya dari lubang pertama ke lubang yang ketiga, yang terdekat dengan lubang dikira menang</li> <li>3 Lubang 1 dikira 1, 5, dan 9 Lubang 2 dikira 2, 4, dan 8 Lubang 3 dikira 3 dan 7</li> <li>4 pemain yang terakhir sekali dapat masuk ke lubang ke sembilan akan dikira kalah dan didenda mengikut perjanjian.</li> </ol>
3 Pelaga Buah Getah	perseorangan	2 orang	masa lapang	<ol style="list-style-type: none"> <li>1 Pemain akan menyediakan biji getah yang keras, dua biji getah akan dilagakan, biji getah yang pecah akan dikira kalah</li> </ol>

4	Bola Katak	kumpulan	4-8 orang	masa lapang	<ol style="list-style-type: none"> <li>1 Tiang-tiang tanda disediakan antara 6 hingga 10 batang — 10 kaki antara baris dan 10 kaki secara memanjang</li> <li>2 Kumpulan pertama akan memukul pukulan bola dengan kayu dan dijaga oleh kumpulan lawan</li> <li>3 Kumpulan yang dapat membuat larian tanpa terkena bola yang dibaling oleh lawannya sehingga habis tiang-tiang akan dikira menang</li> </ol>
5	Menyumpit Buluh Peleting (buluh kecil)	perseorangan	2-6 orang	masa lapang	<ol style="list-style-type: none"> <li>1 Penyumpit akan dibuat dari satu ruas buluh kecil</li> <li>2 Buah cenerai atau tanah liat akan digunakan sebagai peluru</li> <li>3 Kumpulan yang terkena sumpitan akan dikira kalah</li> </ol>
6	Menusup	perseorangan	3-19 orang	masa lapang	<ol style="list-style-type: none"> <li>1 Seorang akan menutup mata sebagai pencari</li> <li>2 Yang bersembunyi akan mengisyaratkan supaya mengesannya</li> <li>3 Orang yang pertama ditemui dan dikenali namanya dikira kalah</li> </ol>
7	Bola To Kopi	kumpulan	4-6 orang	masa lapang	<ol style="list-style-type: none"> <li>1 10 biji tin akan diatur seperti piramid</li> <li>2 Kumpulan pertama akan memukul tin-tin dengan bola dari jarak yang ditetapkan</li> <li>3 Kumpulan yang dapat menyusun semula semua tin-tin akan dikira menang</li> </ol>
8	Menusup To Kopi	perseorangan	3-6 orang	masa lapang	<ol style="list-style-type: none"> <li>1 Satu biji tin susu dibubuh tiga biji batu</li> </ol>

- 2 Tin yang berisi batu akan dibaling jauh dan seorang pemain yang menjadi ibu akan memungut tin tersebut dan yang lain lari bersembunyi
- 3 Orang bersembunyi pertama ditemui dan dapat disebut namanya sebelum sempat menyepak tin akan menjadi ibu pula
- 9 Decok (Ddecok)      perseorangan      2-4 orang      masa lapang
- 10 Sunar Batang Padi (serunai)      perseorangan      1 orang      pada musim menuai
- 11 Bola Wa      kumpulan      2-6 orang      masa lapang
- 12 Kucing Buta      perseorangan      8-12 orang      masa lapang
- 1 Tanda-tanda petak dibuat di atas tanah seluas 1½ kaki persegi sekurang-kurangnya 10 petak
- 2 Pemain akan menyepak 'ko' dan berjalan kaki sebelah ke petak-petak yang disediakan
- 3 Pemain yang dapat menghabiskan pusingan yang ditetapkan tanpa jatuh kakinya dikira menang
- Bila musim menuai telah habis, ramai kanak-kanak akan turun ke sawah mengambil batang-batang padi untuk dibuat sunar batang padi yang mengeluarkan bunyi yang menyeronokkan
- 1 Satu tanda akan dibuat dari lenggokan batu atau kayu sebagai penanda
- 2 Pasukan pertama akan memaling bola dan ditunggu oleh pasukan lawan
- 3 Pemain yang bolanya dibaling oleh pasukan lawan kena pada penanda akan dikira mati
- 1 Satu bulatan akan dibuat dengan berpegangan tangan



- 2 Seorang pemain yang menjadi ibu ditutup matanya dan dikehendaki mencari teman-teman yang lain.
- 3 Pemain yang dapat dipegang dan dapat disebut namanya akan didenda menjadi ibu
- 13 Lompat Tali
- kumpulan 3-6 orang masa lapang
- 1 Dua orang akan memegang hujung tali dan memusingkannya dan kemudian akan dilompat oleh kawannya
- 2 Pemain yang dapat melompat tali tadi tanpa tersangkut dikira menang
- 14 Catnging Buluh
- perseorangan 1 orang musim hujan
- Biasanya di waktu musim hujan tanah akan berselut. Kanak-kanak akan mencari dua batang buluh yang pangjangnya 7 kaki dan ditebuk. Kemudian dipasangkan kayu dengan jarak  $1\frac{1}{2}$  kaki hingga 3 kaki dari tanah. Catnging ini boleh dinaiki atau dibuat pertandingan lari jauh dan tidak jatuh ke tanah
- 15 Catnging Tempurung
- perseorangan 1 orang musim hujan
- Dua biji tempurung jantan akan dipasangkan dengan tali. Dua belah kaki diletak di atas tempurung dan dua belah tangan memegang tali — boleh berjalan tanpa berpijak ke tanah boleh juga dibuat pertandingan lari jauh dan tidak jatuh ke tanah
- 16 Timbuk Bata (bantal)
- perseorangan 8-15 orang masa lapang bertinggung
- 1 Satu bulatan akan dibuat dengan cara duduk

- 2 Seorang pemain akan membawa bantal mengelilingi dan meletakkan bantal di belakang peserta-peserta
- 3 Peserta yang tidak sadar yang bantal tersebut berada di belakangnya akan dipukul
- 17 Musang Hambat Ayam
- perseorangan 8-12 orang masa lapang
- 1 Satu bulatan akan dibuat dengan berpegang tangan
  - 2 Seorang berada di tengah bulatan sebagai ayam dan seorang lagi berada di luar bulatan sebagai musang
  - 3 Musang akan mengejar ayam sehingga dapat. Sementara pagar bulatan tersebut merupakan sebagai pelindungi kepada ayam
- 18 Capak Getah
- perseorangan 2-4 orang masa lapang
- 1 Sebatang lidi dipacakkan setinggi dua inci di atas tanah
  - 2 Getah-getah urat dikumpulkan dan dicampurkan dari jarak yang telah ditentukan. Siapa yang dapat mencampak masuk ke lidi dikira menang
- 19 To
- perseorangan 2-6 orang masa lapang
- Permainan ini diadakan di dalam kolam atau sungai. Seorang menjadi pengejar kawan-kawannya dengan cara menyelam. Siapa yang ditangkap akan menjadi pengejar pula
- 20 Pelaga Lutut
- perseorangan 2-8 orang masa lapang
- 1 Pemain-pemain akan melipat lututnya dan berdiri dengan sebelah kaki. Kemudian mereka akan berlawan dengan regu masing-masing

- 2 Pemain yang dapat menjatuhkan lawannya  
semasa belaga lutut dikira menang
- 1 Dua batang tiang ditanam dan diletakkan  
kayu palang
- 2 Dengan menggunakan galah buluh, pemain  
dikehendaki melompat melintasi kayu palang  
itu
- 3 Pemain yang boleh melompat paling tinggi  
tanpa menjatuhkan kayu palang dikira menang
- Permainan ini dilakukan antara dua hingga  
tiga orang kanak-kanak dengan meletakkan  
tangan berselang seli antara seseorang dan  
menyanyi lagu "Kutir-kutir semut sapa sakit  
naik atas"
- 21 Lompat Galah  
Buluh
- perseorangan 2-4 orang masa lapang
- 22 Kutir-kutir Semut
- perseorangan 2 orang masa lapang
- 23 To To Tumbuk
- perseorangan 2-4 orang masa lapang
- 1 Pemain-pemain mengempalkan tangan dan  
diletakkan bertindih antara satu sama lain dan  
menyanyi lagu "To to tumbuk, to tumbuk  
makyong dede, pecah sebutir pecah semua".  
Lepas itu kepalan dibuka dan nyanyian diterus-  
kan dengan lagu "Sa iring dua iring semangkup  
raja dewa, temu sirih kuning cat peluk dada"
- 2 Tangan dipeluk ke dada. lawannya akan  
menebang dengan lagu "tebang-tebang  
punggok, punggok mati akal, Che Daud  
bersuai Che Ali bergendang, air laut jadi  
sungai sekali engku pandang"

3. Lawan akan bertanya, "Kong, kong kayu begapa - kayu keras atau pohan" kemudian terus menarik dakapan tangan lawannya sehingga terbuka

- |    |                |              |           |             |   |
|----|----------------|--------------|-----------|-------------|---|
| 24 | Lam Jemutuk    | perseorangan | 6-8 orang | masa lapang | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Satu barisan akan dibuat cara berpegang atas bahu</li> <li>2. Seorang penyerang di hadapan dan dikawal oleh barisan hadapan</li> <li>3. Penyerang telah beritahu yang orang mana dikehendaki dalam barisan itu</li> <li>4. Orang yang kena tangkap akan menjadi penyerang pula</li> </ol> |
| 25 | Tikam Seladang | perseorangan | 3-5 orang | masa lapang | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Seorang menjadi ibu dengan cara duduk dengan dua kaki dan dua tangan dan di bawahnya diletakkan ketulan-ketulan kayu</li> <li>2. Penyerang akan mengambil ketulan kayu dan dikawal oleh ibu</li> <li>3. Pemain yang berjaya mengambil ketulan kayu tadi dikira menang</li> </ol>          |
| 26 | Susup Anak     | perseorangan | 2-4 orang | masa lapang | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kulit-kulit etak akan ditelangkupkan dan di antaranya ada biji pasir</li> <li>2. Pemain yang membuka kulit-kulit etak dikira kalah kalau membuka kulit yang ada pasir di bawahnya (anak)</li> <li>3. Pemain yang dapat pungut banyak kulit etak tanpa anak akan dikira menang</li> </ol>  |

- 27 Ca Kelepik perseorangan 2 orang masa lapang
- Permainan ini dimainkan oleh kanak-kanak dengan menggunakan jari-jari tangan diikuti nyanyian. Jari-jari ditetapkan supaya terkena bilangan yang ditentukan semasa menyanyi — permainan yang terkena bilangan yang telah ditetapkan dikira menang
- Nyanyiannya adalah seperti berikut, “Ca kelepik kelepuk kelepak, buah belonging lokoh kulit, angkat cerana tak dak tebaka (tembakau), mari seman kita balik, lek lek gung pak Talib kena sugun”
- 28 Badak Ayu perseorangan 3–5 orang masa lapang
- Permainan ini dimainkan oleh sekumpulan kanak-kanak bersama nyanyian “Badak ayu-ayu kepala ubi kelat, tak dan naik kayu babi jilat”. Selepas nyanyian ini pemain akan lari dan dikejar oleh kawannya yang telah ditetapkan
- 29 Tikam Buah Anjung kumpulan 4–8 orang masa lapang
- 1 Dengan menggunakan buah sepak yang dibuat daripada daun nyior, dua pasukan akan berlawan membalang buah anjung dengan jarak 20 kaki
- 2 Pemain yang kena balingan buah anjung dikira kalah
- 30 Tuju Lubang Buah Getah perseorangan 2–4 orang masa lapang
- 1 Lubang digali seluas tiga inci garispusat jarak pemain dengan lubang ialah 10 kaki

2 Pemain akan mencampak biji-biji getah. Pemain yang dapat memasukkan biji-biji getah dengan banyak dikira menang

31 Ppuling Tanah Liat perseorangan 1 orang masa lapang

Tanah liat diadun dan dibuat bentuk burung dan ditebuk lubang nada, dan lubang tiup. Puling yang dibuat dijemur sehingga kering dan boleh ditiup. Ia boleh mengeluarkan bunyi yang sangat menarik.

## Bibliografi

Diantara orang-orang tua kita yang masih ada yang menceritakan kepada saya semasa membuat tinjauan kepada permainan-permainan tradisi diatas ialah:—

1. Mat Saman bin Ali  
Lahir: Tahun 1906  
Tempat Lahir: Kampung Gelong Perahu, Kelantan;  
Pengalaman: Petani, Tukang Rumah, Menyadat Kelapa.
2. Muhammad bin Sulaiman  
Lahir: Tahun 1920  
Tempat Lahir: Kampung Palekbang, Kelantan  
Pengalaman: Tukang Rumah, Pelayaran, Buat Perahu Besar.
3. Jusoh bin Merah  
Lahir: Tahun 1913  
Tempat Lahir: Kampung Periok, Kelantan  
Pengalaman: Pemain Petri, Guru Silat, Pembuat Alat-alat Muzik Tradisional.

Tokoh-tokoh diatas sempat bermain jenis-jenis permainan tradisi diatas semasa mereka masih kanak-kanak dan sempat pula mengajar kepada anak cucunya.

# Meneliti Novel-Novel S. Othman Kelantan dari Aspek Kepengarangan

ABDULLAH TAHIR

## Pendahuluan

**M**ENELITI kepengarangan atau authorship seseorang penulis melalui karya-karya mereka kita tidak boleh lari dari melihat atau mengecam identiti<sup>1</sup> mereka. Penulisan sebagai satu aktiviti atau profesion melibatkan pelbagai proses, sama ada dalaman mahupun luaran. Novelis adalah termasuk ke dalam golongan manusia seniman yang bertugas untuk mencipta novel, satu bentuk penulisan yang sangat popular dalam golongan fiksiyen. Novelis, sebagai seorang seniman, tentu pula mempunyai ciri-ciri tertentu yang membezakannya daripada manusia biasa yang lain. Sebagai manusia yang peka, gelisah, mempunyai sikap dan pandangan hidup tersendiri, seorang yang cerdik, sedar, cekap, fleksibel dan asli<sup>2</sup> tentulah akan dapat melahirkan karya-karya novel yang kemudiannya melalui beberapa indikator akan memancarkan identiti dan keperibadian kepengarangannya yang tersendiri pula. Dalam hubungan dengan novelis S. Othman Kelantan, kertas ini akan meneliti dan cuba mengenalpasti keperibadian dan identiti beliau lewat beberapa buah novel beliau yang diciptakan sepanjang tiga dekad, iaitu dari tahun-tahun 60-an hingga kini. Sebagai melengkapkan kertas ini pada bahagian awal saya akan peturunkan sedikit latar belakang S. Othman Kelantan terutama dalam hubungan dengan penciptaan bentuk novel.

## Latar Belakang

S. Othman mula menulis novel seawal tahun 1955, iaitu dengan menulis dua buah novel berjudul *Antara Suka Dan Duka* dan *Tertutupnya Jalan Ke Syurga*.<sup>3</sup> Sayangnya kedua-dua novel ini tidak diterbitkan hingga sekarang. Dua tahun kemudian beliau menulis dua novel lagi diberi judul *Pengorbanan*<sup>4</sup> dan *Tok Janggut*.<sup>5</sup> Kedua-dua juga tidak diterbitkan. Dan pada tahun 1958

1 Lihat *The New Lexicon Webster's Dictionary of The English Language*, (New York: Lexicon Publications, Inc., 1989) hlm. 64.

2 Lihat Abdullah Tahir, *Proses Penciptaan Novel Ishak Haji Mohammad, A. Samad Said, Shamon Ahmad*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989) hlm. 2-7.

3 Novel pertama 12,000 kalimat dan yang kemudian itu berjumlah 8,000 kalimat.

4 Sepanjang 35,000 kalimat.

5 Sepanjang 25,000 kalimat.



beliau menghasilkan dua novel lagi, masing-masing diberi judul *Seorang Kesatria*<sup>6</sup> dan *Penaku*.<sup>7</sup> Dalam tahun 1962 beliau telah memenangi hadiah penghargaan dalam Sayembara Mengarang Novel anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka. Novel yang dimenangi itu berjudul *Pelangi*, sampai kini tidak diterbitkan.

Bagi S. Othman penciptaan peringkat awal itu menggalakkannya terus mencipta. Beliau sangat serius dan bercita-cita besar untuk menghasilkan karya-karya novel. Hal ini terjadi kerana baginya "pengalaman yang sebenar itu lebih dapat dirasakan dalam sesebuah karya kreatif, iaitu apabila kita mengalaminya sendiri."<sup>8</sup> Pengalamannya sangat luas. Beliau pernah menjadi nelayan, hidup bersama peneroka-peneroka tanah haram, pernah tinggal di kawasan pedalaman. Dengan himpunan dan penyimpanan pengalaman secara fizikal dan mental pada keseluruhan itulah beliau tambah serius mencipta. Kemudian lahirlah novel-novel baru diterbitkan oleh pelbagai penerbitan tanah air. Antaranya seperti *Pertentangan* (1965), *Pengertian* (1966), diikuti oleh *Angin Timur Laut* (1969), *Perjudian* (1973), *Juara* (1976), *Perwira* (1980), *Ruang Perjalanan* (1989), *Wajah Seorang Wanita* (1990) dan terakhir *Uztaz* (1991). Hingga kini beliau telah berjaya mencipta 17 buah novel.

Dilihat sepanjang empat dekad ini, S. Othman ternyata dapat digolongkan sebagai salah seorang pengarang Melayu yang prolifik dan setanding dengan Shahnun Ahmad, Arena Wati dan A. Samad Said. Sebetulnya beliau bukan sahaja berminat dalam bidang cereka dan puisi tetapi akhir-akhir ini terlihat sangat berhasil dalam lapangan penulisan esei dan kritikan. Usaha ini diteruskan apabila beliau menjadi tenaga pengajar di institusi pengajian tinggi.<sup>9</sup> Setakat ini beliau telah berjaya menghasilkan tidak kurang daripada 150 buah esei dan kritikan sastera. Dalam bidang penyelidikan dan kajian sastera, beliau telah berjaya menerbitkan lima buah buku.<sup>10</sup>

Dalam masa tiga setengah dekad ini S. Othman banyak menghabiskan masanya dalam bidang penulisan kreatif dan penyelidikan sastera. Hari ini beliau bukan sahaja dikenali sebagai seorang cerpenis, novelis dan penyelidik sastera, tetapi terlibat dalam segala bidang penulisan dalam mendukung pemikiran dan pembinaan ilmu. Sebab itulah dalam penulisan kreatif, khususnya dalam novel-novelnya beliau bukan sahaja menumpukan kepada persoalan politik dan fenomena masyarakat tradisi, tetapi persoalan pokok yang menjadi tumpuan lebih kepada persoalan yang berkaitan dengan keagamaan. Hal ini jelas seperti terlihat di dalam karya-karya terbarunya seperti *Ruang Perjalanan*, *Wajah Seorang Wanita* dan *Ustaz*.

### Kepengarangan dan Identiti S. Othman

Identiti kepengarangan S. Othman bukan sahaja terserlah di dalam pemilihan tema dan persoalan novel-novelnya, tetapi juga dapat dilihat dari segi gaya

6. Sepanjang 35,000 kalimat.

7. Sepanjang 25,000 kalimat.

8. S. Othman Kelantan, *Novel: Tanggapan dan Kritikan*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan, 1986), hlm. 18.

9. Beliau pernah menjadi tenaga pengajar di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Kini bertugas sebagai pensyarah di IBKKM, UKM, Bangi.

10. Buku-buku terbitan seperti *Falsafah Alam* (1963), *Teknik Mengkaji Novel* (1985), *Novel: Tanggapan dan Kritikan* (1986), *Kecenderungan Baru Dalam Novel Malaysia: Satu Kajian Struktur* (1987) dan *Arah Pemikiran Sastera Malaysia* (1987).

penulisannya. Dalam kertas ini saya hanya akan meneliti aspek tema dan persoalan sahaja.

Ada beberapa identiti yang jelas dan tersendiri S. Othman dilihat dari aspek pemilihan tema dan persoalan. Antaranya ialah beliau menggemari persoalan yang berhubungkait dengan Islam. Ini tidak semestinya persoalan dakwah, tetapi juga persoalan Islam secara *global*. Selain itu rata-rata kebanyakan isi novelnya lebih banyak membabitkan kehidupan masyarakat desa. Namun, beliau tetap juga menulis berlatarkan masyarakat kota. Malah akhir-akhir ini para pengkritik memerhatikan beliau sebagai salah seorang penulis yang menjadikan gagasan sastera Islam sebagai tunggak karya-karyanya.<sup>11</sup>

Novel-novel beliau yang sangat menonjol dari aspek ini antara lain ialah *Pertentangan*, *Ruang Perjalanan*, *Wajah Seorang Wanita* dan *Ustaz*. Sikap negatif dan positif lazimnya diberikan kepada watak-watak utama dalam hubungan dengan hal-hal keagamaan. Misalnya Borhan di dalam novel *Pertentangan* yang mempunyai pengetahuan agama tiba-tiba berubah menyenangi fahaman atheis dan Marxisme. Sikap ini sungguh mengecewakan ayahnya, Haji Salleh seorang guru agama yang sangat dihormati. Di sinilah berlaku pertentangan antara Borhan dan ayahnya yang masing-masing cuba mempertahankan prinsip dan pegangan hidup mereka. Kerinduan Haji Salleh kepada anak yang berubah laku itu hilang juga apabila Ustaz Abu Bakar menjadi bahagian dari keluarganya apabila beliau berkahwin dengan Zarina anak saudara Haji Salleh. Jahat manapun Borhan, saat ayahnya dalam nazak, dia sempat juga pulang melihat ayahnya menghembuskan nafas terakhir.

Demikian juga sikap positif diberikan kepada golongan agamawan seperti terlihat dalam novel *Ruang Perjalanan (RP)* dan *Ustaz (U)*. Dalam *RP* banyak sekali hujah-hujah "Aku" yang menggunakan perspektif Islam telah dapat mematahkan pemikiran Anakku, malah Aku berjaya mendidik cucu menjadi seorang puteri yang mencintai Islam, dan kemudian sanggup berkahwin dengan seorang pendakwah. Manakala dalam *Ustaz* pula S. Othman tetap memberi kemenangan kepada watak pendakwah seperti Ustaz Saifuddin. Jelas di dalam kedua-dua novel terakhir ini S. Othman bukan sahaja mementingkan agama tetapi juga meletakkan ilmu di atas sekali.<sup>12</sup> Keunikan dan kehalusan keseniman-an novel *Ustaz* lebih banyak berpusat kepada perubahan dalaman yang ditakah-takahkan melalui perasaan yang meluap-luap dengan kelogikan akal budi yang penuh rasionaliti dan juga keluhuran hati nuraini yang jelas akhirnya ditapakkan oleh keimanan atau ketakwaan pada Allah.<sup>13</sup> Hal ini sangat bertepatan dengan sikap dan pandangan hidup S. Othman sendiri terhadap Islam dan seni. Dalam satu tulisan sedikit masa lalu beliau pernah menulis, antara lain, katanya bahawa Islam amat menghargai akal tetapi tidaklah menolak perasaan yang terkawal.<sup>14</sup> Hal ini jelas dapat kita lihat perasaan cinta watak-watak di dalam *Ustaz* agak ketara tetapi ia tetap terkawal. Bukan itu sahaja, dari segi kepengarangan,

11 Lihat misalnya Sabima Abu Bakar, "Cinta Sederhana Dalam *Ustaz*", *Berita Harian*, 17 Ogos, 1991.

12 Misalnya di dalam *Ustaz*, watak Ustaz Saifuddin yang tidak jadi berkahwin dengan Nuriza telah meneruskan pengajian pada peringkat Sarjana di UKM.

13 Shahnun Ahmad, "*Ustaz*: Novel Penghijrahan Insan Tanpa Persinggahan", *Dewan Sastera*, Jun 1991, hlm. 89.

14 S. Othman, "Sastera Sebagai Alat Pengucapan Batin", *Dewan Sastera*, Jun 1983, hlm. 25.

novel *Ustaz* memperlihatkan kesasterawanan S. Othman yang melalui kisah biasa cuba merealisasikan gagasan perubahan dalaman yang menjadi paksi kepada novel ini, terutama perubahan dalaman yang bermakna di tengah-tengah keserabutan kekerdilan dan kelemahan insan di mana-mana, khususnya seperti yang dialami oleh Siti Nuriza dan Ustaz Saifuddin.<sup>15</sup>

Di sinilah terletaknya keterampilan kepengarangan S. Othman apabila lewat kisah-kisah biasa seperti itu beliau sempat juga berdakwah secara *subtle*. Contohnya Ustaz Saifuddin tidak sampai terjerumus melakukan perbuatan maksiat walaupun beliau mempunyai peluang yang baik ketika berada di dalam bilik bersama Nuriza yang mencintainya itu. Tetapi S. Othman tidak rela menjatuhkan keinsanan yang dibendungi oleh ilmu-ilmu Allah yang ada pada Ustaz Saifuddin. Inilah maksud perasaan yang dapat dikawal. Pengawalan perasaan waktu seperti inilah sangat sulit, dan ini saya anggap satu unsur dakwah yang sangat halus. Dengan begitu, kita bolehlah mengatakan S. Othman telah menggunakan sastera sebagai saluran untuk berdakwah. Kita cuba perhatikan juga aspek ini di dalam beberapa buah novel beliau yang lain, khususnya *RP* dan *WSW*.

Di dalam novel *RP*, meskipun novel itu lebih bercorak futuristik atau *a gnostic novel* yang mementingkan *Islamic gnosis*,<sup>16</sup> S. Othman sebetulnya berdakwah melalui novel ini. Pada keseluruhannya ia mengangkat beberapa persoalan kehidupan bermasyarakat dan beragama manusia di masa akan datang. Untuk mengemukakan hal ini pengarang memilih dan menghuraikan satu teori yang dikenali sebagai *tesis, antitesis dan sintesis*, yang dilihat dari segi pelaku-pelakunya: Tesis diwakili oleh Anaku, antitesis diwakili oleh isteri Anaku dan sintesis diwakili oleh Cucuku. Dari ketiga-tiga tesis, antitesis dan sintesis inilah watak Aku menjadi penggerak seluruh cerita, hubungan Aku dengan Anaku dan dengan Cucuku, peranan Aku dalam masalah mengembalikan akidah dan akhlak anak dan cucuku berdasarkan ilmu pengetahuan Islam yang dimiliki oleh Aku, bekas seorang pensyarah universiti.<sup>17</sup> Beberapa bahagian atau episod dari novel ini terlihat penuh dengan ilmu pengetahuan yang mencukupi ajaran dan dakwah termasuk *mystic knowledge* yang dibumbui oleh *literary polygenesis* yang menghidupkan lagi suasana cerita di dalam novel ini.

Suatu hal yang amat menarik (dan tentunya menyenangkan!) ialah tentang pengemukakan unsur Islam dan peranan dakwah Islamiah yang begitu berjaya dibentangkan di dalam novel *RP* ini. Malah bagi saya unsur Islam dan persoalan keagamaan yang dikemukakan oleh S. Othman dalam novel ini jauh lebih baik daripada apa yang pernah dikemukakan oleh Shahnnon Ahmad di dalam *Al-Syiqaq I dan Tuk Guru*, atau novel-novel berunsur Islam yang terbit terdahulu seperti antara lain *Muhammad Akhir* karya Anas K. Hadimaja, *Arbain, Seorang Guru Tua, Perempuan Di Lereng Bukit* dan *Ronjang*. Terlihat ada usaha S. Othman melakukan *research* sebelum menulis novel ini. Inilah yang jarang dilakukan oleh novelis lain di negara kita ini. Malah beliau melakukan hal yang sama sebelum dan ketika menulis novel-novel *Pertentangan, Angin Timur Laut, Perjudian* dan *Juara*.

15 *Op. cit.*, hlm. 89.

16 Abdullah Tahir, "Dunia dalam Ruang Perjalanan", *Dewan Sastera*, April 1990, hlm. 71.

17 *Ibid.*

S. Othman yang pernah menulis buku *Falsafah Alam* terlihat gemar menyelitikan unsur falsafah. Hal demikian itu terjadi juga di dalam novel *RP* ini, iaitu apabila beliau menerapkan pemikiran dan falsafah mengenai kebebasan, kebenaran itu realiti dan ketiadaan Tuhan.<sup>18</sup> Pemikiran dan falsafah tersebut lebih disandarkan kepada ajaran Islam. Barangkali tidak keterlaluan jika dikatakan dalam mengemukakan pemikiran dan falsafah tersebut beliau lebih menggunakan pendekatan Islam. Ini jelas apabila beliau lebih berminat merujuk kepada fakta Ilahiyah di dalam Al-Quran.<sup>19</sup> Beliau menyebut nama surah dan maksudnya, dan ada pula secara langsung memetik ayat suci al-Quran sendiri.

Selain daripada usaha memetik hadis dan ayat al-Quran di dalam novel ini sebagai suatu yang jarang dilakukan oleh pengarang lain, S. Othman juga menggunakan satu teknik yang agak menarik juga, iaitu teknik "Catatan Harian". Catatan ini sebetulnya ada koherensinya dengan isi cerita. Anwar Ridhwan ketika mengulas novel *RP* menyatakan ianya merupakan bahagian yang paling pendek di dalam novel ini, tetapi amat penting dalam menyimpulkan idea-idea S. Othman.<sup>20</sup>

Demikianlah di dalam novel *Wajah Seorang Wanita*, meskipun ceritanya lebih berkisar kepada kehidupan di perkampungan nelayan terutama mengenai kegigihan bekerja, kesetiaan; pada waktu yang sama diserapkan juga persoalan ketakwaan dan kemuliaan. Siti Musalmah, wanita yang bersifat lemah lembut dan bersopan santun menghadapi segala masalah membesar anak-anak setelah kematian suaminya. Beliau seolah-olah tidak bertanggung dengan segala cabaran seperti dari kerakusan tentera-tentera Jepun, dugaan hidup sebagai seorang janda dan jiran-jiran dengan segala kerenahnya. Selain itu untuk tidak mengeneipkan persoalan moral yang selalu dipentingkan oleh S. Othman, beliau telah menonjol watak Omar seorang yang alim dan warak, yang akhirnya menjadi suami kepada Siti Musalmah. Omar digambarkan sebagai lambang lelaki yang alim, warak dan lemah lembut. Apabila Cik Mat digambarkan sebagai seorang yang suka menipu untuk memiliki kekayaan, ini jelas niat pengarang untuk menggambarkan kemerosotan akhlak. Sebab itu bagi pengarang diberi kemenangan kepada jiwa baru yang sentiasa berpegang kepada agama, bersikap sabar dan tawakal. Sebab itulah juga dilukiskan Siti Musalmah seorang wanita yang tidak mementingkan harta dunia, terutama sewaktu tuaya. Baginya dia lebih mementingkan kedamaian dan ketenangan hidup.

Sehubungan dengan identiti S. Othman yang gemar menampilkan persoalan keagamaan di dalam novel-novelnya, satu hal yang juga sering dilakukan ialah mencipta watak-watak pemimpin agama. Lazimnya watak-watak pemimpin agama yang ditampilkan terdiri dari tipikal pemimpin agama peringkat kampung. Misalnya, dalam novel *Angin Timur Laut* dikemukakan watak Imam Ghani yang memimpin masyarakat nelayan sebagai hidup dalam serba kemiskinan. Watak Haji Salleh pemimpin agama di dalam novel *Pertentangan*. Haji Salleh pemimpin yang biasa. Ada hitam putihnya. Tetapi dia sentiasa bertolak dari prinsip keagamaan, iaitu dalam menyelesaikan sesuatu perkara dia selalu merujuk

18 Idris Zakaria, "Ruang Perjalanan: Pemikiran Islam dan Falsafah", *Dewan Sastera*, Mei 1990, hlm. 42.

19 *Ibid.*, hlm. 44.

20 Anwar Ridhwan, "Ruang Perjalanan: "Buah Terlarang" untuk Manusia", *Dewan Sastera*, Jun 1990, hlm. 41.

kepada al-Quran dan hadis. Contohnya boleh dilihat kepada sikap dan pendirian bertubuh dengan Su Ju Chin yang menganut fahaman atheis dan Marxisme yang juga mengakibatkan Borhan hanyut dalam arus fahaman yang sama dengan wanita itu. Watak Haji Salleh juga digambarkan sebagai guru agama yang dihormati dan sangat diperlukan dalam soal-soal ibadat dan upacara keagamaan. Masalah di dalam novel *Perjudian* pula ditampilkan watak Lebat Hassan. Meskipun watak ini hanya watak sampingan tetapi sumbangan sangat penting terutama mengenai adat istiadat, kerohanian dan keagamaan.

Dilihat kepada penampilan persoalan keagamaan, kerohanian, pemikiran dan falsafah Islam seperti dibicarakan terdahulu itu, maka jelas sekali S. Othman dapat digolongkan ke dalam novelis Melayu yang gemar menerapkan unsur Islam. Dengan demikian tidaklah keterlaluan jika dikatakan beliau adalah juga seorang sastrawan Melayu yang mencipta sastera Islam di tanah air kita. Tetapi saya bersetuju dengan pendapat setengah pengkritik sastera yang mengatakan penulisan novel Melayu hanya sekadar cuba menerapkan nilai-nilai Islam secara umum sahaja.<sup>21</sup> Hal ini tidak terkecuali kepada S. Othman Kelantan. Hanya akhir-akhir ini, seperti juga dengan penulis-penulis lain, S. Othman sangat cenderung dengan tema dan persoalan ke-Islaman. Hal ini sungguh baik, dan ia sekaligus menunjukkan tanda kebangkitan sastera Islam yang mulai bertambah positif, terutama dalam dekad 90-an ini.

Selain daripada penampilan unsur-unsur Islam, pemikiran dan falsafah, ciri kepengarangan lain yang dimiliki oleh S. Othman ialah dapat dicamkan melalui kecenderungannya yang gemar menampilkan watak-watak dan kisah hidup masyarakat kampung di dalam novel-novelnya. Hal ini agak dominan kecuali di dalam *RP*, itupun watak Aku juga berasal dari kampung. Semuanya itu dikemukakan dalam pelbagai persoalan seperti masalah sosial, konflik pemikiran lama-baru, semangat kebangsaan, penderitaan hidup, politik, kegigihan bekerja dan perjuangan hidup. Kehidupan masyarakat desa dipaparkan dengan meluas, termasuk imej orang kampung yang dapat dilihat melalui sikap dan pendirian mereka, pekerjaan, perjuangan hidup, pengaruh modenisme, masalah kepimpinan dan pengekalan ciri-ciri orang kampung. Hal ini akan lebih jelas kalau dipermincikan dari beberapa buah novel S. Othman.

Novel *Perjudian*, misalnya menampilkan sebuah keluarga yang memperjudikan nasib untuk meneruskan hidup. Keluarga Pak Mat sangat memerlukan tanah dengan begitu bersama Khalid, Mek Nab dan Sarah mereka meneroka tanah haram di Paya Kedondong. Sikap dan pendirian keluarga Pak Mak sangat jelas: Hidup tanpa tanah adalah hidup yang kosong seperti ruang yang kosong. Bagi Pak Mat hidup adalah perjudian. Sikapnya jelas terpancar seperti dalam petikan berikut:

"Hidup ini persis seperti meniti di atas buih dari lautan kehidupan yang berbelombung. Perlu pengorbanan. Perlu kesetiaan. Perlu kesabaran seperti pokok. Dan hidup ini jatuh bangun. Pengorbanan itu kemanusiaan. Kesetiaan itu, lelaki sejati. Kesabaran itu kejayaan."<sup>22</sup>

21 Nurzami Kuntum, *Teori dan Pemikiran Sastera Islam di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), hlm. 20.

22 *Perjudian*, 1973, hlm. 1.

Kegigihan cita-cita dan azam untuk memperbaiki taraf hidup bukan sahaja terjadi kepada peneroka, tetapi juga dialami oleh masyarakat nelayan. Hal ini jelas terlihat diungkapkan oleh S. Othman di dalam novel *Angin Timur Laut*. Salleh adalah seorang nelayan (mewakili nelayan-nelayan di Pantai Timur) yang selalu berdepan dengan pelbagai masalah, seperti masalah tindasan orang tengah di samping ancaman dari gelora dan ribut musim tengkujuh. Tetapi sebagai ketua keluarga yang bertanggungjawab, Salleh tetap turun ke laut mencari rezeki.

Sikap yang gigih ini diperlihatkan juga oleh S. Othman kepada orang kampung seperti Mamat di dalam novel *Juara*. Walaupun novel ini digambarkan konflik orang kampung tetapi ia mempunyai unsur politik semasa. Politik dalam novel *Perwira* agak lebih jelas apabila S. Othman mengemukakan perjuangan menuntut kemerdekaan di zaman yang lebih awal. Awang Teleng dengan beberapa orang temanya seperti Ali, Hussain, Abbas, Abdul Rahman ingin membebaskan jajahan Pasir Puteh (Kelantan) dari penjajahan Inggeris. Perjuangan suci ini menemui masalah apabila terdapat di antara mereka menjadi talibarut kepada askar upahan Inggeris.

Kegemaran S. Othman menampilkan kisah-kisah hidup dan kehidupan masyarakat kampung juga dikaitkan dengan kesan penerimaan terhadap modenisme. Kesan modenisme yang buruk dialami oleh Borhan di dalam novel *Pertentangan*. Haji Salleh sungguh merasa terkilan dengan perubahan anaknya itu. Borhan yang mendapat pendidikan sekular mula membenci kehidupan cara kampung. Hal ini lebih dirasakan lagi apabila dia tinggal di kota dan berkesempatan bergaul dengan Bong Kahar, Salim dan Su Ju Chin.

Tidak semua modenisme dilihat oleh S. Othman membawa kesan yang negatif. Proses kemodenan juga membawa kesan yang positif. Ini jelas terlihat pada orang kampung seperti Pak Mat di dalam novel *Perjudian*. Walaupun beliau seorang petani di pedalaman, beliau tetap ingin menambahkan hasil pertaniannya, dan beliau menerima penggunaan racun serangga yang pada waktu itu belum lagi digunakan oleh para petani. Demikian juga kita melihat seorang kampung seperti Mamat di dalam novel *Juara* mengambil perhatian yang serius terhadap pelajaran anaknya. Beliau tidak mahu anaknya mewarisi kemiskinan. Dan beliau percaya hanya melalui pendidikan sahaja dapat melepaskan seseorang itu dari penjara kemiskinan. Sikap Mamat jelas terlihat di dalam petikan berikut:

"..... Dia mengharapkan biarlah Jueh akan dapat mencapai taraf pelajaran yang lebih tinggi untuk hidup dalam negara Tanah Melayu yang merdeka. Biarlah anaknya menjadi manusia yang sebenarnya. Jueh sudah dimasukkan ke sekolah Inggeris di Pasir Mas."<sup>23</sup>

### Penutup

Demikianlah dapat kita perhatikan beberapa ciri dan identiti kepengarangan S. Othman Kelantan, terutama dilihat dari segi pemilihan tema dan persoalan yang dilakukannya. Dapat dibuat kesimpulan bahawa S. Othman seorang novelis yang selalu mementingkan persoalan keagamaan, falsafah dan juga kehidupan

<sup>23</sup> *Juara*, hlm. 35.

orang kampung. Kehidupan masyarakat kampung menjadi pilihan utamanya, iaitu semenjak mula menulis novel dalam tahun 50-an hinggalah dewasa ini. Kenapa hal ini terjadi sangat jelas, kerana dari segi latar belakang beliau sendiri lahir dan dibesarkan di kampung. Saya sengaja tidak memperkatakan kepengarangan S. Othman dari aspek struktur, kerana saya ingin membincangkannya pada waktu dan kesempatan yang lain.

### Rujukan

- \_\_\_\_\_ *The New Lexicon Webster's Dictionary of the English Language*,  
Lexicon Publications, Inc., New York, 1983.
- Abdullah Tahir, *Proses Penciptaan Novel Ishak Haji Mohammad, A. Samad  
Said, Shahnnon Ahmad*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989.
- \_\_\_\_\_ "Dunia dalam Ruang Perjalanan" dalam "Dewan Sastera" April  
1990.
- Anwar Ridhwan, "Ruang Perjalanan: Buah Terlarang untuk Manusia," dalam  
*Dewan Sastera* Jun 1990.
- Idris Zakaria, "Ruang Perjalanan: Pemikiran Islam dan Falsafah" dalam *Dewan  
Sastera* Mei 1990.
- Nurazmi Kuntum, *Teori dan Pemikiran Sastera Islam di Malaysia*, Dewan Bahasa  
dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991.
- Sabina Abu Bakar, "Cinta Sederhana Dalam Ustaz," *Berita Harian*, 17 Ogos,  
1991.
- Shahnnon Ahmad, "Ustaz: Novel Penghijrahan Insan Tanpa Persinggahan"  
dalam *Dewan Sastera* Jun 1991.
- S. Othman Kelantan, "Sastera Sebagai Alat Pengucapan Batin" dalam *Dewan  
Sastera* Jun 1983.
- \_\_\_\_\_ *Teknik Mengkaji Novel* 1985.
- \_\_\_\_\_ *Novel: Tanggapan dan Kritikan*, Penerbitan Universiti Kebang-  
saan, Bangi, Selangor, 1986.
- \_\_\_\_\_ *Kecenderungan Baru Dalam Novel Malaysia: Satu Kajian Struktur*  
1987.
- \_\_\_\_\_ *Arah Pemikiran Sastera Malaysia* 1987.

## Fikiran-Fikiran Tentang Penubuhan Universiti di Kalangan Orang Melayu Sebelum Perang Dunia Ke-2 Khususnya di Kelantan

ABDUL RAHMAN AL-AHMADI

Dikalangan orang Melayu telah timbul satu kesedaran untuk mewujudkan sebuah universiti di Tanah Melayu. Di Kelantan fikiran pertama nampak timbul dikalangan penuntut dan pentadbir Majlis Agama Islam Kelantan pada tahun 1920. Dalam tahun 1920 itu juga pihak Majlis Agama Islam Kelantan telah mengirim 5 orang penuntutnya belajar di Kolej Melayu Kuala Kangsar dengan harapan mereka kelak akan menuntut pelajaran yang lebih tinggi sama ada di Mesir atau di England.<sup>1</sup>

Dalam tahun 1921 nampaklah pula dibicarakan dalam majalah 'Pengasuh' sistem pendidikan universiti dimana dinyatakan sebagai berikut: apabila umurnya 18 tahun iaitu 9 tahun sudah ia belajar Inggeris diharapkan lulus 'Senior Class' bolehlah ia belajar di dalam universiti. Kabarnya pihak kerajaan sedang hendak mengadakan sebuah universiti dalam negeri kita ini. Pelajaran di dalam universiti itu agak saya patut dilihat pada tempoh ini apa juga jawatan-jawatan yang sangat mustahak yang kerajaan kita hendak menggunakan supaya pelajaran itu diajar kepada murid yang berpelajaran dengan boleh memilih mana-mana pelajaran yang disukainya.<sup>2</sup>

Di Kelantan kesedaran untuk adanya pusat pengajian tinggi bertambah lagi berikutan tertubuhnya Maktab Melayu di Kuala Kangsar pada tahun 1905 dan Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim pada tahun 1922, kerana itu dalam tahun 1922 timbullah keinginan dikalangan terpelajar Kelantan untuk memperjuangkan bagi mewujudkan sebuah Kolej di Kelantan. Dalam sebuah tajuk rencana pengarang 'Pengasuh' bertarikh 6 Oktober 1922 bilangan 106, halaman 11, 'Bolehkah di Kelantan diadakan sebuah Kolej?'. Dalam rencana itu dibicarakan tentang bagaimana hendak mewujudkan kolej

1. Lihat 'Pengasuh', bil. 53, 15 Ogos 1920, hlm. 7.

2. *Ibid.*, bil. —, 3 September 1931, hlm. 3.



itu, sebab belanjanya sangat besar, ada empat cara untuk dapat mewujudkan iaitu dengan mendapat bantuan dari;

1. Orang kaya
2. Majlis Agama Islam
3. Kerajaan
4. Orang ramai

Mengenai bantuan dari orang kaya sangat sukar hendak diperolehi dinegeri kita ini, sebab tak banyak orang kaya, walaupun ada hanya beberapa orang sahaja dan mereka tentulah susah hendak memberi derma itu.

Sebaliknya kalau melalui Majlis Agama Islam pun sukar sebab sekarang ini pihak Majlis sendiri sedang berkehendakkan wang bagi perbelanjaan membangun masjid besar Kota Bharu yang berharga \$340.000. Cara lain ialah dengan bantuan dari pihak kerajaan. Walaupun begitu pihak kerajaan pun nampak pada masa sekarang tak bersedia untuk memberi bantuan membangun sebuah kolej itu. Maka jalan yang terbuka untuk membangun kolej itu ialah dengan melalui pungutan derma daripada orang ramai, hanya yang menjadi masalah bantuan daripada orang ramai itu, mereka itu kebanyakannya daripada golongan rendah dan mereka belum biasa dengan mengeluarkan derma untuk kepentingan umum.

Pengarang 'Pengasuh' membuat kesimpulan cara mengutip bantuan itu dengan dua jalan: (i) pihak kerajaan hendaklah menambahkan ke atas kutipan cukai dan hasil yang dipungut daripada orang ramai sebanyak 5% atau 10%; (ii) pihak kerajaan mengadakan 'lottery' bagi mengumpul wang sebanyak \$500,000 iaitu ditolak \$200,000 daripadanya untuk belanja mengadakan kolej itu dan yang baki itu dijadikan 'prizes' atau hadiah.

Fikiran daripada tajuk rencana Pengarang 'Pengasuh' itu mendapat reaksi dari pembaca. Hassan Fikri mengesyorkan supaya pihak Majlis Agama Islam Kelantan memungut derma daripada orang ramai dengan mengutip seringgat setiap orang, dan tidaklah perlu kerajaan menaikkan cukai dan hasil, sebab akan menambahkan beban masyarakat, begitu juga tak perlu dengan mengadakan 'lottery' sebab cara yang demikian itu akan menambahkan heleh dan takwil semata mata.

Pendapat Hassan Fikri tersebut mendapat sokongan daripada Mohamad bin Dato' Muda, Perak, tetapi sebaliknya Jaafar dari Kota Bharu menyokong pembangunan kolej itu melalui wang 'lottery', sebab bagi setiap pembeli 'lottery' itu faham bahawa wang itu adalah untuk kepentingan umum dan negeri Kelantan akan menjadi masyhor kerana mempunyai sebuah kolej yang akan dinikmati oleh mereka yang dahagakan ilmu pengetahuan.

Dalam konteks pembangunan kolej dan universiti ini Abdul Kadir Adabi telah mengemukakan pula fikiran dalam suratnya kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail pada bulan Mac 1923. Dalam suratnya itu ia menyatakan kiranya Al-Sultan dapat memperjuangkan beberapa perkara:

- i. berusaha dan menubuhkan sebuah kolej di Kelantan
- ii. berusaha dan menubuhkan sebuah Universiti di Tanah Melayu

- iii. mengusaha dan menubuhkan sebuah Persekutuan Tanah Melayu yang diketuai oleh seorang kepala negara yang dipilih dari Raja-Raja atau Sultan-Sultan Tanah Melayu.
- iv. mengusahakan dan membangun tugu-tugu nasional seperti mana terdapat pada bangsa-bangsa yang telah maju dinegeri-negeri barat.

Mengikuti pendapat Abdul Kadir Adabi pembangunan Kolej dan Universiti bolehlah dikutip derma dari orang ramai atau wang 'lottery'.

Perhatian kepada kepentingan pelajaran tinggi dikalangan orang Melayu dapat di lihat pada tajuk rencana 'Pengasuh' bulan Januari 1925 bilangan 162 halaman 3 dengan tajuk 'Anak Melayu Menuntut Pengetahuan Tinggi Di Luar Negeri'. Disini disiarkan berita bahawa Kerajaan Johor telah mengirim Ahmad bin Abdul Aziz melanjutkan pelajarannya ke Universiti Hongkong selama 4 tahun. Pihak Pengarang 'Pengasuh' mengharapkan supaya ditiatip buah negeri di Tanah Melayu ditubuhkan Persekutuan atau kaum hartawan Melayu mengadakan derma untuk mengirim anak-anak Melayu belajar di universiti-universiti terkenal di Eropah dan Amerika. Dan di negeri Kelantan sepatutnya pihak kerajaan mengadakan cadangan mengirim anak negerinya belajar pengetahuan tinggi di luar negeri.

Pengesyoran dari pihak 'Pengasuh' supaya kerajaan Kelantan mengirim anak-anak negerinya ke luar negeri telah mendapat perhatian pihak yang berkuasa di Kelantan. Pada bulan September 1926 Nik Ahmad Kamil bin Haji Nik Mahmud (putera sulong kepada Haji Nik Mahmud Dato' Perdana Menteri Paduka Raja Kelantan) telah pula dikirim ke England untuk menuntut di Inns Of Courts, London dan beliau telah lulus ilmu undang-undang pada tahun 1929 di Lincoln's Inn.<sup>3</sup>

Sementara itu dalam tahun 1927 tersiar pula berita dalam akhbar 'Lembaga Melayu' yang mengatakan bahawa Kerajaan Kedah telah mengirim putera buminya seramai 12 orang untuk melanjutkan pelajaran mereka di universiti-universiti di England. Dengan demikian bolehlah dikatakan dalam masa akan datang kelak Kedahlah negeri yang sangat ramai sekali daripada bumiputera negeri Melayu lain yang belajar di universiti-luar negeri. Bagaimana pulakah dengan negeri Kelantan?. Sebenarnya Kerajaan Kelantan tidaklah keberatan kalau sekiranya mencadangkan perbelanjaan sebanyak sepuluh atau lima belas ribu ringgit setahun untuk mengirim putera-puteranya belajar di Universiti Oxford atau Universiti Cambridge di England.<sup>4</sup> Seperti telah dimaklumi pada permulaan abad 20 (dalam tahun 1903) sudah ada penuntut-penuntut Kelantan belajar di Mesir seperti Haji Mohamad bin Mohamad Said, Mohd. Yusof bin Mohamad (Tok Kenali), Haji Nik Mahmud bin Ismail dan dalam tahun 1925 terdapat lagi beberapa penuntut Kelantan di Mesir seperti Haji Ahmad bin Awang Kemuning, Mustafa bin Encik Tengah, Nik Jaafar bin Haji Ahmad, Wan Adam bin Haji Wan Abdullah, dan pada tahun 1926 pula Nik Mustapha Fadhil bin Haji Nik Mahmud (putera kedua kepada Dato' Perdana Menteri Paduka Raja Kelantan) dan Wan Yusuf bin Haji Wan Hassan,

3. Lihat 'Al-Hikmah', 28 Januari 1934.

4. Lihat 'Pengasuh', bil. 177, 20 Ogos 1925, hlm. 7.

Kadhi Kota Bharu, telah pula melanjutkan pelajaran mereka ke Mesir. Disamping itu terdapat pula penuntut-penuntut Kelantan yang belajar di Mekah dalam tahun 1926 seperti Haji Nik Abdullah bin Haji Wan Musa.

Perhatian umum masyarakat Melayu terhadap nilai pendidikan tinggi makin mendapat sorotan, ini terbukti dalam majalah 'Saudara' 5 Januari 1929 ada disiarkan berita bahawa dalam bulan Februari 1929 di Mahkamah Kuala Lumpur ada satu cadangan supaya Yang Mulia Raja Musa bin Raja Bot masuk ke dalam 'Lembaga Lawyer Negeri-Negeri Melayu Bersekutu' atau Federated Malay States Bar (F.M.S. Bar). Yang Mulia Raja Musa telah pun diterima ke dalam 'bar' di England dan mula-mula diterima menjadi lawyer dalam mahkamah besar dalam Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Berita di atas menandakan bahawa ada orang Melayu yang telah mendapat pendidikan tinggi dan telah mendapat kedudukan tinggi dalam masyarakat.

Di Kelantan, khususnya, perhatian masyarakat terpelajar tentang pentingnya penubuhan kolej ini terbukti pula daripada adanya 'slogan' dalam majalah 'Kenchana' tahun 1930 yang berbunyi: 'Kolej, Kolej, Kolej di Kelantan'. Dan dalam bulan Februari 1932 pada Hari Ucapan Madrasah Muhamadiyah Majlis Agama Islam seorang penuntut bernama Hassan Rusdi Yusof telah berucap bagi pihak Setiawan Belia Muhamadiyah, sebuah persekutuan yang disahkan oleh kerajaan yang menyeru 'dengan kesudahan Masjid Muhammadi inilah kita semua berharap dan memohon jadilah Madrasah Muhamadiyah ini sebuah Universiti bagi pelajaran Islam mengikut aturan cara baharu dan menambah pelajaran Madrasah Muhamadiyah dan Masjid Muhamadiyah bagaimana terkalbu oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri daripada melawat Mesir baharu-baharu ini.<sup>5</sup>

Sementara itu, dalam bulan Mac 1932 dalam majalah 'Saudara' terdapat pula sebuah makalah bertajuk 'Hendak Membangun Sebuah Universiti Islam' yang ditulis oleh Abdul Wahab Khan dari Indian Islamic Mission, Patani, Selatan Siam. Isinya berbunyi: 'Memandang ramainya jumlah penduduk Islam di negeri dan pulau-pulau sebelah Timur iaitu Siam, Malaya dan Indonesia yang jumlah penduduknya jika disatukan sama dengan jumlah penduduk Islam di India, maka sudah sepatutnyalah didirikan sebuah Universiti disuatu pusat yang dapat memberikan kesenangan kepada semua dalam Timur Jauh ini, dan hal ini sesuai pula dengan ramainya jumlah penuntut Islam di negeri Siam, Malaya dan Indonesia yang menuntut di Al-Azhar Universiti, Mesir dan penuntut-penuntut dari negeri-negeri Arab, dengan demikian mereka patut sedar untuk mengadakan sebuah universiti untuk faedah saudara-saudara dan anak-anak cucunya'.<sup>6</sup>

Dalam tahun 1934 telah diterima berita bahawa yang Mulia Tengku Abdullah bin Tengku Muda Tuan Hassan yang telah meneruskan pelajarannya ke England dalam tahun 1931 telah lulus B.A. dalam ilmu undang-undang di Saint College, England.<sup>7</sup> Hal ini mungkin menambahkan dorongan kalangan Melayu Kelantan khususnya untuk memperjuangkan wujudnya sebuah kolej di Kelantan atau Universiti di Malaya.

5. Lihat 'Pengasuh', bil. 339, 22 Februari, 1932.

6. Lihat 'Saudara', tahun 5, bil. 291, 22 Mac 1933.

7. Lihat 'Pengasuh', bil. 459, 21 Jun 1934, him. 12.

Memang kesedaran umum untuk memperjuangkan penubuhan Universiti di Malaya telah bertambah nyata lagi apabila dalam akhbar "Warta Malaya" 8 Februari 1935, halaman 5 termuat sebuah makalah bertajuk 'Kuliah Kerana Tanah Melayu' isinya berbunyi: 'sudah tibalah masanya sekarang ini di Tanah Melayu di adakan sebuah universiti, kerana disini sudah ada Kolej Perubatan dan orang ramai sudah menunjukkan kesedaran dalam pelajaran tinggi'.

Sementara itu pada bulan Julai 1935 dimuat berita dalam majalah 'Pengasuh' sambutan seorang pembaca Melayu yang merasa sukacita atas sumbangan Sultan Johor sebanyak \$285,000 untuk menyiapkan pembinaan Naval Base Singapore. Sumbangan itu sebagai hadiah bagi menghormati Jubli Perak King George V. Pembaca itu mengharapkan kiranya pihak yang berkuasa di Tanah Melayu kita tidak keberatan untuk mewujudkan pula sebuah universiti di Tanah Melayu, kerana sudah ramai bilangan anak-anak negeri Semenanjung daripada bangsa kita dan asing yang sudah layak untuk masuk kolej dan universiti dan disamping itu memandang di Tanah Melayu sekarang sudah ada dua kolej iaitu Kolej Perubatan King Edward VII (King Edward VII Medical College) dan Kolej Raffles (Raffles College). Patut pula kolej itu diadakan di tiap bandar besar dan ibu negeri di Tanah Melayu kerana belanja belajar akan lebih murah dibanding dengan kolej di luar negeri. Persoalan penubuhan universiti ini bukan sahaja lagi menjadi pembicaraan diperingkat rakyat sematamata tetapi telah pula masuk dalam pembicaraan kerajaan. Pada 26 Oktober 1936 dan 7 Disember 1936 Kapten Nor Mohamad Hashim telah berucap di Dewan Legislative Negeri-Negeri Selat di Singapura dimana beliau menyatakan bahawa universiti di Tanah Melayu adalah merupakan tuntutan umum rakyat dan kerajaan mestilah berusaha untuk menubuhkan seberapa segera, mengingat sudah ramai penuntut disini yang melanjutkan pelajaran diluar negeri dan ramai pula yang tidak mendapat tempat belajar di Maktab Perubatan dan Maktab Raffles di Singapura.

Untuk merangsangkan syor beliau ini, Kapten Nor Mohamad Hashim telah pula berucap di Majlis Persekutuan Arab Peranakan pada 3 Februari 1937 bertempat di Victoria Memorial Hall, Singapura dimana beliau menyatakan perlunya sebuah universiti bagi Tanah Melayu. Shor dan ucapan Kapten Nor Mohamad Hashim ini mendapat sokongan dari pengarang 'Al-Hikmah' bertarikh 4 Januari 1937. Dalam tajuk rencananya 'University' disini Ahmad Ismail selaku Pengarang 'Al-Hikmah' menyatakan: 'kita memberi sokongan patutlah di Singapura diadakan sebuah universiti dan patutlah di Malaya kita pertingkatkan lagi tingkat pelajarannya kerana Malaya terbilang daripada bumi yang kaya. Apabila universiti itu diadakan ramailah anak-anak Melayu dalam Malaya dan gugusan pulau-pulau Melayu dan anak-anak Melayu di Tanah Besar serta lain-lain bangsa yang ada disekeliling kita akan berpuak-puak memasuki Universiti di Singapura itu, pendek kata Tanah Melayu berhajat kepada universiti dan tetaplah berguna bagi Tanah Melayu dan patutlah orang-orang yang lidahnya masin menyokongnya'.

Sokongan pengarang 'Al-Hikmah' terhadap penubuhan Universiti di Tanah Melayu ini menjadi polimik hangat pula diantara majalah 'Al-Hikmah' dengan akhbar 'Warta Malaya' Singapura. Akhbar 'Warta Malaya' bilangan 688 bertarikh 17 Disember 1937 halaman 9, menyatakan dukacita memikirkan nasib kaum kita

yang berada dalam serba kesusahan sama ada didalam bandar atau kampung boleh dikatakan 90% tidak mampu membelanjakan untuk pelajaran di sekolah rendah, walaupun diberi percuma sekolah apalagi hendak mengadakan universiti tidak syak lagi semakin kurang bumiputera yang dapat menduduki sekolah itu, pendek kata mengatakan bukan hal hendak mengendalakan satu-satu niat yang baik tetapi seperti kata pepatah ukur baju dibadan sendiri dan kita berharap pemimpin dan hartawan-hartawan kita berikhtiarlah lebih dahulu memperbaiki kaum kita dahulu. Selanjutnya pengarang 'Warta Malaya' mengatakan pula dalam tajuk rencana 6 Mac 1937 'Lagi Berkenaan Universiti' banyak akan menyalahi kita jika berkata belum lagi layak kita di Malaya mempunyai universiti berbanding dengan kelemahan otak orang-orang kita seperti yang ada hari ini, kalau dibuka juga orang-orang Melayu hanya 1% sahaja tidak mempunyai apa-apa manfaat kepada umat Melayu.

Sebaliknya majalah 'Al-Hikmah' tetap menyokong penubuhan Universiti Malaya dalam tajuk rencananya bertarikh 11 Februari 1937 'diantara setuju dan menentang penubuhan Universiti Malaya ini dengan alasan masing-masing maka kita sendiri memihak golongan orang yang berkehendakkan adanya Universiti Malaya dengan alasan kita berpegang bahawa kemajuan dan kejayaan hidup suatu bangsa itu daripada pilihan nikmat bangsa sendiri yang luas ilmu pengetahuannya. Dengan adanya universiti itu katakanlah anak bangsa asing lebih banyak mendapat pelajarannya dalam universiti itu, tetapi anak-anak Melayu tidaklah tertinggal daripada mengikut kemajuan itu. Dengan adanya universiti tidaklah bermakna bangsa-bangsa asing tercegah daripada mendapat ilmu pengetahuan yang banyak dan luas, kata-kata orang pandai bahawa umat yang tidak berilmu pengetahuan itu samalah umat itu umat yang yatim, apakah bangsa kita setuju mengatakan anak Melayu kita umat yatim dengan ilmu pengetahuan, dengan demikian kita menggalakkan umat bangsa kita bersuara meminta adakan universiti di Malaya dengan seberapa segera'.

Hujah 'Al-Hikmah' ini mendapat tentangan dari kahbar 'Warta Malaya' bertarikh 27 Mac 1937 bahawa 'universiti Malaya akan merugikan anak-anak Melayu bahkan akan mendatangkan pengangguran dikalangan anak-anak di Semenanjung, terbukti orang-orang yang tamat Maktab Perubatan Singapura terpaksa berkerja membuka kedai ubat sendiri kerana tiada dapat bekerja dengan kerajaan. Akhbar 'Warta Malaya' pada 7 April 1937 tetap mengatakan bahawa belum masanya lagi membuka Universiti di Malaya dan penubuhan universiti itu tidak memberi guna kepada kaum bangsa kita bahkan sebaliknya akan meluas lagi peluang terhalau lebih jauh lagi dari pintu khidmat di Semenanjung ini dan Semenanjung Tanah Melayu tak perlu lagi kepada B.A., M.A., dan L.L.B. atau seumpamanya, kita tak mahu melihat tamatan seumpama itu akan menjadi berokar petition writer atau penjual terung.

Sama dengan pendirian 'Warta Malaya' ialah akhbar 'Majlis' Kuala Lumpur bilangan 145 bertarikh 24 Jun 1937 melalui tokoh pujoknya yang terkenal dengan panggilan 'Si Luncai' mengatakan bahawa Universiti Malaya belum masanya lagi. Begitu juga majalah 'Warta Jenaka' 5 April 1937 mengatakan bahawa universiti Malaya belum masanya lagi dan yang menjadi masalah besar sekali ialah orang Melayu tidak mempunyai wang bekal mengaji kerana mengaji di Universiti itu bukan lagi mengaji dipondok boleh menanti-nanti beras zakat

atau membawa unjuk petang Khamis dan malam Jumaat.

Majalah 'Al-Hikmah', 22 April 1937, menjawab apa yang diujjahkan oleh rakan sejawatnya sesama pengarang di akhbar 'Warta Malaya' dan majalah 'Warta Jenaka'. 'Kita musykil' kata pengarang 'Al-Hikmah' 'adakah Universiti Malaya wajib dibelanjakan oleh murid-muridnya dengan pound mengikut Eropah? atau sampai begitu benar kebangsaan orang-orang Melayu hingga tidak berwang yang boleh membelanjakan kepada anak-anak belajar di dalamnya. Kita bangkit kepada kawan sewartawanan yang tiada sefikiran dengan kita dahulu daripada ini kepada Universiti Aligar kebanyakan daripada surat-surat khabar Melayu hampir sama pendapat bahawa bayarannya murah dan apakala Universiti Malaya diadakan dapat diadakan bayaran murah dan tentulah akan banyak anak-anak Melayu yang berkemampuan. Kita tidak usahlah berKelantan, berSingapura, tetapi hendaklah kita berkata bahawa banyak harapan serata Malaya dan gugusan pulau-pulau Melayu anak-anak Melayu berhimpun di universiti itu?' Melalui polimik yang berlarutan antara 'Al-Hikmah' disatu pihak dengan akhbar 'Warta Malaya', 'Warta Jenaka' dan 'Majlis' dipihak lain, maka 'Al-Hikmah' telah mendapat sokongan dari pembacanya antaranya dari penulis yang bernama Aman yang menulis panjang lebar menerangkan apakah ertinya universiti itu. Aman membahaskan perlunya universiti itu dari segi kemajuan Malaya, dari segi ekonomi, perdagangan dan orang Melayu mesti ada ilmu untuk mentadbirkan negerinya, sebagai kesimpulan Aman berpendapat syor Kapten Nor Mohamad Hashim tidak patut diketepikan.

Dua orang penulis lain yang menamakan dirinya Al-Qadmi dan Pemerhati Dari Kedah kedua-duanya menulis dalam majalah 'Al-Hikmah' menyatakan setuju penubuhan universiti itu kerana itu kita mesti sokong syor Kapten Nor Mohamad Hashim itu. Ada seorang penulis yang menamakan dirinya Pelayan Melayu melalui majalah 'Pengasuh' bil. 595, 28 Januari 1937 menulis dengan tajuk 'Orang Melayu dan Universiti Malaya' mengemukakan pendapatnya sebagai berikut: setelah mengikuti 'Warta Malaya' yang tak setuju penubuhan Universiti Malaya, maka ia menyokong penubuhan universiti itu dengan alasan-alasan:

1. Pelajaran yang ada di sekolah Melayu atau Inggeris tidaklah boleh melayakkan semua orang Melayu kita termasuk dalam bilangan orang ahli ilmu pengetahuan tinggi dan berkemajuan dalam kalangan pemerintahan yang dikehendaki oleh tiap rumah dan kerajaan.
2. Tiap sebuah negeri yang luas langkahannya dan tamadun putera buminya mestilah berpelajaran tinggi dan umat itu baru dihormati dan dimulakan.
3. Apakala ada Universiti di Singapura dapatlah anak Melayu menuntut ilmu pengetahuan yang tinggi dan tidak tersekat menuntut kepada orang-orang yang mampu sahaja kerana jauh tempat belajar di England seperti sekarang.
4. Universiti itu berfaedah sekali kepada rakyat dan kerajaan Melayu amnya sekiranya ada muslihat menghasilkan pegawai kerajaan ditangan anak-anak Melayu, sebaliknya dinegeri-negeri Selat kita tidak berani mengakui akan faedah kecuali orang-orang disana memperoleh keutamaan daripada jawatan-jawatan kerajaan.

Memang benar apa yang ditulis oleh penulis pembaca 'Pengasuh' ini mendapat sambutan dari pembaca di Singapura yang menyatakan bahawa Melayu Singapura tidak berkehendakkan universiti seperti dinyatakan oleh seorang penulis yang menamakan dirinya Y.B.I. dalam 'The Straits Times', 20 Februari 1937, beliau mengatakan bahawa orang-orang Melayu Singapura tidak berkehendakkan universiti itu dan sekalian orang Melayu suka permohonan Kapten Nor Mohamad Hashim itu menjadi hampa, sebagai bukti orang Melayu Singapura tidak suka universiti iaitu pada masa Kapten Nor Mohamad Hashim membuat syarahan di Victoria Memorial Hall dulu tidak berapa kerat orang Melayu yang hadir, adapun yang ramai hadir ialah bangsa asing jua, ini dalil yang terang bahawa orang Melayu yang berakal tidak bekehendakkan universiti itu.

Fikiran Y.B.I. itu nampaknya agak sependapat dengan seorang asing yang menamakan dirinya Del Pickle dalam majalah Inggeris bernama 'Panchonlo' dimana ia menyerang Kapten Nor Mohamad Hashim yang dikatanya masih bersifat budak yang tak faham apa yang dikatakan oleh Ketua Pelajaran Sekolah dalam negeri ini belum layak berkehendak universiti dan kerajaan tahu orang ramai tidak berkehendakkan universiti itu sekarang, sebaliknya orang ramai berkehendak sekolah lebih banyak lagi, sebab diseluruh negeri ini banyak kanak-kanak yang tiada berpeluang memasuki persekolahan, bahkan ibu bapa banyak berhutang kerana hendak memberi pelajaran kepada kanak-kanak mereka diperingkat permulaan sahaja, sekiranya universiti itu didirikan maka ibu bapa yang miskin inilah yang mengamil bahagian mendirikan universiti itu bagi kesenangan orang kaya yang mendapat faedah persekolahan tinggi itu bahkan bagi faedah orang seperti Kapten Nor Mohamad Hashim itu, jika sekiranya Kapten Nor Mohamad Hashim berniat berkhidmat kepada negerinya dan kaumnya patutlah ia memohon kepada kerajaan mengadakan sekolah yang tiada dikenakan bayaran dan mengadakan sekolah wajib. Apabila semua orang mendapat pendidikan permulaan seluruhnya maka baharulah pada masa itu diperhitungkan mutu sekolah menengah dan jika sempurna pula sekolah menengah baharulah dirundingkan bagi penubuhan universiti. Nampak fikiran penulis asing ini sama pendirian dengan Gabnor Singapura dan Ketua Pelajaran Negeri-Negeri Tanah Melayu belum bersetuju hendak mengadakan universiti itu. Demikianlah fikiran di atas yang telah dikutip oleh seorang pembaca Melayu bernama Tabib Pak Belalang yang dimuat dalam majalah 'Pengasuh' bilangan 601, 11 Mac 1937 halaman 7.

Reaksi pembaca di atas disuloh pula oleh pengarang 'Pengasuh' sendiri dalam tajuk rencananya yang berbunyi 'Masalah universiti' disini pengarang 'Pengasuh' menyatakan pendiriannya, fikiran kita mengapa universiti itu belum sampai masanya pada fikiran kita terlebih baik diberi ilmu yang bermanfaat bagi kesenangan hidup orang ramai daripada ilmu tinggi yang khas bagi kesenangan dan kemuliaan seorang berdua sahaja anak-anak Melayu iaitu ilmu pertukangan dan lain-lain pekerjaan yang berguna kepada orang ramai daripada ilmu universiti yang berfaedah kepada seseorang dua anak-anak raja, orang besar dan orang kaya sahaja manakala anak-anak orang ramai kebuluran.

Pendirian pengarang 'Pengasuh' ini disokong oleh Cikgu Ibrahim bin Mustafa dalam tajuk 'Sekolah Pertukangan Melayu disyorkan' disini dinyatakan bahawa syor hendak mendirikan universiti di Tanah Melayu oleh Kapten Nor

Mohamad Hashim itu patut ditukar kepada mendirikan sekolah atau kolej pertukangan Melayu mengandungi bertukang besi, bertukang kayu, bertukang emas, tembaga, tenun-menenun, sirat-menyirat dan pekerjaan periuk belanga dan lain-lain dari tanah liat kerana pekerjaan itu telah dikerjakan oleh orang-orang Melayu zaman dahulu.<sup>8</sup>

Dari akhbar-akhbar yang ada di Tanah Melayu, maka majalah 'Al-Hikmah' sahaja yang pengarangnya secara tegas menyokong syor Kapten Nor Mohamad Hashim, selebihnya semua akhbar menentang sehingga Kapten Nor Mohamad Hashim merasa yang ia hanya dicela dan dihasad dengki oleh orang-orang dan akhbar Melayu seperti majalah 'Pengasuh' pun menentang penubuhan itu kerana penubuhan itu terlampau tergesa-gesa sekali belum cukup syarat-syarat hingga mendatangkan kerugian semata-mata, sebaliknya 'Al-Hikmah' satu-satunya majalah yang paling tegas membela penubuhan itu kerana mengikut pandangan pengarang 'Al-Hikmah' setiap apa sahaja yang baik tidak perlu difikirkan apa-apa halangan, ianya perlu disegerakan.

Dari perbahasan berpanjangan dalam berbagai akhbar itu seorang penulis lain mengemukakan fikirannya seolah-olah hendak menjelaskan kepada pembaca Melayu peranan universiti itu dalam pembentukan pengetahuan manusia dalam tajuk berkepala 'Universiti Pengetahuan Tinggi dan Pendidita Islam' oleh Ibnu Mahmud. Disini ia mengemukakan bahawa tujuan kita berkenaan dengan universiti itu bukanlah hendak menyokong atau membantah akan suara yang meminta atau menolak, hanya maksud kita hendak memperkenalkan kepada umat kita supaya mengetahui bahawa universiti itu adalah pusat pengetahuan tinggi dan pusat pendita (professor) bukanlah darjatnya itu patut kita rebut masa sekarang ini tetapi telah terwajibnya ke atas kita sejak kita memeluk agama Islam, dan umat Islamlah mula-mula sekali memilikinya dan benua Barat hanya mempelajari dari orang-orang Islam dan orang Islam yang telah memajukan orang-orang Barat itu.<sup>9</sup>

Nampaknya perbahasan mengenai penubuhan universiti tak berkesudahan dan berlarut-larut sampai tahun 1938 dan diantara majalah-majalah yang sangat membela dan menyokong penubuhannya ialah majalah 'Al-Hikmah', ini dari pendapat seorang penulis yang mengatakan bahawa 'Al-Hikmah' yang terkuat suaranya lebih dari akhbar-akhbar yang lain berkehendakkan universiti dan 'Al-Hikmah' telah mengesyorkan cadangan memungut derma selain dari derma yang telah disumbangkan oleh mendiang Loke Yew, derma itu didapati dari hasil cukai basikal, mengadakan 'lottery' mengikut teladan Irish Lottery di negeri Ireland juga dari wang zakat padi dan fitrah. Cadangan dari 'Al-Hikmah' ini mendapat sokongan dari pembaca Abu Zaid, Perak, supaya dikenakan bayaran bagi tiap-tiap satu lesen getah \$1.00 setahun dari tuan-tuan kebun getah, dan dari orang makan gaji \$30.00 kebawah sebulan 50 sen dan yang bergaji \$30.00 ke atas sebulan \$1.00.<sup>10</sup>

Sebaliknya akhbar Melayu lain umumnya mengatakan belum sampai masa Malaya mempunyai universiti dan kalau ditubuhkan juga akan mendatangkan

8. Lihat 'Al-Hikmah', bil. 233, 2 Mac 1938, hlm. 18.

9. Lihat 'Pengasuh', bil. 607, 22 April 1937, hlm. 11.

10. *Ibid.*, bil. 618, 8 Julai 1937, hlm. 12.



kerugian kepada Melayu. Orang Melayu bukan sahaja terlucah daripada mendapat pelajaran tinggi, bahkan dari kedudukan politik dan pentadbiran.

Dari pihak Kerajaan Inggeris pula memang tidak mahu mengadakan universiti kerana ditakutkan akan mendatangkan banyak anak negeri di Malaya ini menjadi pandai dan hal ini akan mendatangkan kesulitan bagi politik Inggeris. Gabnor dan Ketua Pelajaran bagi Negeri-Negeri di Tanah Melayu kedua-duanya dengan berbagai helah mengatakan Malaya belum masanya untuk wujudnya sebuah Universiti.

### Rujukan:

1. Majalah 'Pengasuh', penerbitan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Kota Bharu:
  - bil. 53, 15 Ogos 1920.
  - bil. 106, 6 Oktober 1922.
  - bil. 162, Januari 1925.
  - bil. 172, 20 Ogos 1925
  - bil. -, 3 September 1931
  - bil. 339, 22 Februari 1932
  - bil. 459, 21 Jun 1934
  - bil. -, - Julai 1935.
  - bil. 595, 28 Januari 1937
  - bil. 601, 11 Mac 1937
  - bil. 607, 22 April 1937
  - bil. 618, 8 Julai 1937
2. Majalah 'Al-Hikmah', penerbitan Al-Hikmah Press, Kota Bharu, Kelantan:
  - 28 Januari 1934
  - 4 Januari 1937
  - 11 Februari 1937
  - 22 April 1937
  - 2 Mac 1938
3. Majalah 'Saudara', penerbitan Pulau Pinang oleh Syed Syaikh Al-Hadi:
  - 5 Januari 1929
  - 22 Mac 1932
4. Majalah 'Kenchana', diusahakan oleh Asa'ad Shukri bin Haji Muda dan dicetak oleh Al-Kamaliah Press, Kota Bharu. Diterbitkan dari April 1930 hingga April 1931:
5. Akhbar harian 'Warta Malaya', Singapura:
  - 8 Februari 1935
  - 17 Februari 1937
  - 27 Mac 1937
  - 7 April 1937

6. Akhbar harian 'Majlis', Kuala Lumpur:  
– bil. 145, 24 Jun 1937
7. Majalah mingguan 'Warta Jenaka', penerbitan 'Warta Malaya', Singapura:  
– 5 April 1937
8. Akhbar harian 'The Straits Times', Singapura:  
– 20 Februari 1937

# *Penasihat Inggeris: Pembaharuan Pentadbiran Negeri Kelantan dan Pengukuhan Kuasa (1910-1920)\**

MOHD. KAMARUZAMAN A. RAHMAN

## Pendahuluan

**P**erjanjian Inggeris-Siam pada tahun 1909 merupakan titik tolak yang penting dalam sejarah negeri Kelantan kerana ianya memulakan pengaruh Inggeris (melalui sistem penasihat) dalam segenap bidang termasuklah sistem pentadbiran dan politik.<sup>1</sup> Keutamaan yang diberikan oleh penasihat Inggeris, antara lain, ialah mengubah sistem pentadbiran dan polisi tertentu bagi mengukuhkan kedudukan mereka di Kelantan. Satu perubahan yang ketara ialah munculnya sistem pemilihan dan cukai tanah. Akibatnya berlaku tentangan oleh Tok Janggut. Sikap dan peranan penasihat Inggeris untuk menghapuskan tentangan ini dapat dilihat dalam perbincangan dibawah.

Negeri Kelantan yang terlepas dari kekuasaan Siam telah menarik minat Inggeris untuk memajukannya. Apa lagi pada jangka waktu ini, Jerman sedang bergiat di selatan Siam untuk meluaskan kuasanya. Oleh itu adalah menjadi tugas Inggeris untuk menyekat pengaruh Jerman dari bertapak lebih jauh ke selatan negeri Siam. Untuk ini, Inggeris telah berjaya menawan Kelantan dengan "menipu" Sultan Kelantan dan pembesar negeri supaya tidak membuat hubungan baik dengan kuasa asing selain dari negara Britain.

Tumpuan makalah ini kepada had masa sekitar sepuluh tahun sahaja adalah kerana pada tahun 1920, Sultan Muhamad IV, yang sebelum tahun 1911 dikenali sebagai Raja Senik (Tuan Senik bin Sultan Muhamad III) atau dengan gelaran Raja Kelantan, telah mangkat. Peranan utama yang dimainkan oleh

\* Makalah ini dipetik dari Latihan Ilmiah penulis bertajuk "Peranan Pejabat Penasihat Inggeris di Kelantan (1910-1920)" yang dikemukakan kepada Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia tahun 1981 dengan beberapa pindaan.

1 Untuk mengikuti peranan penasihat Inggeris dalam perkembangan ekonomi dan pembangunan sosial negeri Kelantan pada tahun 1900 hingga 1920, lihat Mohd. Kamaruzaman A. Rahman, "Perkembangan Ekonomi Kelantan (1900-1920): Peranan Penasihat Inggeris", *Warisan Kelantan*, Bil. 9, 1990, hlm. 44-62 dan "Peranan Penasihat Inggeris dan Kemajuan Kemasyarakatan di Kelantan (1910-1920)", *Jurnal Sejarah Kelantan*, Bil. 4, 1987/88, hlm. 5-20 dan 53-56.

baginda adalah sangat penting dalam usaha mendapatkan perlindungan dari kerajaan Inggeris untuk mengelakkan ancaman Siam. Dalam jangka masa ini, saya juga cuba melihat peranan Sultan Muhammad IV dalam mentadbir negeri Kelantan.

### Kedatangan Penasihat Inggeris

Pada 15 Julai 1909, J.S. Mason tiba di Kota Bharu untuk menjalankan tugasnya sebagai penasihat kepada kerajaan Kelantan, menggantikan W.A. Graham. Beliau di bantu oleh H.W. Thomson.<sup>2</sup> Mason telah di arahkan oleh Pejabat Tanah Jajahan untuk mengikuti dengan sepenuhnya isi kandungan perjanjian antara Siam dan Inggeris mengenai Kelantan (1902) tentang perlantikan dan tugas-tugas penasihat selepas Perjanjian Inggeris-Siam Tahun 1909. Hutang kerajaan Kelantan kepada kerajaan Siam telah dibayar oleh kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (Federated Malay States/FMS). Oleh itu Mason juga diarahkan untuk memastikan Kelantan membayar faedah pinjamannya kepada Negeri-Negeri Melayu Bersekutu bila cukup tempuhnya.<sup>3</sup> Beliau juga diarahkan bahawa semua perhubungan rasmi yang hendak dilakukan mestilah melalui "Resident General."<sup>4</sup>

Di samping itu, Mason juga diberitahu bahawa dia hendaklah mendapat kebenaran dari Raja Kelantan untuk menjalankan tugas dalam mana-mana mahkamah di Kelantan terutamanya dalam kes-kes yang melibatkan orang Eropah atau rakyat British, manakala dalam kes-kes yang melibatkan orang bukan Eropah, dia hendaklah menggunakan kebijaksanaannya.<sup>5</sup>

Tiga hari selepas Mason berada di Kelantan iaitu pada 18 Julai 1909, beliau telah dijemput oleh Raja Senik untuk menghadiri sidang Majlis Mesyuarat Negeri bagi membincangkan tentang perubahan sempadan negeri antara Kelantan

- 2 J. Scott Mason adalah bekas Pemangku Pegawai Daerah Kelang, Selangor. Jawatannya sebagai penasihat telah disahkan pada 1 Januari 1911 dan mulai 1.1.1912, beliau menerima gaji sebanyak £1000 setahun dengan elau tugas £200 setahun dan elau keraian £120 setahun serta mendapat rumah kediaman yang pertama (lihat C.O. 273/375: Young kepada Harcourt, bertarikh 7 November 1911, fl. 445 dan 446). Pada 20.9.1912, Mason telah dipinjamkan kepada kerajaan Borneo Utara dengan tugas sebagai Gabenor untuk selama 2 tahun, tugas penasihat Inggeris di Kelantan telah di ambil alih oleh J.E. Bishop (Lihat fail British Adviser Kelantan, seterusnya penulis menggunakan singkatan BAK 542/1912, Young kepada Sultan Mohd. IV, bertarikh 20 September 1912). Mason telah meninggal dunia pada 6.12.1912 di Singapura kerana terjatuh dari kuda (Lihat C.O. 273/388: Fraser kepada Young, Encl. No. 1, bertarikh 17 Disember, 1912, fl. 338). Penolong Mason, H.W. Thomson adalah bekas penolong W.A. Graham, jadi jawatannya terus di sambung. Thomson kemudiannya dilantik sebagai Pegawai Kelas II pada 1.1.1919 dan menjadi penasihat pada 20.10.1919 dengan gaji sebanyak £1050 setahun (Lihat BAK 673/1919, Ham kepada Thomson, 10 Julai 1919 dan BAK 946/1920, Paton kepada Adams, bertarikh 24 Jun, 1920).
- 3 C.O. 273/350: Anderson kepada Earl of Crewe, bertarikh 14 Julai, 1909, encl. ii, fl. 278. Baki jumlah pinjaman yang harus dibayar kepada kerajaan Siam ialah \$150,000 dan juga tunggakan bagi bayaran Bunga Mas yang mana Kelantan dikehendaki membayarnya setelah dilakukan perjanjian 1909 ialah berjumlah lebih kurang \$125,000 (C.O. 273/351: Anderson kepada Earl of Crewe, bertarikh 8 September, 1909, Lihat lampiran, fl. 102).
- 4 C.O. 273/350: Anderson kepada Earl of Crewe, bertarikh 14 Julai, 1909, encl. ii, hlm. 279.
- 5 *Ibid.*, fl. 278.

dengan Siam. Kehilangan sebahagian dari Wilayah Kelantan ini sangat-sangat mengganggu fikiran Raja Senik.<sup>6</sup>

Keesokan harinya, 19 Julai 1909, soal sempadan ini sekali lagi dikemukakan kepada Anderson iaitu semasa Anderson melawat Kelantan. Raja Senik meluahkan rasa tidak puas hatinya kerana kehilangan wilayah jajahannya di utara Kuala Tabal akibat dari perjanjian tahun 1909 di atas. Raja Senik mengatakan bahawa penduduk daerah menara adalah antara 10,000 hingga 50,000 yang mana tiga perlima darinya adalah orang-orang Melayu dan daerah ini adalah hak Kelantan sejak dari dahulu lagi. Raja Senik merasa kesal kerana wilayah ini diserahkan kepada Siam oleh Inggeris setelah terbukti bahawa ianya adalah hak Kelantan sepertimana yang terdapat dalam peta yang dikembalikan bersekali dengan Perjanjian Inggeris-Siam tahun 1902.<sup>7</sup>

Tambahan lagi, pada 5 tahun yang lepas, Putera Damrong telah menghantarkan satu pelan kepada Raja Senik yang menunjukkan garis sempadan yang dipersetujui antara Siam dan Kelantan yang terletak di selatan dan barat laut Sungai Golok. Raja Senik yakin bahawa beliau akan kehilangan \$8,000 setahun, malah lebih malang kerana daerah di utara Tabal ini adalah satu penempatan baru orang-orang Melayu yang melarikan diri untuk mengelak dari diperintah oleh Siam,<sup>8</sup> namun sekarang daerah mereka diserahkan kembali kepada Siam dan inilah yang dikesali oleh Raja Senik.

Dalam perbincangan ini, Raja Muda (Tuan Zainal Abidin bin Sultan Muhamad III) yang turut sama menyertainya telah mendakwa bahawa daerah Tabal ini adalah wilayahnya yang khas tetapi ditolak oleh Anderson kerana Raja Muda tidak lagi mempunyai kuasa atau hak untuk memungut hasil sejak *Civil List*<sup>9</sup> atau "Senarai Awam" ditetapkan.<sup>10</sup> Jelas menunjukkan di sini bahawa Inggeris telah dapat menguasai dan mengurangkan kuasa Raja dan pembesar-pembesar Kelantan melalui strategi "Senarai Awam" ini.

Bagaimanapun Raja Muda tidak terus berputus asa walaupun Anderson memberitahunya bahawa soal ini telah selesai dan tidak boleh dirombak kembali. Raja Muda menyatakan niatnya untuk menghantar wakil menemui Raja England bagi membincangkan soal sempadan dan rasa tidak puashatinya itu. Anderson kemudiannya berjanji akan memberitahu Pesuruhjaya Tinggi Inggeris mengenai hal ini tetapi memberitahu Raja Muda janganlah mengharapkan perubahan akan dibuat ke atas sempadan tersebut.<sup>11</sup>

Soal sempadan ini sememangnya tidak lagi boleh dirombak kerana telah ditetapkan dalam perjanjian tahun 1909. Bagaimanapun, kerugian yang akan menimpa Kelantan jika perjanjian tahun 1909 ini ditandatangani telah disadari

6 C.O. 273/351: Anderson kepada Earl of Crewe, bertarikh 8 September, 1909, encl. ii, fl. 103.

7 C.O. 273/350: Anderson kepada Earl of Crewe, bertarikh 2 Ogos, 1909, fl. 316-317.

8 C.O. 273/351: Anderson kepada Earl of Crewe, bertarikh 8 September, 1909, encl. No. 1, fl. 103.

9 ARK., 1903-1904, hlm. 3. Untuk *Civil List* ahli-ahli Kerabat Diraja, lihat ARK., 1906-1907, hlm. 30. 'Senarai Awam' ini mengandungi nama-nama Sultan, kerabat-kerabat Diraja dan pembesar-pembesar negeri yang menerima elaun dan/atau pencen. Nama-nama individu dan jumlah elaun dan/atau pencen yang diterimanya dinyatakan di dalam senarai ini.

10 C.O. 273/350: Anderson kepada Earl of Crewe, bertarikh 2 Ogos, 1909, fl. 317.

11 *Loc. cit.*

lebih awal lagi oleh Raja Senik. Itulah sebabnya sebelum perjanjian tahun 1909 ini ditandatangani, Raja Senik telah menulis surat bantahan kepada kerajaan Inggeris dengan menyatakan bahawa Inggeris tidak mempunyai hak untuk memindahkan wilayah naungan Kelantan kepada Siam kerana Inggeris tidak boleh sama sekali campurtangan dalam hal ehwal negeri Kelantan jika tidak diminta oleh tuan yang empunya negeri itu sendiri.<sup>12</sup> Jelas menunjukkan bahawa Kelantan telah mengalami kerugian akibat perubahan garisan sempadan negeri ini. Kerugian yang dimaksudkan di sini ialah kerugian dari segi pengurangan kawasan dan pendapatan negeri.

Inggeris telah berusaha untuk menawan hati Raja Senik berikutan terbitnya rasa tidak puas hati atas soal sempadan itu dengan memenuhi permintaan Raja Senik supaya diberikan penghormatan sebanyak 17 das tembakan semasa lawatan resminya ke Singapura. Pada kebiasaannya, tembakan penghormatan yang diberikan hanya berjumlah 15 das sahaja. Perubahan jumlah tembakan ini juga adalah kerana Inggeris mamandangkan bahawa kedudukan Raja Senik pada masa itu bertambah penting.<sup>13</sup>

Di atas dapat dilihat walaupun Kelantan mengalami kerugian tetapi Inggeris telah berjaya memuaskan hati Raja Senik dengan memberikannya pencen. Jadi pengurangan pendapatan hasil negeri kerana kehilangan wilayah tersebut tidak dirasakan oleh Raja Senik, lagi pun setelah mendapat pencen, wang \$8,000 itu tidak akan pergi kepadanya. Apa yang penting di sini ialah implikasinya terhadap Raja Kelantan. Ini dapat dilihat apabila Raja Senik berpuashati dengan tembakan 17 das itu. Jadi dapat dilihat bagaimana apabila Raja telah kehilangan kuasa, sebenarnya ia mendapat kepuasan dari pengiktirafan terhadap kuasa secara simbolik. Kedudukan ini adalah penting oleh sebab British berjaya menonjolkan aspek simbolik dari kekuasaan Raja-Raja Melayu. Perluasan kuasa di Kelantan sudah tentu menggambarkan bagaimana mereka mencapai kedudukan kekuasaan yang benar dan bagaimana mereka "menipu" orang Melayu.

Dalam usaha mempengaruhi Raja Senik, Inggeris telah menjalankan satu polisi yang sangat halus. Ini jelas dapat dilihat dari pendapat Robinson yang menyarankan supaya Inggeris tidak terlalu gopoh mengambil satu-satu tindakan dan membiarkan sesuatu perkara itu berkembang secara perlahan. Adalah lebih baik mendapatkan sesuatu itu dengan cara menunjukkan kemesraan dari cara paksaan kerana melalui cara diplomasi ini Raja akan menurut dengan taatnya semua polisi yang dicadangkan oleh penasihat Inggeris kepadanya.<sup>14</sup>

Usaha-usaha Inggeris untuk menguasai negeri Kelantan sepenuhnya telah mencapai matlamatnya bila sahaja Raja Senik menandatangani surat persetujuan yang boleh dianggapkan sebagai menyerahkan Kelantan kepada Inggeris pada 22 Oktober 1910.<sup>15</sup> Surat persetujuan ini menggambarkan bahawa Inggeris telah dapat menguasai Raja Senik supaya menerima kekuasaan Inggeris ke atas Kelantan.

12 Lihat Lampiran A tentang salinan isi kandungan surat yang dihantarkan oleh Raja Senik kepada Gabenor Inggeris di Singapura kira-kira dalam tahun 1908 dan 1909.

13 C.O. 273/362: Anderson kepada Earl of Crewe, bertarikh 23 September, 1910, fl. 468.

14 C.O. 273/362: Robinson kepada Fiddes, bertarikh 30 September, 1910, fl. 295.

15 Lihat Lampiran B untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang isi kandungan persetujuan 1910 ini.

Selepas Inggeris berjaya mendapatkan Kelantan ini, usaha lanjut terus dilakukan untuk menguasai Raja Kelantan dan pembesar-pembesar negeri. Satu cara yang paling ketara ialah menaikkan taraf Raja Senik menjadi Sultan Kelantan dan memberikan elaun serta pencen yang sangat besar bukan sahaja kepada Raja Senik tetapi juga kepada pembesar-pembesar negeri yang lain.

Kerajaan Inggeris telah bersetuju untuk melantik Raja Senik sebagai Sultan Kelantan dengan gelaran Sultan Muhammad ke-IV, pada 22 Jun 1911 bersamaan 24 Jamadilakhir 1329. Pada tarikh yang sama, anak Raja Senik, Tengku Ismail yang bergelar Tengku Seri Indera Mahkota akan dilantik menjadi Raja Kelantan (bakal pertama) sebagai mengambil alih tempat Raja Senik.<sup>16</sup> Elaun yang diberikan kepada Sultan Kelantan mulai 22 Jun 1911 ialah sebanyak \$2,000 sebulan manakala pencennya telah meningkat dari \$3,720 kepada \$4,800 setahun. Mulai 1 Julai 1920, Pesuruhjaya Tinggi Inggeris telah bersetuju menambah elaun Sultan Kelantan kepada \$3,500 sebulan, manakala Sultanah pula menerima elaun sebanyak \$412 sebulan mulai 1 Januari 1920.<sup>17</sup> Kerabat-kerabat di raja dan pembesar-pembesar negeri juga menerima elaun dan pencen masing-masing yang berjumlah sebanyak \$52,880.<sup>18</sup>

Sebelum dibincangkan dengan lebih jauh tentang peranan penasihat Inggeris dalam pentadbiran negeri Kelantan, perlulah diberikan gambaran ringkas tentang hirarki pentadbiran negeri Kelantan antara tahun 1910 hingga tahun 1920. Sultan terletak di kemuncak hirarki pentadbiran ini. Di bawah Sultan ialah Majlis Mesyuarat Negeri (MMN) dan Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu (MADIM) yang bertugas membantu Sultan dalam mentadbir negeri. Sultan juga dibantu oleh Menteri Besar (MB) dan Penasihat Inggeris yang mana kedua-duanya juga adalah ahli MMN. Kedua-dua mereka, MB dan Penasihat Inggeris, mempunyai pejabat masing-masing yang saling bekerjasama antara satu sama lain. Ini adalah bentuk pentadbiran di peringkat pusat, manakala pentadbiran di peringkat jajahan (daerah) pula adalah ditadbir oleh Ketua Jajahan. Jajahan di negeri Kelantan sehingga tahun 1920 adalah sebanyak tiga buah iaitu Kota Bharu, Hulu Kelantan (Batu Mengkebang) dan Pasir Puteh. Di bawah Ketua Jajahan, ialah Penggawa (Tok Kweng) dan Ketua Kampung (Tok Nebeng). Penggawa mentadbir di peringkat daerah manakala ketua kampung mentadbir di peringkat mukim.

Di atas telah dinyatakan bahawa dalam mentadbirkan negeri, Sultan Kelantan dibantu oleh Majlis Mesyuarat Negeri dan Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu. MMN jelas lebih menimbangkan soal sekular manakala MUDIM soal agama. MMN telah ditubuhkan pada tahun 1903 lagi. Ahli-ahli MMN pada

16 C.O. 273/374. Brockman kepada Harcourt, encl. No. 2, bertarikh 7 Jun, 1911, fl. 25. Hirarki pemerintahan di negeri Kelantan ini agak bebeza sedikit dengan negeri-negeri lain di Tanah Melayu. Pemerintah negeri Kelantan digelar Sultan (sama dengan negeri lain) manakala penggantinya digelar Raja Kelantan (berbeza dengan negeri lain). Raja Kelantan ini sama maknanya dengan Raja Muda di negeri lain. Kemudian baharu diikuti oleh Raja Muda (di Kelantan) yang sama maknanya dengan Tengku Mahkota di negeri lain.

17 BAK, Kelantan M 6/1911, minit dari Mason kepada Bendahari, bertarikh 29 Jun, 1911.

18 BAK, 946/1920, Worthington kepada Sultan, bertarikh 1 Ogos, 1920. Lihat Lampiran C tentang nama-nama orang yang mendapat elaun dan pencen ini.

tahun 1907 adalah seramai 15 orang yang terdiri dari Sultan, sebagai ketua, Raja Kelantan, Kerabat-kerabat diraja, Menteri Besar, Penasihat Inggeris dan Penolong Penasihat serta Mufti. Jumlah ahli bagi period perbincangan ini tidak diketahui.

Majlis Mesyuarat Negeri adalah sebuah badan yang lebih banyak menjalankan tugas sebagai badan pembuat pengesahan dari menjadi sebuah badan yang bebas untuk membincangkan sesuatu sebelum diambil keputusan.<sup>19</sup> Dengan kata lain, MMN hanya bertugas sebagai badan yang membuat pengesahan ke atas keputusan yang telah dibuat terlebih dahulu oleh pihak lain khususnya oleh Pejabat Penasihat Inggeris. Semua perkara-perkara yang mustahak dan penting adalah pertama sekali dibincangkan oleh Penasihat Inggeris dengan Menteri Besar kemudian mereka akan melaporkan kepada Sultan dalam pertemuan seminggu sekali yang telah ditetapkan.<sup>20</sup> Secara tidak langsung, ini menunjukkan bahawa Penasihat Inggeris adalah lebih berkuasa dari Majlis Mesyuarat Negeri.

Fungsi utama MMN ialah menggubal undang-undang. Undang-undang negeri Kelantan akan dibentang oleh Sultan di MMN yang biasanya mendapat nasihat dari Penasihat Inggeris. Pada amalan yang sebenar, Penasihat Inggerislah yang bertanggungjawab ke atas kebanyakan undang-undang yang dibentang oleh Sultan itu.<sup>21</sup> Selain dari peranannya menggubal undang-undang, MMN juga bertugas untuk meluluskan dasar negeri dan peruntukan kewangan. Sungguhpun begitu peranan badan ini dalam jangka masa antara tahun 1910-1920, tidaklah hanya setakat aspek-aspek di atas sahaja. MMN juga menerima dan meluluskan permohonan untuk memiliki tanah dan memulakan perniagaan di Kelantan, malah mempunyai kuasa kehakiman, kuasa melantik kakitangan kerajaan dan mengawal tindak tanduk mereka.<sup>22</sup> Selain dari fungsi-fungsi di atas, MMN juga menjadi tempat bagi pihak berkuasa Inggeris untuk mengetahui pandangan ahli-ahlinya ke atas pembaharuan-pembaharuan yang akan dijalankan oleh Inggeris.

MADIM pula membantu Sultan dengan memberikan nasihat, pandangan dan cadangan yang berkaitan dengan agama Islam dan adat istiadat serta adab orang-orang Melayu. MADIM telah ditubuhkan pada 24 Disember 1915. Ianya dianggotai oleh seramai 12 orang yang telah dipersetujui oleh Sultan. Di antara mereka itu ialah Tengku Abdul Rahman bin Al-Marhum Sultan Muhammad III, adik Sultan Muhamad ke-IV selaku penguasa Tok Kweng di Kelantan; Datuk

19 Amarjit Kaur, "British policy and asymmetrical development in two Malayan States: a comparative study of the economic development of Kelantan and Johore 1909-1940". Tesis M.A., Columbia University, New York, 1975 (tidak diterbitkan), hlm. 13.

20 *Loc. cit.*

21 *Ibid.*, hlm. 4. Pada 22 Januari, 1918, aturan-aturan mengenai MMN untuk membuat pengesahan ke atas undang-undang yang dibentangkan telah di adakan. Sesuatu undang-undang itu tidak boleh disahkan selagi tidak diperdengarkan sebanyak 3 kali kecuali undang-undang itu mustahak dan penting, bolehlah disahkan sekali bentang sahaja (Lihat BAK, Kelantan M 13/1918. Aturan Mesyuarat Negeri Kelantan).

22 Peranan MMN dalam bidang-bidang ini serta perbincangan-perbincangan yang dijalankan olehnya dapat diikuti di dalam Mohd. Adnan Mohd. Noor, "Peranan Majlis Negeri di dalam Pentadbiran Negeri Kelantan 1900-1930an", Latihan Ilmiah B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, (tidak diterbitkan), 1977 hlm. 93-115.



Bentara Luar, Mohd. Ghazali bin Ariffin, seorang pegawai dalam Perkhidmatan Awam, bertugas sebagai Guru Pelawat sekolah-sekolah kerajaan; Haji Awang Muhamad Yusof atau Tok Kenali, seorang alim dan tokoh agama yang terkemuka di Kelantan; Imam Haji Wan Muhamad bin Abdul Samad, Imam Masjid Kota Bharu; Khatib Wan Abdullah bin Abdul Samad, saudara kepada Imam Masjid Kota Bharu dan Mufti (Haji Wan Musa bin Ab. Samad); Khatib Haji Muhamad Said bin Jamaluddin, bertugas di Pejabat Tanah; Wan Muhamad Amin bin Wan Musa, Hakim di Mahkamah Adat; Cik Tambi Omar bin Tambi Kecik, seorang peniaga dari keturunan India; Cik Wok (Mohd. Daud) bin Salim, bergelar Datuk Istiadat dan Haji Muhamad bin Khatib Hj. Mohd. Said, menjadi Setiausaha Majlis. Jawatankuasa yang dipilih ini telah melantik Tengku Muda Tuan Hassan bin Tengku Muhamad, menantu kepada Sultan dan Hakim di Mahkamah Tinggi, sebagai pengerusi MADIM.<sup>23</sup>

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan ini telah membentuk sebuah badan yang bertugas untuk memberi nasihat kepada kerajaan dalam semua hal yang berkaitan dengan agama Islam dan adat orang-orang Melayu Kelantan.<sup>24</sup> Selain menjadi orang kerajaan, MADIM juga mengambil alih kuasa mufti terutamanya dalam soal yang berkaitan dengan penyeliaan imam-imam Mahkamah Rayuan dalam Mahkamah Syariah dan peraturan mengenai smpadan.<sup>25</sup>

Di samping itu, MADIM juga bertanggungjawab ke atas semua tanah perkuburan orang-orang Islam dan diberi kuasa untuk mengutip zakat iaitu cukai yang wajib dikeluarkan dari hasil tanaman padi. Ianya juga diberi kuasa tambahan melalui peraturan-peraturan bagi membolehkannya untuk mengambil alih kuasa dari tangan pegawai-pegawai masjid negeri.<sup>26</sup>

Matlamat MADIM juga adalah untuk berdiri dan membaiki masjid-masjid. Malah ia juga memandang pelajaran Melayu dan pelarajan Arab adalah penting bagi orang-orang Melayu. Usaha-usaha menambahkan bahan-bahan bacaan seperti kitab-kitab Arab ke Bahasa Melayu juga di rancangan melalui per-terjemahan. Mengadakan kebajikan kepada masyarakat juga dirancangan seperti memberi pertolongan kepada fakir miskin. Disamping itu sebagai menambah punca serta harta MADIM, ia juga bergiat untuk membuat rumah-rumah sewa serta menjalankan perniagaan.<sup>27</sup>

Di peringkat jajahan pula, pentadbiran adalah dijalankan oleh Ketua-ketua Jajahan. Kelantan sehingga tahun 1920 masih lagi terbahagi kepada 3 buah jajahan (daerah) iaitu: Kota Bharu, Hulu Kelantan dan Pasir Putih. Tiap-tiap jajahan, kecuali Jajahan Kota Bharu, diketuai oleh seorang Ketua Jajahan. Jajahan Kota Bharu diketuai oleh Pesuruhjaya Tanah. Selepas tahun 1915, kesemua Ketua Jajahan ini adalah terdiri dari bangsa Eropah. Sebelum pem-

23 Lihat Lampiran D dan juga Mohd. Yusoff Ab. Rahman, "Peranan Imam di dalam Masyarakat Melayu Kelantan." Latihan Ilmiah B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1977, (tidak diterbitkan), hlm. 59-60.

24 ARK, 1916, hlm. 11.

25 *Loc. cit.*

26 *Loc. cit.* Untuk mengetahui kegiatan MUDIM dalam bidang sosial terutama pelajaran, sila lihat Mohd. Kamaruzaman A. Rahman, "Peranan Penasihat Inggeris dan Kemajuan Masyarakat di Kelantan (1910-1920)", hlm. 9 dan 18-19.

27 Mohd. Yusoff, *op. cit.*, hlm. 60.

berontakan Tok Janggut (1915). Jajahan Pasir Putih diketuai oleh Encik Latif. Sub-jajahan pula adalah di bawah kawalan seorang Penolong Ketua Jajahan yang mana kesemuanya adalah terdiri daripada pegawai-pegawai Melayu.

Penyusunan semula corak kepimpinan tradisional di peringkat bawahan, Tok Kweng dan Tok Nebeng, merupakan satu usaha untuk menguatkan lagi struktur pentadbiran kerajaan. Percubaan-percubaan telah dibuat dahulu iaitu semasa pemerintahan W.A. Graham yang bertujuan untuk membawa institusi ini masuk ke dalam jentera pentadbiran kerajaan tetapi pada awal pemerintahan Inggeris, usaha-usaha ini telah terhenti buat sementara waktu.

Kesedaran pegawai-pegawai Inggeris tentang perlunya satu saluran untuk kerajaan berbincang dengan lapisan bawahan menyebabkan perlu dilakukan perubahan ke atas institusi kepimpinan tradisional ini. Bagi tujuan ini, sebuah Majlis Tok Kweng telah ditubuhkan yang mana melalui Majlis Tok Kweng ini kerajaan berpeluang berjumpa dengan pemimpin-pemimpin luar bandar. Pemimpin-pemimpin tradisional ini merupakan saluran untuk petani-petani mengemukakan pandangan dan kehendak mereka kepada kerajaan.<sup>28</sup> Dalam masa perbincangan dengan kerajaan inilah pemimpin-pemimpin tersebut telah memberikan maklumat yang sangat berguna kepada pegawai-pegawai Inggeris tentang kehendak petani-petani.

Mesyuarat pertama Majlis Tok Kweng ini telah diadakan pada 17 Februari 1916. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh semua Tok Kweng yang ada di Kota Bharu. Penolong Penasihat Inggeris, R.J. Farrer dalam laporannya tentang pentingnya mesyuarat ini telah menyatakan bahawa semua aspek telah dibincangkan dan Penasihat Inggeris telah dapat mengemukakan idea-idea dan cita-citanya terutamanya mengenai undang-undang.<sup>29</sup>

Tok Kweng dan Tok Nebeng diberikan kuasa yang tertentu untuk menjaga keamanan negeri. Tok Kweng diberikan kuasa untuk menyelesaikan sesuatu perbantahan yang tidak melebihi daripada \$5.00. Semua merinyu Kweng<sup>30</sup> di arahkan menolong setiap Tok Kweng untuk memastikan mereka menjalankan tugas dengan sempurna. Inspektor Kweng juga dikehendaki berada bersama dengan Tok Kweng yang memerlukan nasihat dan pertolongannya semasa membicarakan sesuatu perbantahan.<sup>31</sup> Berkaitan dengan kuasa Tok Kweng ini, satu notis telah dikeluarkan pada 2 November 1912 yang menyatakan bidang kuasa dan langkah-langkah yang perlu diambil oleh Tok Kweng dalam usaha menyelesaikan sesuatu perbantahan yang timbul.<sup>32</sup>

Bagi menjamin dan menambahkan keamanan negeri Kelantan, pada tahun 1916 semua Tok Kweng dan Ketua Kampung dikehendaki membuat persetiaan kepada Sultan. Persetiaan ini difikirkan perlu dilakukan oleh kerajaan akibat dari berlakunya perberontakan Tok Janggut pada tahun 1915. Persetiaan ini

28 ARK, 1916, hlm. 11.

29 *Loc. cit.*

30 Jawatan ini diwujudkan pada tahun 1916, lihat ARK, 1916, hlm. 4.

31 BAK 545/1912, Clayton kepada Tok Khatib Haji Said. Terdapat 11 orang Inspektor Kweng pada tahun 1912.

32 Lihat Lampiran E tentang kuasa Tok Kweng untuk menyelesaikan sesuatu perbantahan. Ketua kampung juga digunakan sebagai menggantikan panggilan Tok Nebeng.

dilakukan untuk memastikan setiap Tok Kweng dan Ketua Kampung menjalankan tugas mereka dengan ikhlas dan jujur ke atas semua perintah yang diamanahkan oleh kerajaan kepada mereka. Mana-mana Tok Kweng dan/atau Ketua Kampung yang melanggar persetiaan ini hendaklah diambil tindakan disiplin dan boleh dijatuhkan hukuman ke atas mereka.<sup>33</sup>

Dalam usaha untuk mengenang jasa yang diberikan oleh Tok Kweng semasa berkhidmat dahulu, kerajaan telah bersetuju bahawa semua bekas Tok Kweng tidak dikenakan cukai kepala dengan syarat mereka mendapat surat pengecualian dari Sultan. Berkaitan dengan ini, orang-orang tua juga dikecualikan dari cukai kepala dengan syarat umur mereka tidak kurang dari 60 tahun. Mereka tidak perlu mendapat surat pengecualian dari Sultan.<sup>34</sup>

Ketua kampung juga dikecualikan dari membayar cukai kepala, hasil kelapa setakat 30 pokok dan hasil tanah sebanyak 8 penjurong sekiranya dia menjalankan tugasnya dengan sempurna. Ketua kampung juga dikehendaki bertugas dengan taat dan melaksanakan semua perintah yang diberikan oleh Tok Kweng, mana-mana hakim, pegawai Pejabat Tanah atau polis kepadanya. Ketua Kampung juga hendaklah membantu tugas Tok Kweng dengan memberi semua maklumat yang dikehendaki oleh Tok Kweng serta menyampaikan semua arahan yang diterima dari kerajaan kepada rakyat. Mana-mana ketua kampung yang melakukan kesalahan atau tidak menjalankan tugasnya dengan baik akan dipecat atau dijatuhkan hukuman keatasnya.<sup>35</sup>

Pada tahun 1917, istilah Melayu "Penggawa" dan "Pengkulu Kampung" telah digunakan bagi menggantikan perkataan Siam Tok Kweng dan Tok Nebeng. Satu notis telah dikeluarkan pada 24 April 1917 yang menyatakan bahawa setiap orang diperintahkan supaya menyebut dan memanggil ketua-ketua masyarakat itu dengan gelaran nama yang baharu ini dan hendaklah penggawa atau penghulu kampung itu menegah orang ramai memanggil mereka dengan gelaran yang lama itu. Sesiapa yang tidak mengikut peraturan yang dinyatakan di dalam notis ini akan didapati bersalah<sup>36</sup> tetapi tidak dinyatakan apakah bentuk tindakan yang akan diambil ke atas mereka yang melanggar notis ini. Tujuan Inggeris adalah untuk menghilangkan pengaruh Siam di dalam pemikiran orang-orang Kelantan.

Dalam menjalankan tugasnya, Mason pertama sekali mengkaji perjalanan sistem mahkamah yang wujud ketika itu dan berusaha untuk membuat pembaharuan ke atasnya. Dalam laporan tahunannya yang pertama, Mason menyatakan bahawa mahkamah-mahkamah di Kelantan adalah tidak memuaskan kerana tidak mengikut saluran yang sebenarnya. Mason mendapati peranan penasihat dalam Mahkamah Rayuan sangat sedikit yang mana Penasihat Inggeris hanya membicarakan kes-kes yang bukan pertama kali diperdengarkan di mahkamah. Malah hakim-hakim juga tidak diberikan tanggungjawab sepenuhnya, dan

33 Lihat Lampiran F mengenai peraturan bersejua Tok Kweng dan Ketua Kampung ini. Lampiran F1 menunjukkan contoh surat persetiaan yang diberikan kepada pegawai yang mengangkat sumpah setia tersebut.

34 BAK 1106/1915, Farrer kepada Sultan, bertarikh 30 Oktober, 1915.

35 Lihat Lampiran G mengenai kuasa Ketua Kampung ini.

36 ARK., 1967, hlm. 2 Lihat juga Lampiran H tentang notis mengenai perubahan nama institusi ini.

hakim-hakim tersebut kerap tidak hadir di mahkamah atas alasan uzur. Keadaan ini menyebabkan pegawai-pegawai mahkamah terutamanya kerani-kerani lebih berkuasa dari hakim.<sup>37</sup>

Di sini kita lihat bagaimana undang-undang dan peraturan itu sangat penting dalam perkuasaan dan pengekalan kuasa British. Bukan sahaja ini akan menyakinkan rakyat terhadap keadilan British tetapi adalah satu kesempatan yang penting dalam usaha mengeksploitasi tanah jajahan.

Dalam Mahkamah Syariah, keadaannya lebih tidak memuaskan lagi yang mana hakim-hakim ini tidak dapat menyelesaikan kes-kes tanah pusaka yang dikemukakan kepada mereka. Jelas menunjukkan bahawa pembaharuan perlu dilakukan ke atas sektor ini dan Mason sudah pun bersedia untuk mengambil alih kuasa perundangan yang ada pada Mahkamah Syariah ke atas tanah pusaka ini.<sup>38</sup> Pengambil-alihan ini telah dilakukan pada tahun 1910 bila dikeluarkan satu "enakmen" yang sangat memberi kesan bagi jangka panjang. Ini bererti bahawa sejak tarikh enakmen itu dikeluarkan, semua kes-kes tanah pusaka yang bernilai tidak lebih dari \$500.00 telah dipindahkan dari Mahkamah Syariah ke Pejabat Tanah.<sup>39</sup> Pemandahan ini juga menunjukkan dengan secara tidak langsung bahawa Penasihat Inggeris telah campurtangan dalam hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu kerana tanah pusaka adalah berkait rapat dengan agama Islam.

Langkah pertama yang diambil untuk membaiki keadaan mahkamah-mahkamah awam di atas ialah dengan menukarkan hakim-hakim berbangsa Siam di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan dengan Penolong-Penolong Penasihat Inggeris yang bertujuan untuk menunjukkan kepada orang-orang Melayu bahawa hakim-hakim ini lebih bertanggungjawab dan tidak pernah mengabaikan tugas-tugas mereka. Di samping itu, beberapa orang pegawai mahkamah telah diperintahkan supaya meletakkan jawatan atau diberhentikan kerja bagi meninggikan lagi mutu perkhidmatan pegawai mahkamah-mahkamah tersebut.<sup>40</sup>

Usaha yang sama juga dilakukan ke atas pasukan polis dan penjara negeri. Pada bulan Disember 1909, G. Gullen, seorang pegawai polis yang terlatih telah dipinjamkan kepada negeri Kelantan dari Negeri-Negeri Melayu Bersekutu untuk menyusun semula jabatan polis dan penjara ini. Kedatangan Gullen telah membawa pembaharuan ke atas jabatan ini dan dengan secara tidak langsung ini bererti bahawa Tengku Sri Maharaja (Tengku Mahmud bin Al-Marhum Sultan Ahmad) yang menjadi Ketua Jabatan Penjara ini sebelumnya telah tidak lagi penting sekarang ini. Mulai tahun 1912, kuasa Tengku Sri Maharaja hanya ke atas pasukan polis sahaja malah kuasanya telah diturunkan kerana sekarang ini beliau diletakkan di bawah kuasa Ketua Pegawai Polis.<sup>41</sup>

Pembahagian pasukan polis yang lepas kepada pasukan "tentera", "awam" dan "khas" telah diubah dengan menjadikannya kepada satu pasukan sahaja. Pasukan polis ini telah mencontohi pasukan polis yang terdapat di Negeri-

37 ARK., 1909, hlm. 7.

38 ARK., 1910, hlm. 14.

39 ARK., 1910, hlm. 15.

40 ARK., 1909, hlm. 7.

41 ARK., 1912, hlm. 10.

Negeri Melayu Bersekutu. Perubahan ini membawa erti bahawa kerani-kerani yang bekerja di balai-balai polis yang terdiri dari orang-orang awam terpaksa meletakkan jawatan. Bagaimanapun kerani-kerani ini diberi peluang untuk memasuki pasukan polis dengan pangkat yang selaras dengan kedudukan mereka yang lepas. Mana-mana jawatan yang kosong telah diisi oleh pegawai-pegawai polis yang berkelayakan.

Sekolah untuk melatih anggota-anggota polis juga telah didirikan untuk tujuan melatih orang-orang Melayu dan semua anggota polis yang lain. Kejayaan menyusun kembali pasukan polis ini dapat dilihat dari kenyataan Penasihat Inggeris yang mana pada 1 Mei 1910, Mason mengatakan bahawa sistem polis di Kelantan adalah berjalan dengan baik.<sup>42</sup>

Tugas utama pasukan polis telah diambil alih oleh Pasukan Polis Cawangan Melayu,<sup>43</sup> manakala cawangan polis India dan Benggali cuma bertugas sebagai pengawal keselamatan dan lain-lain tugas yang kurang penting. Dalam usaha untuk meninggikan mutu perkhidmatan pasukan polis ini, masalah utama yang timbul ialah bagaimanakah caranya untuk mengekalkan jawatan yang dipegang oleh orang-orang Melayu bagi jangka masa selama setahun. Ini adalah kerana orang-orang Melayu yang menjadi anggota polis tidak akan kekal lama berkhidmat. Akibat dari pemberhentian ini akan menjadikan pasukan polis kekurangan disiplin.<sup>44</sup> Oleh itu usaha-usaha telah dijalankan untuk membaiki keadaan kekurangan ini dengan menaikkan gaji mereka mengikut pangkat masing-masing.<sup>45</sup>

Pembaharuan yang sama juga dilakukan ke atas sistem penjara negeri. Pada bulan Oktober 1909, Dr. Gimlette telah dilantik sebagai Penguasa Penjara, manakala perkhidmatan pegawai bertugas yang lepas, Tengku Chik Penambang (Tengku Chik bin Tuan Bongsu) terus dikekalkan.<sup>46</sup> Pada tahun 1910, cara hukuman bunuh bentuk tradisional iaitu "kujut" telah dihapuskan. Orang pertama yang dihukum gantung di Penjara Pusat Kota Bharu ialah pembunuh seorang kanak-kanak.<sup>47</sup> Bagi pesalah-pesalah yang kesihatan mereka memuaskan, mereka akan terus diminta membuat kebajikan, ini termasuklah membaiki jalan raya, membuat kurungan (reban) ayam dan lain-lain pertukangan rotan, mendobi, bertukang kayu dan menjahit.<sup>48</sup> Jelas di sini bahawa British memberi kesempatan kepada pesalah-pesalah untuk mendapat kemahiran-kemahiran tertentu supaya apabila mereka bebas kelak, mereka dapat menggunakan kemahiran-kemahiran tersebut.

Dalam usaha untuk mengukuhkan lagi kekuasaan Inggeris dan penasihatnya di Kelantan, kebanyakan jawatan tinggi dan terpenting telah diberikan kepada

42 *ARK.*, 1910, hlm. 11

43 *ARK.*, 1911, hlm. 8.

44 *ARK.*, 1909, hlm. 8.

45 *ARK.*, 1912, hlm. 10.

46 *ARK.*, 1909, hlm. 10.

47 *ARK.*, 1910, hlm. 13. Hukuman bunuh secara "kujut" atau orang Kelantan memanggilnya sebagai "pujut" yang bermaksud mencelik adalah dijalankan dengan cara membelitkan tali dileher pesalah, kemudian di kedua-dua belah hujung tali itu ditarik oleh dua orang atau lebih sehingga pesalah itu tercekik dan mati (Lihat W.W. Skeat, "Reminiscences of the Cambridge University Expedition to North Eastern Malay States, 1899-1900", *JMBRAS*, Vol. XXVI, pt. 4, 1953, hlm. 113-114).

48 *ARK.*, 1910, hlm. 13.

orang-orang Inggeris. Ini bererti bahawa orang-orang Melayu yang dahulunya memegang jawatan tersebut telah diturunkan pangkat atau diberhentikan terus.<sup>49</sup>

Polisi Inggeris yang benar-benar memberi kesan kepada masyarakat Kelantan ialah polisi tanah dan pendidikan.<sup>50</sup> Jabatan yang memberi kesan kepada hampir seluruh rakyat Kelantan ialah Pejabat Tanah. Pada masa sistem tradisional, pemilik tanah mendapat geran dari Sultan. Pada tahun 1898, sistem "Geran Lama" dan "Jualan" telah diperkenalkan. Dalam sistem "Jualan", geran akan di keluarkan hanya apabila satu-satu tanah itu dipindahkan atau ditukarkan dari pemilik yang asal. Geran yang berbentuk manuskrip ini dikeluarkan atas nama pihak berkuasa Sultan dan mengandungi lukisan kasar yang tidak jelas tentang kedudukan dan sempadan tanah tersebut. Sistem ini terus diamalkan sehinggalah pada saat terakhir pentadbiran Siam bilamana borang-borang yang tercetak untuk geran telah diperkenalkan.

Penasihat Inggeris yang pertama, J.S. Mason terus menggunakan sistem yang diperkenalkan oleh W.A. Graham pada tahun 1908 itu. Geran baru ini mengandungi maklumat-maklumat yang lebih jelas dengan dicetak dalam bahasa Melayu dan mengandungi aturan-aturan untuk membuat pendaftaran bagi tanah yang baru dibeli atau tanah yang diduduki tanpa geran ini telah diistiharkan sebagai sah kepunyaan seseorang setelah Majlis Mesyuarat Negeri bersetuju berbuat demikian pada tahun 1907.<sup>51</sup> Kaedah yang sama juga digunakan dalam soal yang berkaitan dengan pemberian tanah negeri. Kaedah baharu ini telah memperkenalkan geran "miliki" atau "Surat kebenaran miliki Tanah Kerajaan" pada tahun 1907 bagi semua tanah negeri yang baharu diberikan.

Peraturan-peraturan bagi pentadbiran tanah telah ditetapkan yang mana peraturan ini telah dijalankan dengan tegasnya oleh J.S. Mason. Peraturan ini menjelaskan bahawa Pejabat Tanah mempunyai hak untuk menolak permohonan bagi memindahkan hak milik jika tanah tersebut tidak dipenuhi dengan tanaman sebanyak satu pertiga dari keluasannya. Lebih tegas, peraturan ini menyatakan bahawa tanah yang telah ditinggalkan untuk selama 3 tahun akan menjadi hak milik kerajaan dengan sendirinya. Sebagai tambahan, polisi yang tidak membenarkan pemberian tanah kepada orang asing tanpa kebenaran kerajaan telah diperkuatkan lagi. Ini dilakukan untuk menghalang cetti atau lain-lain kelas yang bukan petani dari memasuki kampung-kampung Melayu.<sup>52</sup> Pemberian item penjualan tanah kepada orang yang bukan rakyat Kelantan sememangnya tidak boleh dilakukan kecuali diizinkan oleh Sultan di dalam Majlis Mesyuarat Negeri.<sup>53</sup>

Langkah-langkah ini diambil untuk memastikan bahawa unit pertanian yang terpenting bagi negeri Kelantan iaitu sawah padi akan terus kekal dimiliki

49 Lampiran I memperlihatkan senarai nama-nama dan jawatan yang dipegang oleh orang-orang Inggeris dan orang-orang Melayu.

50 Untuk melihat polisi Inggeris mengenai pendidikan di Kelantan, lihat Mohd. Kamaruzaman A. Rahman, "Peranan Penasihat Inggeris dan Kemajuan Kemasyarakatan di Kelantan (1910-1920)".

51 ARK., 1909, hlm. 2.

52 ARK., 1909, hlm. 1.

53 BAK 112/1917. Minit oleh Farrer kepada Penguasa Tanah, Pegawai Daerah Hulu Kelantan dan Pasir Puteh, bertarikh 12 Jun, 1917.

oleh pemilik yang sah dan terus dikerjakan. Di samping itu, langkah ini juga bertujuan untuk menghalang penjualan tanah kepada orang yang bukan petani.

Pengganti Mason, J.E. Bishop,<sup>54</sup> telah mengambil langkah lanjut dengan memperkenalkan sistem tanah yang diamalkan di Negeri-Negeri Melayu Bersatu yang mana melibatkan pemindahan semua sempadan tanah yang dipertikaikan dan pemilikan tanah yang bernilai kebawah \$500.00 dari Mahkamah Awam kepada Pejabat Tanah. Ini bererti bahawa semua tuntutan atau aduan-aduan hendaklah dibuat di Pejabat Tanah dan bila masalah itu diambil tindakan, keputusannya di rekodkan di Pejabat Tanah itu sendiri, bukan lagi di Mahkamah. Cara ini telah mengatasi kelemahan cara lama yang mana Mahkamah Awam sering membuat keputusan yang salah kerana keterangan yang diberikan adalah secara lisan, tanpa bukti-bukti bertulis.<sup>55</sup>

Langkah untuk mengemaskan lagi pentadbiran tanah ini telah dilakukan oleh Penasihat Inggeris ketiga, W. Langham-Carter<sup>56</sup> dengan mengusahakan satu rangka pembaharuan tanah. Pada tahun 1912 dan sekali lagi dalam tahun 1913, Carter mencadangkan kepada Majlis Mesyuarat Negeri supaya digubal satu Enakmen Tanah bagi membolehkan kerajaan mengumpulkan nama-nama pemilik tanah secara lebih sistematik. Cadangan Carter ini melibatkan penggunaan sistem "sewa tetap" yang akan menggantikan sistem cukai penghasilan yang selama ini diamalkan.<sup>57</sup>

Tujuan bagi rancangan pembaharuan tanah ini adalah untuk menjamin petani-petani pemilik hak milik yang sah dan menggalakkan rakyat Kelantan untuk bercucuk tanam. Akhirnya, sistem tanah sewa ini akan menjamin pembayaran hasil tahunan kepada kerajaan negeri tanpa penangguhan sepertimana yang berlaku di bawah sistem cukai penghasilan yang lama.<sup>58</sup> Ketiga-tiga tujuan ini adalah untuk menggantikan sistem percukaian yang lama bagi meningkatkan pendapatan kerajaan.

Di bawah sistem cukai penghasilan yang lama, tanah padi dibahagikan kepada kelas A dan kelas B. Kelas A mengandungi padi basah yang dikenakan cukai sebanyak 93¼ sen bagi satu ekar tanah yang di kerjakan manakala padi huma (kelas B), dicukai sebanyak 46¼ sen bagi satu ekar tanah yang dikerja-

54 J.E. Bishop adalah penasihat Inggeris yang kedua bagi negeri Kelantan. Beliau menerima pendapatan yang lumayan kerana jawatan ini. Lihat Lampiran J untuk mengetahui pendapatan Bishop ini.

55 *ARK.*, 1911, hlm. 2.

56 W. Langham-Carter telah disahkan jawatannya sebagai penasihat pada 6.12.1912 (Lihat BAK 1061/1914, Rainbow kepada Carter, bertarikh 21 September, 1914 dan lihat juga C.O. 273/407: Young kepada Harcourt, bertarikh April, 1914, fl. 63-64). Carter adalah pegawai kelas dua di Negeri-Negeri Selat dan mula berkhidmat pada 30.10.1890 sebagai kadet. Pernah menjadi Pegawai Daerah di Seberang Prai Selatan, Nibong Tebal dan Bukit Mertajam; Hakim Kedua di Singapura dan lain-lain lagi (Lihat BAK 1061/1914, Maundvell kepada Setiausaha bagi Pesuruhjaya Tinggi Negeri-Negeri Melayu, bertarikh 23 Disember, 1914). Bagaimanapun, Carter tidak disukai oleh Sultan Kelantan kerana tidak menjalankan tugasnya dengan baik, ini mengakibatkan berlakunya pemberontakan Tok Janggut. Sultan berpendapat, Carter tidak mengarahkan Pegawai-Pegawai Daerah supaya melawat kampung-kampung dan menerangkan dengan jelas tentang perubahan cukai tanah (Lihat C.O. 273/444: Young kepada Harcourt, bertarikh 25 Februari 1915, fl. 664 dan fl. 666).

57 *ARK.*, 1915, hlm. 6.

58 *Loc. cit.*

kan. Sebaliknya cukai tidak dikenakan ke atas tanah yang tidak dikerjakan. Cukai hasil yang dikenakan ke atas pondok durian, kelapa dan pinang ialah sebanyak 3 sen, 12½ sen dan 1 sen sepokok. Cukai-cukai ini hanya akan dikenakan jika pokok-pokok tersebut mengeluarkan hasil.<sup>59</sup>

Di dalam sistem cukai tanah yang baru pula, kerajaan membahagikan semua tanah kepada 4 kelas yang mana cukai tanah seekar bagi setahun ialah \$1 hingga \$1.30; 80 sen; 60 sen dan 40 sen. Di bawah sistem baharu ini, tanah padi dari kelas A yang dahulu itu diletakkan di bawah kategori kelas pertama atau kelas kedua, sementara tanah padi kelas B diletakkan di bawah kelas ketiga atau keempat akan dikenakan cukai yang lebih rendah iaitu 80 sen dan 40 sen berbanding dengan sistem lama iaitu 46¼ sen, sementara cukai bagi tanah kelas pertama dan ketiga adalah lebih tinggi berbanding dengan sistem lama.<sup>60</sup>

Sistem yang baharu ini juga mengenakan cukai ke atas tuan-tuan punya tanah tidak mengira sama ada tanah itu dikerjakan atau tidak, dia juga dikehendaki membayar cukai ke atas tanah yang digunakan walaupun untuk membuat semaian. Cukai juga dikenakan dengan tidak mengira sama ada tanaman itu rosak ataupun tidak.<sup>61</sup> Sudah tentulah sistem cukai yang baru ini menambahkan beban kepada tuan-tuan tanah. Selain dari beban cukai ini, pemilik-pemilik tanah juga dibebankan dengan yuran untuk mendapatkan hak milik tanah dan yuran menyukat.<sup>62</sup>

Pemberitahuan tentang aturan untuk memungut hasil-hasil tanah yang dikeluarkan pada 19 Mac 1914 telah diikuti pula dengan Undang-undang Tanah pada bulan Januari 1915. Pada bulan April 1915, Carter dan Pryde, Penguasa Tanah, telah dipanggil untuk menghadiri mesyuarat di Majlis Mesyuarat Negeri bagi menjelaskan tentang bentuk hak milik yang akan dilaksanakan tetapi kemudiannya mereka menyedari bahawa ahli-ahli majlis ingin menyatakan tentangan mereka ke atas sistem baru ini. Bagaimanapun, Carter tetap dengan pendiriannya untuk melaksanakan sistem ini tetapi bersedia membuat beberapa rombakan kecil sepertimana yang dicadangkan oleh Majlis Mesyuarat.

Pada 18 April 1915, meletus pemberontakan di daerah Pasir Puteh yang memberi satu temparan hebat kepada Inggeris. Sungguhpun pemberontakan ini dapat dihapuskan dalam sekejap masa sahaja tetapi ianya telah memberi kesan yang mendalam kepada Langham-Carter. Akibatnya, Penasihat Inggeris ini telah mengambil tindakan-tindakan yang segera bagi membuat beberapa perubahan ke atas struktur pentadbiran kerajaan dan sistem tanah yang hendak diperkenalkan itu. Kesan dari pemberontakan ini tidaklah boleh diketepikan dari sejarah negeri Kelantan kerana ianya bukan sahaja menggambarkan rasa tidak puas hati rakyat jelata tetapi juga beberapa orang pembesar negeri yang menentang perubahan yang sedang berlaku di Kelantan.<sup>63</sup>

59 C.O. 273/426: Maxwell kepada Young, bertarikh 2 Jun, 1915, fl. 423-424.

60 *Loc. cit.* Lihat juga Lampiran K tentang peraturan memungut hasil-hasil tanah dan kadar bayaran yang perlu dibayar oleh pemilik-pemilik tanah.

61 C.O. 273/426: Maxwell kepada Young, bertarikh 2 Jun, 1915, fl. 422.

62 ARK., 1915, hlm. 6.

63 Lihat tulisan J. de V. Allen, "The Kelantan Rising of 1915: Some thoughts on the concepts of Resistance in British Malayan History", *JSEAH*, Vol. IX, No. 2, 1968. Untuk melihat peranan dan perasaan tidak puashati kerabat-kerabat diraja. Lihat Nik Anuar Nik Mahmud, "Sejarah Jeram dan Kebangkitan Tok Janggut (1915),"



Sebab-sebab berlakunya pemberontakan ini tidaklah di ketahui dengan jelas tetapi Maxwell berpendapat tentangan terhadap cukai tanah yang baharu itu adalah punca utama meletuskan pemberontakan. Cukai baharu ini bukan sahaja lebih membebankan rakyat tetapi juga pembesar-pembesar negeri. Selama ini, pembesar-pembesar tersebut sangat gembira kerana dikecualikan dari cukai, tetapi sekarang ini terpaksa pula membayar cukai.<sup>64</sup>

Kekalahan Great Britain di dalam peperangan Perang Dunia I dan pemberontakan di Singapura<sup>65</sup> juga dikatakan telah menyedarkan orang-orang Kelantan untuk menentang Inggeris. Malah Carter berpendapat, Sultan sendiri percaya bahawa Inggeris akan kalah dalam peperangan yang sedang berlaku itu. Ini dapat dilihat dari perubahan yang ditunjukkan oleh Sultan yang mana Carter terpaksa menghadapi banyak tentangan dan kesukaran sejak beberapa bulan sebelum meletusnya pemberontakan, baik dalam Majlis Mesyuarat Negeri mahupun dalam kerja-kerja seharian. Perubahan sikap Sultan ini telah memberi kesan kepada orang ramai dan keadaan ini bertambah buruk sejak berlakunya pemberontakan di Singapura yang mana orang-orang Melayu Kelantan mula membenci orang-orang Eropah dengan terang-terang menunjukkan sikap penentangan mereka.<sup>66</sup>

R.J. Farrer, Penolong Penasihat Inggeris, juga memberikan sebab-sebab berlakunya pemberontakan ini. Beliau percaya bahawa pemberontakan ini telah diatur terlebih dahulu di Kota Bharu oleh beberapa orang kerabat diraja. Sultan juga berpendapat demikian tetapi tidak dapat memberikan nama-nama mereka dengan tepat. Mengikut Farrer, mereka ialah Tengku Besar (Long Yusof bin Sultan Ahmad), Tengku Bendahara (Tengku Chik Tuan Abdullah bin Sultan Ahmad) dan Tengku Chik Penambang (Tengku Chik bin Tuan Bongsu). Tengku Besar dan Tengku Bendahara ialah bapa saudara Sultan dan Tengku Chik Penambang pula ialah datuk sepupu Sultan. Di samping itu mereka bertiga adalah juga ahli Majlis Mesyuarat Negeri.

Maxwell percaya matlamat pembesar-pembesar ini tidak sahaja untuk menimbulkan kekacauan diseluruh negeri Kelantan bagi menentang orang-orang luar (Inggeris, Cina dan India), sebaik sahaja kekacauan di Pasir Puteh itu berjaya, tetapi juga untuk memecat Sultan dan digantikan oleh salah seorang dari mereka.<sup>67</sup>

---

Latihan Ilmiah B.A., Jabatan Sejarah Universiti Malaya, 1972 (tidak diterbitkan). Lihat juga C.O. 273/425: Maxwell kepada Young, 2 Jun, 1915, fl. 422 tentang kekuasaan pembesar di jajahan Pasir Puteh ini. Mengikut Maxwell, jajahan ini diperintah oleh pembesar itu tidak dapat dikawal lagi. Pembesar terakhir yang berkuasa ialah Tengku Seri Maharaja (Engku Demong bin Engku Seri). Dalam pemberontakan ini, dua orang yang terlibat adalah cucu dan orang kanan Tengku Seri Maharaja iaitu Engku Besar dan Haji Mat Hassan (Tok Janggut).

64 C.O. 273/426: Maxwell kepada Young, bertarikh 2 Jun, 1915, fl. 423.

65 Pada 15 Februari 1915, tentera dari sayap kanan regimen ke-5 *Native Light Infantry* yang terdiri dari orang-orang Islam telah memberontak dan membunuh pegawai-pegawai Inggeris mereka. Sebab-sebab pemberontakan adalah dipercayai kerana tidak puashati atas soal kenaikan pangkat (Lihat C.O. 273/429, Jerram kepada Nichol, bertarikh 7 April 1915 fl. 29 dan C.O. 273/420: Young kepada Harcourt, bertarikh 17 Februari, 1915, fl. 275).

66 C.O. 273/426: Maxwell kepada Young, bertarikh 2 Jun 1915, fl. 426-427.

67 Lihat C.O. 273/427: Young kepada Bonar Law, bertarikh 20 Julai, 1915, fl. 234 dan encl. No. 1, fl. 336-243, dan juga C.O. 273/426: Maxwell kepada Young, bertarikh 2 Jun, 1915, fl. 427.

Di dalam pemberontakan yang tiba-tiba meletus ini, Penasihat Inggeris telah menghantar telegram kepada Pesuruhjaya Tinggi di Singapura pada 1 dan 2 Mei 1915 untuk meminta bantuan tentera.<sup>68</sup> Permintaan ini telah dipenuhi oleh Pesuruhjaya Tinggi dengan menghantarkan bantuan tentera yang lengkap dengan senjata ke Kelantan.

Beberapa orang pemberontak kemudiannya telah ditangkap dan dijatuhkan hukuman. Pada 26 Julai 1915, Penghulu Adam telah dihukum penjara selama 10 tahun dan didenda \$1,000.00, kuasanya sebagai penghulu juga ditarik balik. Sultan telah bersetuju dengan hukuman ini.<sup>69</sup> Sudah barang tentu persetujuan Sultan ini adalah atas nasihat Carter, Penasihat Inggeris.

Brahim bin Musa, Pak Mat Seman bin Salam dan Penghulu Deraman bin Akil juga ditangkap dan dihukum. Kedua orang yang terakhir telah dihukum mati pada 13 September 1915 tetapi kemudiannya diringkankan kepada hukuman penjara seumur hidup.<sup>70</sup> Setelah menjalani hukuman ini di Singapura, Pesuruhjaya Tinggi bercadang untuk membebaskan Pak Mat Seman dan Penghulu Deraman tetapi dibantah oleh Penasihat Inggeris, R.J. Farrer. Beliau berpendapat bahawa mereka ini telah pun dikurangkan hukumannya, jadi beliau tidak mempunyai alasan yang kukuh untuk mencadangkan kepada Sultan bagi diampunkan mereka ini.<sup>71</sup>

Pandangan Farrer ini jelas menggambarkan tentang rasa tidak senang Penasihat Inggeris kepada pengacau-pengacau di Kelantan. Penasihat Inggeris lebih suka mereka terus dipenjarakan kerana ini akan dapat menjamin kelancaran kerja-kerjanya.

Pengenalan sistem pentadbiran yang baru di Kelantan khususnya sistem pembaharuan tanah, telah memberi kesan yang negatif bukan sahaja kepada rakyat jelata tetapi juga kepada Sultan dan pembesar-pembesar negeri. Sejak dari awal lagi sistem pembaharuan tanah ini telah menjejaskan hak istimewa Sultan dan pembesar-pembesar untuk memiliki tanah. Sultan dan pembesar-pembesar tidak lagi dapat mengambil mana-mana tanah yang mereka suka tanpa memberitahu atau membuat permohonan kepada Pejabat Tanah terlebih dahulu.

Sultan telah membuat permohonan kepada Carter untuk mendapat tanah seluas 3,000 ekar dengan percuma iaitu tidak perlu membayar cukai tanah dan upah menyukat. Permohonan ini telah ditolak oleh Carter dengan alasan "tanah seluas 3,000 ekar itu sepatutnya dibayar hasil yang tetap sekurang-kurangnya \$1,800 setahun, maka tidaklah boleh meminta kepada kerajaan memberi sebegitu banyak dengan percuma sahaja" tetapi jika sekiranya Sultan bersetuju membayar upah menyukat tanah itu sebanyak \$1,925 dan bersetuju membayar hasil sebanyak 50 sen setahun bagi seekar, baharu boleh diberikan kepada Sultan, sebaliknya "jikalau tidak payah membayar hasil, pada fikiran beta

68 Lihat C.O. 273/426: Young kepada Setiausaha Negeri bagi Tanah Jajahan, telegram, bertarikh 3 Mei, 1915, ff. 71.

69 BAK 805&1915, Hakim Mahkamah Tinggi kepada Carter, bertarikh 26 Julai, 1915.

70 Lihat BAK 806/1915, Hakim Mahkamah Tinggi kepada Carter, bertarikh 26 Julai, 1915 dan BAK 946/1915, Minit oleh Farrer kepada Anderson, bertarikh 5 Ogos, 1915.

71 Lihat BAK 946/1915, Minit oleh Farrer kepada Marriott, bertarikh 17 Disember, 1916.

(sic. Carter) tidaklah boleh diberikan (kepada) Seri Paduka Sahabat Beta (sic. Sultan).<sup>72</sup>

Sultan merasa dukacita di atas kenyataan Carter ini kerana tanah yang dimintanya itu adalah dahulunya dipunyai oleh Raja Perempuan (isteri kepada Sultan Muhamad II). Selepas beliau mangkat, dipindahkan pula hak miliknya kepada almarhum Sultan Bongsu (Sultan Ahmad bin Sultan Muhamad II) iaitu ayahanda Sultan Muhamad III dan akhirnya menjadi hak milik Sultan (yakni Sultan Muhamad IV). Ini yang dikesalkan oleh Sultan kerana J.S. Mason, dalam suratnya yang terdahulu, menyatakan bahawa tanah tersebut telah menjadi hak kerajaan kerana tidak mempunyai geran. Setelah beberapa siri perbincangan, akhirnya Sultan terpaksa juga bersetuju untuk membayar wang geran dan harga menyukat.<sup>73</sup>

Tanah Raja Kelantan juga tidak terlepas dari dikenakan cukai kerana mengikut Penasihat Inggeris, J.E. Bishop, hanya tanah Sultan sahaja yang dikecualikan dari cukai.<sup>74</sup> Permohonan Raja Muda pada 6 Mac 1912 untuk mendapatkan tanah kerajaan di Kuala Pisau Raut juga telah ditolak oleh Pejabat Tanah dengan alasan dikawasan itu terdapat banyak kayu gelam. Bagaimanapun kemudiannya, Pejabat Tanah meluluskan permohonan tanah ini tetapi untuk 10 orang. Bagi pandangan Pejabat Tanah adalah lebih baik bagi negeri Kelantan mempunyai ramai orang yang memiliki tanah yang sedikit daripada beberapa orang yang memiliki tanah yang luas. Ini adalah kerana orang yang memiliki tanah yang sedikit akan mengerjakannya dengan bersungguh-sungguh tetapi bagi mereka yang memiliki tanah yang luas tidak akan berbuat demikian sebaliknya mereka akan membiarkan sahaja tanahnya atau menyewakan kepada orang lain untuk mendapatkan keuntungan yang cepat.<sup>75</sup>

Perubahan ke atas sistem pemilikan tanah ini bagaimanapun mempunyai kebaikannya kerana Sultan dan pembesar-pembesar negeri tidak lagi boleh bertindak dengan sewenang-wenangnya untuk menambahkan kekayaan dengan memiliki seberapa luas tanah yang mereka suka. Tetapi dari segi lain, pembaharuan tanah ini memperlihatkan bahawa Penasihat Inggeris lebih berkuasa dari Sultan dan pembesar-pembesar negeri khususnya dalam soal pemilikan tanah.

Selepas pemberontakan Tok Janggut dapat dipatahkan, pelaksanaan sistem tanah yang baru ini diteruskan semula. Pada tahun 1918, 11 dari 36 daerah (kweng) dijajahan Kota Bharu, 2 dari 4 daerah dijajahan Pasir Puteh dan 3 dari 5 daerah di Hulu Kelantan telah di letakkan di bawah sistem sewaan tanah yang baru ini.<sup>76</sup> Pada tahun berikutnya, seluruh daerah dijajahan Pasir Puteh telah menggunakan sistem baru ini.<sup>77</sup>

---

72 BAK 154/1910, Langham-Carter kepada Sultan, bertarikh 31 Disember 1913. Satu perkara menarik dalam surat-surat terjemahan ke dalam Bahasa Malaysia yang dihantarkan oleh Penasihat Inggeris kepada Sultan ialah perkataan beta digunakan sebagai pengganti diri bagi penasihat itu. Keadaan ini agak ganjil dalam tatasusila dan adat resam orang-orang Melayu.

73 BAK 154/1910, Sultan kepada Carter, bertarikh 26 Disember, 1913.

74 BAK Kelantan M 7/1912, Bishop kepada Sultan, bertarikh Januari, 1912.

75 BAK Kelantan M 80/1914, Carter kepada Raja Muda, bertarikh 2 April, 1914.

76 ARK., 1918, hlm. 2.

77 ARK., 1919, hlm. 3.

Dalam melaksanakan sistem sewaan tanah yang tetap ini, sudah tentulah terdapat beberapa masalah terutamanya masalah untuk mengenali tuan tanah yang sebenar. Di Kelantan penggunaan nama "Awang" amat kerap sekali, begitu juga penggunaan perkataan "saya" sering digunakan oleh sesiapa sahaja yang mempunyai hubungan terdekat dengan pemilik yang sebenar.<sup>78</sup> Dengan kata lain, saudara mara tuan punya tanah yang sebenar menganggap bahawa mereka juga berhak ke atas tanah tersebut, ini tentulah menyulitkan pentadbiran Pejabat Tanah.

### Penutup

Dari perbincangan di atas, dapatlah diketahui bahawa dalam bidang pentadbiran negeri, kuasa dan pengaruh Penasihat Inggeris adalah lebih besar dari Sultan dan pembesar-pembesar negeri. Jelas dapat dilihat bahawa Sultan tidak dapat membuat polisi pentadbiran negeri. Sultan cuma berkuasa ke atas hal ehwal Agama Islam dan adat istiadat orang Melayu sahaja. Taktik-taktik halus yang digunakan oleh Inggeris telah berjaya menguasai Sultan sehingga baginda dengan rela hati menyerahkan semua urusan negeri kepada Penasihat-Penasihat Inggeris. Penyerahan tugas oleh Sultan ini telah digunakan sepenuhnya oleh Inggeris untuk menguatkan lagi kedudukannya di Kelantan dan bekerja keras untuk mengaut kekayaan negeri Kelantan.

Dapat juga dilihat tentang peranan besar yang dimainkan oleh Penasihat-Penasihat Inggeris di Kelantan bagi meningkatkan pendapatan negeri dengan memperkenalkan pembaharuan ke atas sistem pemilikan tanah. Bagaimanapun pembaharuan ini telah mendapat tentangan dari segelintir rakyat Kelantan yang tidak puas hati dengan pelaksanaannya. Dari pembaharuan ke atas tanah ini juga dapat dilihat yang kuasa Penasihat Inggeris adalah lebih besar dari kuasa Sultan malah Sultan sendiri terpaksa tunduk kepada kehendak Penasihat Inggeris.

---

78 ARK., 1916, hlm. 4.





## Lampiran B

### Treaty between Great Britain and Siam

Signed at Bangkok, March 10th, 1909

(Ratifications exchanged at London, July 9th, 1909)

His Majesty the King of the United Kingdom of Great Britain and Ireland and of the British Dominions beyond the Seas, Emperor of India, and His Majesty the King of Siam, being desirous of settling various questions which have arisen affecting their respective dominions, have decided to conclude a Treaty, and have appointed for this purpose as their Plenipotentiaries:

His Majesty the King of Great Britain, Ralph Paget, Esq., his Envoy Extraordinary and Minister Plenipotentiary, & c.,

His Majesty the King of Siam, His Royal Highness Prince Devawongse Varoprakar, Minister for Foreign Affairs, & c., who, after having communicated to each other their respective full powers, and found them to be in good and due form, have agreed upon and concluded the following Articles:—

#### ARTICLE I

##### Transfer of Kelantan, Tringganu, Kedah, Perlis, and Adjacent Islands to Great Britain

The Siamese Government transfers to the British Government all rights of suzerainty, protection, administration, and control whatsoever which they possess over the States of Kelantan, Tringganu, Kedah, Perlis, and adjacent islands. The frontiers of these territories are defined by the Boundary Protocol annexed hereto.

#### ARTICLE II

##### Date of Transfer

The transfer provided for in the preceding Article shall take place within days after the ratification of this Treaty.

#### ARTICLE III

##### Delimitation of Anglo-Siamese Boundary

A mixed Commission, composed of Siamese and British officials and officers, shall be appointed within six months after the date of ratification of this Treaty, and shall be charged with the delimitation of the new frontier. The work of the Commission shall be commenced as soon as the season permits, and shall be carried out in accordance with the Boundary Protocol annexed hereto.

Subjects of His Majesty the King of Siam residing within the territory described in Article I who desire to preserve their Siamese nationality will, during the period of six months after the ratification of the present Treaty, be allowed to do so if they become domiciled in the Siamese dominions. His Britannic Majesty's Government undertakes that they shall be at liberty to retain

their immovable property within the territory described in Article I.

It is understood that, in accordance with the usual custom where a change of suzerainty takes place, any Concessions within the territories described in Article I hereof to individuals or Companies, granted by or with the approval of the Siamese Government, and recognised by them as still in force on the date of the signature of the Treaty will be recognised by the Government of His Britannic Majesty.

#### **ARTICLE IV**

##### **Public Debt of Ceded Territories**

His Britannic Majesty's Government undertake that the Government of the Federated Malay States shall assume the indebtedness to the Siamese Government of the territories described in Article I.

#### **ARTICLE V**

##### **Abolition of Consular Jurisdiction in Siam**

The jurisdiction of the Siamese International Courts, established by Article VIII of the Treaty of the 3rd September, 1883, shall, under the conditions defined in the Jurisdiction Protocol annexed hereto, be extended to all British subjects in Siam registered at the British Consulates before the date of the present Treaty.

This system shall come to an end, and the jurisdiction of the International Courts shall be transferred to the ordinary Siamese Courts after the promulgation and the coming into force of the Siamese codes, namely, the Penal Code, the Civil and Commercial Codes, the Codes of Procedure, and the Law for organization of Courts.

All other British subjects in Siam shall be subject to the jurisdiction of the ordinary Siamese Courts under the conditions defined in the Jurisdiction Protocol.

#### **ARTICLE VI**

##### **Rights of Property, Residence, and Travel, Taxes & c.**

##### **National Treatment – Exemption from Military Service, Forced Loans, & c.**

British subjects shall enjoy throughout the whole extent of Siam the rights and privileges enjoyed by the natives of the country, notably the right of property, the right of residence and travel.

They and their property shall be subject to all taxes and services, but these shall not be other or higher than the taxes and services which are or may be imposed by law on Siamese subjects. It is particularly understood that the limitation in the agreement of the 20th September, 1900, by which the taxation of land shall not exceed that on similar land in Lower Burmah, is hereby removed.

British subjects in Siam shall be exempt from all military service, either in the army or navy, and from all forced loans or military exactions or contributions.



## ARTICLE VII

### Confirmation of Old Treaties

The provisions of all Treaties, Agreements, and Conventions between Great Britain and Siam, not modified by the present Treaty, remain in full force.

## ARTICLE VIII

### Ratifications

The present Treaty shall be ratified within for months from its date.

In witness whereof the respective Plenipotentiaries have signed the present Treaty and affixed their seals.

Done at Bangkok, in duplicate, the 10th day of March, in the year 1909.

(L.S.) RALPH PAGET

(L.S.) DEVAWONGSE VAROPRAKAR

*Sumber: W.G. Maxwell & W.S. Gibson, Treaties and Engagements affecting the Malay States and Borneo, London, 1924, h. 88-90.*

## Lampiran C

### Pensions and Retired Allowances

#### Political Pensions and Compassionate Allowance

H.H. Raja Muda  
Tungku Sri Indra  
Tungku Sri Maharaja  
Tungku Sri Pekerma Raja  
Tungku Besar Tuan Soh  
Tunku Chik Tuan Abdullah  
Tungku Temenggong  
Tungku Petra Dalam Kebun  
Tungku Embong, daughter of H.H.  
Tungku Chik, daughter  
Tungku Yusuf, son  
Tungku Zebidah, daughter  
Ma Nik Raja, mother  
Nik Nah, wife  
Tungku Besar, wife Raja Muda  
Mek Raja, mother of Raja Muda  
Tungku Petri, aunt H.H.  
Tungku Bongsu, aunt  
Tungku Abdul Kadir, uncle  
Tungku Abdulrahman, brother Raja Muda  
Tungku Abdulrahman, uncle H.H.  
Tungku Besar Tuan Long Hamad, brother H.H.  
Tungku Embong, sister  
Tungku Biru, sister  
Tungku Yah, sister  
Tungku Wok, sister  
Tungku Tengah, aunt  
Tungku Merah, aunt  
Tungku Yah, aunt.  
Tungku Som, aunt  
Tungku Muda Tuan Jaffar, cousin  
Tungku Long Besut  
Tungku Yusuf, brother  
Ungku Selia  
Ungku Seriwa  
Ungku Chik Tungku Besar  
Ungku Chik Tungku Bongsu  
Ungku Chik Tengah Padang  
Tungku Ibrahim, uncle  
Ungku Lonik  
Ungku Puteh  
Datok Penglina Prang

Datok Kaya Hulubalang  
Datok Penglima Laut  
Datok Bandar  
Datok Lela Perkasa  
Datok Lela Setia  
Datok Lela Wangsa  
Datok Lela Di Raja  
Datok Kaya Bakti  
Datok Megat Muda  
Haji Awang Bomor  
Penghulu Salim  
Penghulu Pa' Lah  
Nik Yakob  
Haji Ismail  
Pa' Lah  
Pak Da Che Ahmad  
Penghulu Laboh

*Sumber:* BAK, Kelantan m 6/1911, Pension of H.H. the Raja.

## Lampiran D

Extract from Council minutes dated 7th December, 1915.

Meshuarat jadikan suatu Majlis yang dinamakan, iaitu *UGAMA DAN ISTA'ADAT MELAYU* bagi anak-anak negeri maka member bagi Majlis itu meshuarat tetapkan mereka yang tersebut di bawah ini.—

1. To' Kenali (Haji Awang bin Ahmad Kenali)
2. Imam Haji Wan Mohamed, Misjed Besar Kota Bharu,
3. Khatib Haji Wan Abdullah, Misjed Besar Kota Bharu.
4. Khatib Haji Mohamed Sa'aid, Misjed Besar Kota Bharu.
5. Dato' Bentara Luar
6. Che' Wok bin Salim.
7. Dato' Bentara Dalam
8. Nik Wan Mohamed Amin bin Wan Musa
9. Tengku Abdul Rahman bin Sultan Mohamed
10. Che' Tambi Omar bin Tambi Kecil
11. Che' Mohamad Khatib, dijadikan Stia Usaha bagi Majlis itu.
12. Dato' Bentara Stia

Sumber: BAK, Kelantan M 239/1916

STATE OF KELANTAN  
Notice No. 10 of 1912  
Powers of To' Kuengs in settling disputes  
(2nd November, 1912)



J.E. Bishop,  
Ag. British Adviser.

1. In each circle the To' Kueng shall have authority to settle and dispute between persons living in his circle the subject matter of which shall not exceed \$5 in value.
2. In such cases no written complaint or summons shall be required; but the To' kueng shall make sufficient enquiry before deciding such dispute and every person so called shall be compelled to appear before the To' Kueng in person or if it appears reasonable to the To' Kueng by a representative.
3. The To' Kueng shall keep a record of such disputes showing the names of the parties and his decisions and the amount realised by the winning party with the signature or mark of the recipient.
4. No fee shall be charged for these proceedings before the Kueng. But if the amount decreed is not settled within 14 days, the Kueng shall issue free to the creditor a decree stating the amount to be paid and this decree may be taken to the Court of the District for execution. No fee shall be charged for application for execution, but a fee of \$2 shall be recovered from the losing party and credited to Court Revenue.
5. In the case of persons living in different circles, such disputes shall be decided originally by the To' Kuengs of the circles. If they disagree, the dispute must be referred to the Court.
6. Nothing in this notice is to prevent the To' Kueng acting as arbitrator in every dispute with the consent of all the parties thereto.

*Sumber:* BAK 545/1912.

## کراچان کلشن

فرانوران برستیا کوپڻ ۲۰۱۶ فکاواي  
بغدباوهن کفند کراچان

نمبر 24 نامن 1916



مک ازلہ سب هندق منجریکن کلمان نکرې دان مظاہرکن فوات کنجراچان کراچان  
انس تریغ ۲ دان فکاواي ۲ بغدباوهن مک دولې بښما ما با سلطان سمند بښمانت کیه بی اعم جی  
بښدفونان نکرې کلشن ددالم مشوارت آونسیل مفلارکن ښه فد مفاداکن فرانوران بښدماکندي  
"فرانوران برستیا کوپڻ کفند کراچان"

۱- اداوه توجوان فرکتان بښدنفندکې ددالم فرانوران این...

(۱) برستیا - برچې طانت دشن اخلاص هانې فد بښفونان سبارغ اښ  
کیشن نیوجوان کراچان بښدماکنکن کفندان

(ب) سومنه ستیا - بایت برسرچې دې، مښکت سوما، جیموچ فران دشن  
نیزه دعانې سورت بیورې دان مظاہرکن فرکتان سومنه مفکوة  
بکیمان تولادان سورت ستیا دکیر برسام ۲ این

(ت) برستیا کفند کراچان - بایت برستیا کفند دولې بښما ملیا سلطان  
بښدفونان کلشن دان کفند مکلین فکاواي بیج، مگنغ دان  
نخپالتکن جوانن کراچان.

(ث) خیانت - بایت مغوبهکن سوما او بهانین درفد فرکتان دان منما  
بشترکندوغ ددالم سورت ستیا.

۲- مک سومنه ستیا ایت هندقله دجالنکن انس تیل ۲ کوپڻ دان کوا ۲ کښوغ  
دعدانن فکاواي بر بښدنته اوله دولې بښما ملیا سلطان ددالم مشوارت.

۳- ائیل نله دالغتنکن سومنه ستیا هندقله دېرې کفندان سورت ستیا ایت دشن  
دسترېکن جف کراچان سره حساب اوله فکاواي سر.

۴- کوپڻ انو کندا کښوغ بیغ منوبهکن جالز سومنه ستیا ایت انو ای ملاکونن اښ ۲  
بښدینکنن کسلامن هندقله دفرضا دان دچاراکن ددالم مښکه بښما تفکی مک کښدن درؤد نله سفور  
فرسازن کاله دهتر کفند مشوارت سر کراچان. مک مان ۲ کښلامن دل حکدن بښدیکرکن اوله  
مشوارت ایت بولبله دفرسکن اوله مښکه اداکن.

دصمکن ددالم مشوارت

فد 17 هارییلن اکتوبر 1916

Sumber: BAK 688/1916.

کویچ ددالم دایره

اداله ساي

دشن سټکهن مټاکو ساي مرستيا کټند دولي بيمهاملبا سلطان دان کټد وارټ کټنټين دان کټد سکلين فټکاراي بغ مټيارا ټن فټجران کراچان دشن طاعة دان اخلاص فد مټرکټن سکل فټکر فټجران ټن فټدن باټي فټگوتن ساي

2. مټاکو ساي ميري کټنټان دشن خول دان خر کټد دولي بيمهاملبا سلطان دان وارټ کټنټين دان کټد سکلين فټکاراي سر ددالم سارخ فټکرارا بغير کټان دشن کراچان بغ ددالم فټخټوان ساي

3. مټاکو ساي نيزاد المندوشکر اوزخ ټ جانت ټد ددالم دائره کټواسن ساي

4. مټاکو ساي باندا مټرټس ټرکټان ټنو نټروټن ټنو اخټبار کارن مټعټرټن مصابحت کراچان ددالم دائره ساي

5. مټاکو ساي نيزاد مټيارا کټن ايواس ټان نټرو دولي ټنس سکلين ټن ددالم دائره کټواسن ساي ټنو ټنټين

6. مټاکو ساي قباد مټيو بټکن ټف ټ حاصل ټ کراچان ټد ددالم فټخټوان ساي

7. مټاکو ساي بلوق مټرټيا سوافن درټند سټياټ ټ فون بابک

Sumber: BAK 688/1916

## Lampiran G

### Surat Kuasa Ketuaan Kampong

Bahawa maka sa sunggoh nya bin  
dudok di Kampong daerah di dalam  
negri Kelantan telah di letak kan menjadi Ketuaan Kampong dalam daerah  
di jajahan negri Kelantan.

Maka terpaksa lah di atas Ketuaan Kampong mengusahakan dan menjalan-  
kan dengan taat segala hukoman yang dikeluarkan kepada nya oleh Toh Kweng  
daerah yang tersebut itu atu pun mana mana saorang hakim atau pegawai  
opis Tanah dan hasil hasil atau pegawai mata mata mengikut aturan undang  
undang negri. Dan lagi handaklah ia menolong pekerjaan Toh Kweng itu dengan  
membri kenyataan dalam segala hal yang di kahandaki nya itu serta meng-  
hasilkan dan menchanagkan kepada raiat nya segala amaran krejaan yang di  
trimanya pada tiap tiap masa.

Maka slama dijalankan perkrejaan nya itu dengan sampurna terlepas  
Ketuuan Kampong ini daripada membair hasil kepada dan hasil nior seket 30  
pohon dan hasil tanah padi sebanyaknya 8 penjuru tanah ia-itu pohon pohon  
dan tanah tanah hak dia sendiri atau hak ana bini nya.

Maka tiap tiap Ketuaan Kampong yang melakukan kesalahan apa apa  
atau pun tiada membuat perkrejaan nya dengan bebrapa usaha nya boleh di-  
pechatkan daripada jawatan nya oleh Tok Kweng daerah itu dengan kebenaran  
yang amat melia Raja Muda serta boleh dihukomkan pula diatas nya mengikut  
buku buku undang undang hak negri Kelantan adanya.

Diperbuat di pejabat yang Amat Mulia Raja Muda di Kota Bharu negri  
Kelantan kepada haribulan tahun 13

Chop

Sumber: BAK 188/1910





M. 88/17.

کراچان کلنن

نوتیس نمبر 13/1917

فراوبهن کلاران کویغ دان کنوا کمنوغ

بهاسن دولي بغمها مليا سلطان محمد بفكأمت كيه سي . عيم . جي . بغداد فرنون  
نكري كلنن سرت سكل دأيره جواهرن ددالم فرهتوين مشواره كاونسل فدهاري اين  
مغاراركن تينه مهربناهو كند سكلين رعية ٢ تنوغ تام كلاران كويغ ٢ دان نايبغ  
( كنوا كمنوغ ) ايت نله داوبهكن بگيمان اين .-

- ١ . كويغ داوبهكن دشن كلاران " فغكاوا "
- ٢ . كنوا كمنوغ داوبهكن دشن كلاران " فغوهولو كمنوغ "

ادفون كلاران كويغ دان نايبغ ايت بهاس سيام مك هندقله سكلين اورغ  
مبوت دان ممكبل مغيكوت كلاران نام بغ بهاروايه دان هندقله فغكاوا انو فوهولو  
كمنوغ ايت منكه دان ملارغكن اورغ ٢ ممكبل دي دشن نام كلاران بغ سديا ايت  
ملك بارغشاف تباد مغيكوة بوكو ٢ بغدادام نوتيس اين اكن مندافة كسلاهن ادين .

نله دصمکن ددالم مشوارت کراچان

فد 24 هـ 1317 قـ 1917

Sumber: BAK, Kelantan M 88/1917

## Lampiran I

List of all European Officers employed in Kelantan, their salary and allowances, and whether belonging to the service of the Federated Malay States or Colony.

No.	Name	Appointment	Salary per annum		Entertainment	Allowances		Horse	Bicycle	F.M.S. or Colony	Remarks
			£	£		£	£				
1.	W. Langhar-Carter	Ag: British Adviser	1,000	120	200	—	324	—	Colony		
2.	T. W. Clayton	Ag: Asst: -do-	650	—	150	—	324	—	F.M.S.		On leave
3.	R. A. Crawford	Director of Works and Surveys	700	—	125	—	324	120	F.M.S.		On leave
4.	Major A. T. Mac-Dermott	Ag: -do-	580	—	125	—	324	120	F.M.S.		
5.	John D. Gimlette	Residency Surgeon	680	—	125	—	324	—	F.M.S.		
6.	A. J. Stureck	District Officer, Hulu Kelantan	520	—	125	—	—	—	F.M.S.		On leave
7.	C. W. Bredand	Superintendent of Lands	500	—	145	—	—	120	F.M.S.		Transferred to F.M.S.
8.	J. M. Favell	Chief Surveyor	480	—	75	—	324	120	F.M.S.		
9.	Captain H. A. Anderson	Chief Police Officer	415	—	100	—	324	120	Colony		
10.	L. H. Taylor	Medical Officer	300	—	100	—	—	120	F.M.S.		
11.	G. L. Ham	Magistrate, Central Court	430	—	215	—	—	120	F.M.S.		
12.	A. R. White	Chief Draftsman	435	—	75	—	—	120	Kelantan		On agreement
13.	H. A. Dijkerman	Surveyor (I) Grade	420	—	—	—	42	324	—	Kelantan	
14.	A. J. Lane	-do- -do-	420	—	75	—	—	—	120	Kelantan	
15.	V. S. Thorlund	Assistant Engineer, P.W.D.	360	—	75	—	—	—	120	Kelantan	On agreement

No.	Name	Appointment	Salary per annum	Entertainment	Allowances				F.M.S. or Colony	Remarks
					Duty	10%	Horse	Bicycle		
			£	£	£	\$	\$			
16.	W. Kerr	Harbour Master and Supervisor of Customs	330	—	66	—	—	120	Kelantan	
17.	J.C. Dawling	Inspector of Police	260	—	—	26	—	120	Kelantan	
18.	W. Pryde	Assistant Adviser and Superintendent of Lands (proposed)	650	—	150	—	324	—	F.M.S.	
19.	W.E. Pepys	Magistrate, Central Court and State Auditor (proposed)	430	—	215	—	—	120	F.M.S.	
20.	A.G. Morkill	Cadet	250	—	—	—	—	120	F.M.S.	

Supplementary to the List of all European Officers employed in Kelantan, their salary and allowances, and whether belonging to the service of the Federated Malay States or Colony.

No.	Name	Appointment	Salary per annum	Duty Allowance	F.M.S. or Colony
17.	T.S. Adams	District Officer, Hulu Kelantan	£430	£215	F.M.S.

Sumber: BAK 1001/1913



Kuala Lumpur  
Federated Malay States  
16th February, 1912

**Salary of Mr. J.E. Bishop as Acting British Adviser, Kelantan**

Sir,

With reference to your letter No. 53/12 of the 18th January last, I am directed to inform you that from the date on which you began to act as British Adviser, you should draw salary till the 19th January, 1912, at £540 per annum with a duty allowance of £200 per annum, and from the 20th January, 1912, at £1,000 per annum with a duty allowance of £200, subject to the approval of the Secretary of State as to the date from which acting allowances may be paid. You are entitled also to an entertainment allowance of £120 per annum.

I have to honour to be,

Sir,

Your obedient servant,

Under Secretary, F.M.S.

The British Adviser to  
The Government of Kelantan,

*Sumber:* BAK 53/1912

856  
171.3

نویس اتوران فصل مغیبل حاصل ۲ نانه  
نمبر 1914 / 4

- سپلومون دس دیا کی دغن چوکفن ندغ افضل نانه مک دولی بغه امانا  
اططان کلنن له سوک مغلوارکن سیداد دالم مشوارت اداله
- I حاصل نانه بغ ننف با کی ننف آناهن اکتیادی کتی نناواران حاصل نام ۲ من  
درشد ۱ هاربولون جنواری 1915. مک حاصل این کن رهنی تفکل حاصل نانه  
بغ ننف با کی ننف آناهن دجانکن
- II مک گران بهارو دغن حاصل ننف هندقله دکلووارکن دغن سپرائش اکس بغه  
دبرکن کفدا اور بغ امغین نانه بخ سوده رسوکه دغن هالین: مک مغیکوت بوکو  
این یوله کراچان اریکن حاصل آیفند ننف ۲ 15 ناهن سکالی مک نیاد یوله  
دنا بکن به درشد 25 فرسین 25 دالم 100 سکالی
- III مک ناله سکل گران بهارو این کواسن سام ستره کراس گران بغه سوده دکوارکن  
ایت نفاقی هندقله مغیکوت سیکه مار کواس ندغ ۲ فصل به بغا کن دیباوا دالم  
مشوارت ددالم سیکت هاری لاکي
- IV مک کواس نانه بغه لم تره دغ ناله لاکي و نه سیات آا کن دقتص کن نانه کراچان  
V مک سیات ۲ منت نانه بهارو (نانه کراچان) دان ننف ۲ نوان نانه بغ سوده  
مغاورها کن نانه ایفاوکل اتره سوکه نانه ایفا کن دهری سورة کنراشن میابکی  
نانه ایت اداله سورة کیناران میابکی نانه بغ سماجم ایته سورت ساره باندنویسکن  
ددالم سورة ایته بر کواس هفک هنی دگنتیکن دغن سورة گران بهارو دان هندقله  
دسیونکن ددالم سورة ایته حاصل بغا کن نرکتنا بار با کی نانه ایت
- VI افکل دغ فیکبل اور غغ مکغ سورت کناران میابکی نانه ایت هندقله ای مغلوارکن  
سورت ایت گران دنوکر دغن سورت گران بهارو
- VII دمکن جوگ نوان سکل گران لام انونوان سکل چف لام آیفه جالن لاکي کواسن

ایت مدد فله مغلو ارکن بری سکل کران دان سکل جنف ایت اقبیل دکزند فکن  
اوله کنان فکا وای اوئیس نانه کران دتولکن مغیکور سوکانن هالوس بغه بهار و اتوفون  
کران دکنتیکن کران بهارو

VIII مک سکل حاصل نام امن سبکیان یغد کورب فد ماس این سکارغ مد فله  
دکونب لاکي باکي نانه آکسوان بغلوم کنایا بر حاصل ننت دغن جان منورت  
بوکو آبقتر سوت دانس این

IX ادغون حاصل آسکورغ آن ده بنوغ سبایق  $\frac{2}{4}$  ابکر - نای سکورغ آن حاصل  
نانه فد سانو واغن 30 سین

X مک فرائوان این نبادا له منککن کراجان موکر مایفکن هرکا نانه بغلوم  
داوسها کن یغد متناقد کراجان

XI مک فد نیف آنانه بکس کودغ بوله دکبرا کن حاصل نانه فد 1200 کا کی فرسکی  
انویها کین سبایق 10 \$ فد سناهن - اکتتافی فد نیف آنکس کودغ ایت نباد  
بوله حاصلن کورغ درفد 10 \$ سناهن

XII 'داله نیف آنانه بغلوم ده نام زکنا حاصل دراند 10 \$ هفک سنی 10 20 \$  
سناهن فد سانو ابکر باکی نانه بغتر و نام سکلی 40 سین فد سانو ابکر - باکی نانه  
فریغکه سدغ 60 سین فد نیف آسانو ابکر باکی نانه فریغکه یغد باو: دان 40 سین  
فد نیف آسانو ابکر باکی نانه فریغکه یغد باو: سکالی اکتتافی مان آواجب بولله  
کراجان ملئسکن حاصل نانه بغتر کنادانس نانه بهارو ددالم - آکه 5 ناهن

XIII مک کتتافن کامغه آ فریغکه نانه ابده یغد تنفکن اوله کنوان فکا وای اوئیس نانه ایت  
نباد بوله داو به انوداونون دان ایتولمه بخادی کنتفن بغه اخبیر سکالی

XIV مک حاصل آبقتر کنادانس نانه ابه هند فله دنابر زلیه ده ولوبایت کاند نیف آ  
1 هاریبولن جنواری بابت بولن اول ناهن اورغ قوتیه

XV مک افکل لفس سهاج بوان افریل باکی نیف آ ناهن کنوان فکا وای اوئیس نانه  
اکن مغلو ارکن نوئیس کانس نوان آ بغلوم مباسیکن باران حاصل ناهن  
مک حرکله دغن نوئیس ایت نباد جه کد دجاسکن حاصل ابه ددالم اس 14 هاری

در فند تاریخ نویسی ایت بولله دجالنکن کواس سٹای منجسکن حاصل ایت دغن جالن دیوارین دان دلیغ هرت نوان نانه ایت هغک جلس حاصل نانه ایت کسوان نارغیلا بوله کدافتن هرتان انوفین دوارین دان دلیغ نانه بیخ حاصل بلین ایه بلوم دجلسکن نتافی نیاد له بولله دلیغ نانه منوره اب این حکو نیاد دلکنکن نویسی باکی مقصود هندی دلیغ ایت هغک سٹی سا که سا ما 3 بولن دمه لیه .

XVI مک ادا له سکل نانه بغیلوم بریا بر اوفه سوکن . مک اوفه سوکه ایت مند فاه دیابر منورت سفره بغد با و این . دان بوله دجالنکن سٹای دا فة منجسکن ارفه سوکه ایه دغن جالن سٹره کادان حاصل نانه بغ بلوم بریا بر .  
مک فند نف آسانو کفغ نانه سلواس  $\frac{1}{2}$  ایکرانوفون کو ر غ در فند ایت ایکر اوفه سوکن

\$ 1. 80

فند نیف آسانو کفغ نانه نه در فند  $\frac{1}{2}$  ایکر نتافی نیاد له در فند

\$ 3. 00

I ایکر اوفه سوکن

فند نیف آسانو کفغ نانه بغلیه در فند ایکر نتافی نیاد له در فند 2 ایکر

\$ 4. 00

فند نیف آسانو کفغ نانه بغلیه در فند 2 ایکر نتافی نیاد له در فند

\$ 1. 75

5 ایکر اوفه سوکن فند سانو ایکر

باکی نیف آکفغ نانه بغلیه در فند 5 ایکر نتافی نیاد له در فند

\$ 1. 50

1000 ایکر اوفه سوکن فند سانو ایکر

مک نیف آکفغ نانه بغلیه در فند 1000 ایکر تر کاله بیاران اوفه سوکه متبکوت

فرانوران دجالنکن سدابا .

XVII مک ادا له سکل نانه بغسوده ددود قکی بغتله کنام بایر هرک کران کن ترانس

در فند مبابراوفه سوکه این دان کواس فرانوران این نیاداله بوله هغه یهکن اتو

مغالبهکن فرحین اتو ایکر بیسنه بغد فریوات اوله کرا جان بابک فصل سوکه بابک

فصل لابن آفرکار ادا ن نیاداله دا و بهکن حاصل بغتله سوده دنتفکن ایه ادا ن .

تله دنتفکن ددالم مشوارت فند 1914 هار بیورین مرج

Sumber: BAK 886/1913.

# *Sebuah Fragmen Salsilah Negeri Kelantan*

DATO, NIK MOHAMED BIN NIK MOHD. SALLEH

## Pendahuluan

Pada 17 Julai 1975, melalui Encik Abdullah bin Mohamed (Nakula),<sup>1</sup> saya telah diberi pinjam oleh Y.M. Tengku Abdullah bin Tengku Ahmad,<sup>2</sup> Jalan Atas Banggol, Kota Bharu, surat bertulis jawi mengandungi lima halaman atau muka surat jenis kertas tulis "foolscap". (Lihat teksnya di *Lampiran A*). Manuskrip itu tanpa judul, tanpa nama penulis atau pengarangnya dan juga tanpa tarikh bila ianya ditulis atau disalin. Setelah saya membacanya, bagi maksud memudahkan rujukan, maka saya menamakannya "Sebuah Fragmen Salsilah Negeri Kelantan". Mengikut Y.M. Tengku Abdullah, kertas-kertas tersebut telah sekian lama berada dalam simpanan dan jagaannya dan telah diwarisinya daripada ayahandanya iaitu Tengku Ahmad bin Tengku Chik Penambang. Tengku Chik Penambang bergelar Tengku Panglima Raja ialah putera kepada Tuan Bongsu bin Long Tan yang bergelar Raja Muda di zaman pemerintahan Sultan Muhammad II (Sultan Mulut Merah).<sup>3</sup>

Manuskrip itu merupakan sebuah catatan atau nota ringkasan mengenai beberapa aspek sejarah negeri Kelantan dari segi nama-nama raja pemerintah dan ahli kerabat mereka dan nama-nama pembesar-pembesar negeri dari zaman pemerintahan Long Yunus (1775-1794 M.) hingga zaman pemerintahan Sultan Muhammad III (1889-1890 M.) Catatan adalah seperti berikut:

Pemerintahan Raja Kelantan yang bernama Long Sulong di Kota Kubang Labu, dengan Long Junoh (Long Yunus) sebagai Raja Mudanya; pertemuan Long Yunus dengan Long Ga'par (Long Jaafar), dan perihal kedua mereka dan pengikut-pengikutnya pergi berlindung di negeri Terengganu; perihal kerabat Diraja Long Yunus; perihal kerabat Diraja Long Tang bin Long Yunus,<sup>4</sup> Temenggung; perihal kerabat Diraja Long Yusof atau Long Pit bin Long Yunus,

1. Encik Abdullah bin Mohamed (Nakula), seorang ahli sejarah Kelantan yang terkenal di masa ini.

2. Y.M. Tengku Abdullah bin Tengku Ahmad meninggal dunia pada 17 Disember 1979.

3. Sultan Muhammad II memerintah Kelantan pada tahun-tahun 1839-1886 Masihi.

4. Dalam sumber-sumber sejarah tempatan yang lain biasanya disebut Long Tan, mungkin berasal dari nama penuh Long Hitam.



Raja Bukit;<sup>5</sup> perihal kerabat Diraja Long Ismail bin Long Yunus, Raja Muda Kampung Laut;<sup>6</sup> perihal kerabat Diraja Che' Ku Penambang bt Long Yunus; perihal kerabat Diraja Long Muda atau Tuan Dagang bin Long Yunus bergelar Tengku Kota; perihal pembesar-pembesar negeri yang mengurus pentadbiran negeri Kelantan di zaman pemerintahan Long Yunus, di zaman pemerintahan Long Mamat (Long Muhammad) bin Long Yunus, di zaman pemerintahan Sultan Mulut Merah (Sultan Muhammad II), di zaman pemerintahan Tuan Sulong atau Sultan Ahmad dan di zaman pemerintahan Long Kundor atau Sultan Muhammad III; perihal perselisihan di antara Tuan Senik Mulut Merah (Tengku Temenggung) dengan Long Jenal (Long Zainal) Yang Dipertuan Kelantan; dan perihal kerabat Diraja Long Ga'par (Long Jaafar) dan Long Seri bin Long Ga'par.

Manuskrip bertulisan jawi itu ditulis dalam bahasa Melayu loghat Kelantan/Patani dengan menggunakan perkataan-perkataan yang lazimnya digunakan di negeri-negeri Kelantan dan Patani dan ada setengahnya dieja mengikut sebutan loghat-Kelantan/Patani seperti beberapa contoh yang disenaraikan di bawah ini:

Perkataan Mengikut Ejaan Dalam Manuskrip	Ejaan Bahasa Melayu <i>Standard</i> Serta Ertinya
Long Junuh	Long Yunus
Sebunyi	Sembunyi
Hayam	Ayam
Berjupa	Berjumpa/Bertemu
Terganu	Terengganu
Limat	Limat (nama kampung)
Mano	Mandur
Gunek	Gundek
Manul	Mandul
Temengong	Temenggung
Berkira-kira	Berbincang-bincang (Bersepakat)
Ku Seri Mas Raja	Tengku Seri Maharaja
Hilang	Mangkat
Marhum	Al-Marhum
Sebelah Matahari Jatuh	Sebelah Barat
Long Jenar (Long Jenal)	Long Zainal
Bangol	Banggul (nama kampung)
Long Semail	Long Ismail
Long Bosu	Long Bongsu
Ku Lah	Tengku Abdullah
Jumlah Prempuan	Pihak Perempuan (yang perempuan)
Belat (Siam)	Penolong Pegawai Daerah
Long Mamat	Long Muhammad
Sedegar	Saudagar

<sup>5</sup> Dikenali juga sebagai Long Yusof Bukit Panchor.

<sup>6</sup> Long Ismail bin Long Yunus bergelar Raja Muda Kelantan di zaman pemerintahan kekandanya Sultan Muhammad I (1800—1835M.), tetapi mangkat sebelum tahun 1835 Masihi. Baginda bersemayam di Kampung Laut.

Pa' Nik Ya	Pak Nik Yahya
Tanyong	Tanjung
Samotara	Sementara
Membicarakan	Menguruskan/Mentadbirkan
Diakatkan	Dinaikkan (pangkat atau gelaran)
Tuan Yek	Tuan Taib
Pedano Menteri	Perdana Menteri
Wan Hamad	Wan Ahmad
Dato Tupak	Dato Tumpat
Che' Ngah	Encik Ngah/Tengah
Che Ha'	Encik Asaad atau Encik Ishak atau Encik Abdul Wahab
Wan Pa	Wan Mustapha
Nik Kama	Nik Kamal atau Nik Kamaruddin
Haji Berehem	Haji Ibrahim
Nik Oad	Nik Daud
Membekom Kain	Menutup kain atau memakai kain
Pitu	Pintu
Mengambat	Mengejar
Haru-hara	Huru-hara
Musuhlah	Berperanglah
Menan	Menang
Mari Raja Siam	Datang Raja Siam
Melatek	Melantik

Penulis mengharapkan semoga manuskrip atau teks 'Sebuah Fragmen Salsilah Negeri Kelantan' serta dengan nota kakinya yang disediakan oleh penulis akan memberi faedah dan manfaat kepada para pembaca, terutama sekali peminat-peminat sejarah Kelantan. Ada sejumlah fakta-fakta yang berkaitan dengan sejarah Kelantan yang selama ini tiada diketahui ataupun terpendam, didedahkan untuk pertama kali oleh manuskrip pendek ini. Diharapkan fakta-fakta baru tersebut akan dapat menolong menyempurnakan atau melengkapkan lagi pengisahan sejarah Kelantan.

### Teks Atau Isi 'Sebuah Fragmen Salsilah Negeri Kelantan'

Ini suatu cetera yang kedua kata pendita adalah salsilah negeri Kelantan ini rajanya pada masa itu di Kota Kubang Labu<sup>7</sup> dan namanya Long Sulong.<sup>8</sup> Ia beripar dengan Raja Legeh<sup>9</sup> dan Raja Mudanya namanya Long Junuh.<sup>10</sup>

7 Kota Kubang Labu terletak di tebing barat Sungai Kelantan berhadapan dengan bandar Kota Bharu, di antara Kampung Pasir Pekan dengan Wakaf Bharu, kira-kira 2 batu dari bandar Kota Bharu. Sekarang termasuk dalam Jajahan (Daerah) Tumpat.

8 Long Sulong ialah putera kepada Wan Daim bergelar Dato' Pangkalan Tua iaitu Raja Patani (1791-1808M.). Wan Daim pula ialah putera kepada Wan Nik bin Endek (Fakih) Ali, keturunan anak Raja Bugis. (Sumber: 'Ringkasan Cetera Kelantan' oleh Haji Nik Mahmud bin Ismail, Dato' Perdana Menteri Paduka Raja Kelantan, Kota Bharu, 1934, hlm. 18).

9 Legeh ialah salah sebuah negara bahagian dalam Negeri Patani di zaman sebelum tahun 1909. Orang Siam menyebutnya Rangae. Sekarang merupakan sebahagian daripada Cangwad (Wilayah) Narathiwat di Selatan Thailand.

10 Long Junuh ialah Long Yunus bin Long Sulaiman yang juga dipanggil Tuan Sulaiman atau Long Nik atau Tuan Nik.

Maka tatkala mati Raja Besar itu ia bersembunyi akan dirinya di dalam Hutan Gegerom<sup>11</sup> tujuh berhamba<sup>12</sup> beberapa lamanya. Maka tiba-tiba datang anak raja tujuh berhamba juga dan seekor hayam mari sebelah Reman<sup>13</sup> namanya Long Ga'par.<sup>14</sup> Maka berjumpalah antara keduanya lalu berkira-kira pergi sekaliannya itu kepada negeri Terganu.<sup>15</sup> Maka duduk ia di sana sekira-kira lamanya setahun. Kemudian baginda bejengok pohon hantar balik mari ke negeri Kelantan serta dirajakan dan dijadikan Ku Seri Mas Raja<sup>16</sup> dari Limat iaitu Long Ga'par dan dijadikan rajanya daripada Kota Jelasin<sup>17</sup> iaitu Long Ga'par dan dijadikan rajanya daripada Kota Jelasin<sup>18</sup> di rumah Manu Mah<sup>19</sup> iaitu Long Yunus. Maka Manu Mah itu sangat kaya dan ada anak saudaranya perempuan seorang ia pelihara sangat baik rupanya. Lalu diminta buat gunek.<sup>20</sup> Maka ia pun lalu menebas hutan menerangkan buat negeri ianya ialah mula-mula menjadi negeri ini hingga sampai kepada Langgar<sup>21</sup> dan dibuatkan.... Kota ..... serta duduk padanya lalu hilanglah<sup>22</sup> ia dan dikuburkan dia di dalam Langgar hak yang ada pusu<sup>23</sup> itu dan meninggalkan anak-anak perتامanya.

— Long Mamat<sup>24</sup> iaitu Marhum<sup>25</sup> yang ada sebelah matahari jatuh abang ipar dengan Marhum Raja Muda<sup>26</sup> lagi ia manul<sup>27</sup>

- 11 Gegerom ialah Gegerong nama sebuah kampung di antara Kampung Laut dan Kampung Sungai Pinang yang terletak di tebing barat Sungai Kelantan dan sekarang termasuk dalam Jajahan Tumpat.
- 12 Tujuh berhamba bererti bersama dengan tujuh orang pengikut atau pengawal peribadinya.
- 13 Reman dengan ibu kotanya Koda Bharu pernah merupakan salah sebuah dari tujuh buah negara bahagian dalam negeri Patani di zaman sebelum tahun 1909. Di zaman itu wilayah takluknya pernah termasuk kawasan Hulu Perak dari utara Kuala Kangsar hingga ke Keroh atau sempadan Perak-Thailand sekarang. Sekarang Reman (Raman mengikut sebutan Siam) termasuk dalam Cangwad (Wilayah) Yala di Selatan Thailand.
- 14 Long Ga'par dikatakan putera Raja Reman dan tiada diketahui asal usul atau salsilahnya.
- 15 Negeri Terganu ialah Negeri Terengganu.
- 16 Ku Seri Mas Raja ialah gelaran Tengku Seri Maharaja.
- 17 Limat ialah Kampung Limbat terletak kira-kira 9 batu di selatan bandar Kota Bharu, di jalan raya ke Pasir Puteh.
- 18 Kota Jelasin pernah terletak di sekitar kawasan Kampung Surau Kota, dekat Kampung Pintu Geng, Kota Bharu. Ada yang kata terletak dekat Kampung Chetok, Pasir Mas.
- 19 Tiada diketahui siapakah sebenarnya Manu (Mandur) Mah ini. Sebagai contoh lain kata 'Pengenalan' dalam buku 'Ringkasan Cetera Kelantan' oleh Haji Nik Mahmud bin Ismail ada disebut antara lain "Ringkasan Cetera Kelantan ini disalin daripada tulisan peringatan Pak Wan Mahmud Menteri Besar yang ditulis di dalam tahun Hijrah 1197 iaitu diambil daripada perkataan Pak Bedo'lah (Abdullah taulan kepada Mandul (Mandur? — penulis) Mis, duduknya di Kampung Kubang Garong .....
- 20 Gunek ialah gundik atau gundek bererti "1. isteri yang bukan gahara (bukan keturunan raja), isteri tidak rasmi; 2. bini gelap ...." (sumber: Kamus Bahasa Melayu, R.O. Windstedt, 1960, hlm. 104; dan Kamus Dewan, 1970, hlm. 332).
- 21 Langgar ialah Makam Diraja yang terletak di Kampung Langgar, Kota Bharu.
- 22 Hilanglah bererti mangkatlah.
- 23 Langgar yang ada pusu di sebelah atau di atasnya ialah Makam Long Yunus.
- 24 Long Mamat ialah Long Muhammad bin Long Yunus atau Sultan Muhammad I (1800—1835M.).
- 25 Marhum kependekan kata dari Al-Marhum.
- 26 Tiada dapat dipastikan siapakah Raja Muda yang disebutkan ini. Raja Muda di zaman pemerintahan Long Yunus (1775—1794M.) tiada diketahui dengan jelas. Raja Muda di zaman pemerintahan Sultan Muhammad I (1800—1835M.) ialah Long Ismail bin Long Yunus mangkat sebelum Sultan Muhammad I, kekandanya.
- 27 ... lagi ia manul (mandul) dimaksudkan Long Mamat (Sultan Muhammad I) itu mandul.

- dan Long Jenar iaitu Raja Bangol<sup>28</sup>
- dan Long Tang iaitu Temengong<sup>29</sup>
- dan Long Muda iaitu Ku Kota<sup>30</sup>
- dan Long Pit iaitu Ku Bukit ayah Raja Perempuan<sup>31</sup>
- dan Long Semail iaitu Raja Kampung Laut<sup>32</sup>
- dan Long Pandak iaitu Ku Kakom<sup>33</sup>
- ini jumlah perempuan pertama Encik Ku Penaman<sup>34</sup>
- dan Encik Ku Tila iaitu manul.<sup>35</sup> Ini jumlah anak Temengong<sup>36</sup> pertamanya Tuan Long Nik Gagap iaitu Ku Seri Indera<sup>37</sup>
- dan Tuan Long Senik Kota iaitu Raja Penaman dan Raja Muda pun ia dan Sultan Dewa pun ia<sup>38</sup>

- 28 Long Jenar ialah Long Zainal bin Long Yunus bergelar Bendahara dan dipanggil Raja Banggol.
- 29 Long Tang ialah Long Tan (Long Hitam) bin Long Yunus bergelar Temengong atau Temengung Aria Pahlawan.
- 30 Long Muda atau Tuan Dagang bin Long Yunus bergelar Tengku Kota. Di zaman pemerintahan Tengku Muhammad Yang Dipertuan Kelantan (1794-1800M.) Long Muda menjadi Raja Muda. [Sumber: Ringkasan Tarikh Kelantan oleh Othman bin Yusof (manuskrip)].
- 31 Long Pit ialah Long Yusof bin Long Yunus digelar Tengku Bukit. Baginda bersemayam di Bukit Panchor. Puteri baginda bernama Tuan Besar atau Tuan Boto' (توان بوطع) atau Tuan To' (توان طع) menjadi isteri kepada Tuan Senik Mulut Merah (Sultan Muhammad II: 1839-1886M.) dan digelar Tengku Puan (bertaraf Raja Perempuan).
- 32 Long Semail ialah Long Ismail bin Long Yunus bergelar Raja Muda di zaman pemerintahan Sultan Muhammad I (1800-1835M.) Baginda bersemayam di Kampung Laut: oleh itu kadangkala dipanggil Raja Kampung Laut. Baginda mangkat sebelum Sultan Muhammad I, kekandanya. (Sumber: Ringkasan Cetera Kelantan, oleh Haji Nik Mahmud, 1934, hlm. 33).
- 33 Long Pandak bin Long Yunus. Panggilan atau gelaran Ku Kakom mungkin sebenarnya Tengku Kangkong. Kangkong ialah sebuah kampung dalam jajahan Pasir Mas. Mungkin satu masa dahulu baginda bersemayam di Kampung Kangkong.
- 34 Ku Penaman ialah Enche' Ku Penambang bt Long Yunus. Baginda jadi isteri kepada Engku Abdul Kadir Besut. (Sumber: Salsilah Raja-Raja Kelantan oleh Anker Rentse dan Haji Nik Mahmud bin Ismail, 1936)
- 35 Encik Ku Tila ialah Enche' Ku Tila (atau Enche' Ku Telor) bt Long Yunus. Jadi isteri kepada Long Nik putera Raja Legeh tetapi dikatakan mandul. Mengikut pelbagai sumber Long Yunus mempunyai tiga belas (13) orang anak iaitu tujuh orang putera dan enam orang puteri seperti berikut: Long Muhammad (tiada diketahui siapa bondanya dan dipercayai dilahirkan di Kuala Terengganu semasa ayahandanya Long Yunus tinggal di sana), jadi Sultan Muhammad I: 1800-1835M; Cik Wan Teh atau Cik Ku Tuan Nawi bergelar Che' Puan Kelantan sebagai isteri kepada Tengku Muhammad Yang Dipertuan Kelantan: 1794-1800M., Cik Wan Ngah, Tuan Dagang atau Long Muda bergelar Engku Siwa Raja dan Raja Muda, (bonda ketiga mereka ini ialah Cik Jumat bt Engku Tena Wangsa Terengganu); Long Zainal bergelar Bendahara dan dipanggil Raja Banggol, dan Yang Dipertuan Kelantan: 1835-1837M., Long Tan @ Long Hitam bergelar Temengung Aria Pahlawan, Long Ismail bergelar Raja Muda dan kadangkala dipanggil Raja Kampung Laut, Long Yusof @ Long Pit digelar Tengku Bukit, Long Pit digelar Tengku Bukit, Long Pandak mungkin bergelar ataupun dipanggil Tengku Kangkong; Cik Ku Penambang, Cik Ku Wok, Cik Ku Tila @ Telor dan Cik Ku Tuan Namah, (bonda-bonda mereka tiada diketahui).
- 36 Temengong ialah Temengung iaitu Long Tan bin Long Yunus.
- 37 Dipanggil Tuan Long Nik Gagap kerana baginda gagap apabila bercakap atau bertutur. Baginda bergelar Tengku Seri Indera Mahkota di zaman pemerintahan Sultan Muhammad II, kekandanya (1839-1886M.)
- 38 Tuan Senik Kota bin Long Tan juga dipanggil Tuan Senik Penambang dan Raja Penambang kerana baginda dilahirkan di Kampung Penambang. Tiada diketahui bila baginda digelar Raja Muda tetapi semasa adindanya Tuan Senik Mulut Merah @ Tuan Senik Kampung Sireh dilantik oleh Raja Siam menjadi Raja Kelantan dengan gelaran Sultan Muhammad II pada tahun 1839M., Tuan Senik Kota digelar oleh Raja Siam Phya Chao Puan yang disebut Sultan Dewa oleh orang Kelantan.

- dan Tuan Long Senik Mulut Merah iaitu Sultan Marhum Kelantan<sup>39</sup>
- dan Tuan Long Bosu Bacho' iaitu Raja Muda Kelantan<sup>40</sup>
- Adapun Ku Seri Indera, guneknya Enche' Fatimah dan Sultan Mulut Merah dan Raja Perempuan Patani, guneknya Enche' Kepe' ( چي كفيچ ) tubuhnya nama Tuan Som dan Tuan Long Bosu guneknya Enche' Bacho' tubuhnya nama Enche' Mas.<sup>41</sup>
- Ini jumlah perempuan Engku Raja Patani dan Engku Tuan Sulong Raja Ali bondanya nama Engku Tuan Nik Dah.<sup>42</sup>
- Ini jumlah anak Ku Bukit<sup>43</sup> pertama Tuan Long Hamad<sup>44</sup> iaitu Raja Bukit
- dan Tuan Bulat<sup>45</sup> iaitu yang menjadi Belat di Patani
- dan Tuan Salleh
- dan Tuan Long Berahim<sup>46</sup>
- dan Tuan Long Umar
- dan Tuan Boto' ( سوان بوطيح ) Raja Perempuan Sultan Kelantan<sup>47</sup>
- dan Tuan Long Hamad dan Tuan Long Berahim dan Tuan Long Umar dan Tuan Boto' guneknya Enche' Safiah<sup>48</sup> Ini jumlah segala anak Tuan Long Semail<sup>49</sup> pertama Tuan Long Nik Kampung Laut

39 Tuan Senik Mulut Merah atau Tuan Senik Kampung Sireh bergelar Sultan Muhammad II (1839-1886M.). Gelaran Siamnya ialah Phya Pipit Pakdi. Sesudah mangkat, baginda dipanggil Marhum Mulut Merah atau Sultan Marhum Kelantan.

40 Tuan Bongsu bergelar Raja Muda di zaman awal pemerintahan Sultan Muhammad II (1839-1886M.). Baginda kadangkala dipanggil Tuan Bongsu Bachok kerana bondanya berasal dari Bachok bernama Che' Mek Bachok atau Che' Mas. Long Tan sebenarnya mempunyai lima orang anak iaitu empat putera dan seorang puteri seperti berikut: Tuan Senik Kota atau Tuan Senik Penambang; Tuan Senik Mulut Merah atau Tuan Senik Kampung Sireh; Tuan Long Nik Gagap; Tuan Bongsu; dan Tuan Fatimah atau Tuan Besar (isteri kepada Tuan Besar atau Tuan Muhammad atau Tengku Besar/Tengku Muhammad Tanjung Chap. Baginda menjadi Raja Patani pada tahun-tahun 1842-1856M. Oleh itu isterinya iaitu Tuan Fatimah atau Tuan Besar digelar pula Engku Raja Patani).

41 Perenggan ini memaklumkan kita bahawa bonda Tuan Senik Gagap (Tengku Seri Indera Mahkota) ialah Cik Fatimah; Tuan Senik Mulut Merah atau Tuan Senik Kampung Sireh dan Tuan Fatimah atau Tuan Besar atau Engku Raja Patani, bondanya ialah Tuan Som (Tuan Kalthom) yang digelar Cik Kepe' ( چي كفيچ ); dan Tuan Bongsu bondanya ialah Cik Mas yang digelar Cik Mek Bachok kerana berasal dari Bachok. Dalam hubungan ini perkataan 'gunek' (gundek) bererti juga ibu atau bonda.

42 Perenggan ini memaklumkan kita bahawa dua orang puteri Long Tan iaitu Tuan Fatimah atau Tuan Besar bergelar Engku Raja Patani (suaminya ialah Tuan Muhammad atau Tuan Besar bin Long Ismail) dan Tuan Sulong (suaminya ialah Engku Raja Ali bin Engku Kadir Besut) bonda mereka namanya Engku Nik Dah.

43 Ku Bukit ialah Long Yusof atau Long Pit bin Long Yunus.

44 Tuan Long Hamad ialah Long Ahmad bin Long Yusof dan baginda digelar Raja Bukit Marak.

45 Tuan Bulat bin Long Yusof. Belat ialah perkataan Siam bermakna Penolong Pegawai Daerah.

46 Long Berahim ialah Long Ibrahim atau Tuan Ibrahim.

47 Tuan Boto' dikenali juga sebagai Tuan To' atau Tengku Boto' atau Tuan Besar. Baginda ialah isteri kepada Tuan Senik Mulut Merah atau Sultan Muhammad II (1839-1886M.) dan digelar Tengku Puan (Raja Perempuan).

48 Enche' Safiah ialah bonda kepada Tuan Long Ahmad, Tuan Long Ibrahim, Tuan Long Umar dan Tuan Boto'.

49 Tuan Long Ismail bin Long Yunus bergelar Raja Muda dan bersemayam di Kampung Laut. Baginda mempunyai enam orang anak iaitu: Tuan Mohammad atau Tuan Besar, kadangkala dipanggil Tuan Besar Tanjung Chap, jadi Raja Patani pada tahun 1845-1856M.; Tuan Long Nik Kg. Laut; Tuan Long Yusof atau Tuan Kechik; Tuan Merah (P); Tuan Tengah (P); dan Tuan Long Bongsu atau Tuan Bongsu.

- dan Ku Besar Tanyong Chap<sup>50</sup> iaitu Raja Patani. Maka isterinya Raja Perempuan patani. Maka dapat seorang anak lelaki dengan guneknya. Maki jadi menantu Sultan Kelantan Mulut Merah.<sup>51</sup>
- dan Tuan Bosu.<sup>52</sup>
- Ini jumlah segala anak Enche' Ku Penaman<sup>53</sup> pertama Ku Raja Nik<sup>54</sup> dan anaknya Ku Nik iaitu Raja Perempuan isteri Sultan Tengah Long Sulong.
- dan Ku Ali dan anaknya Raja Mat dan Raja Su.
- Ini jumlah segala anak Long Muda<sup>55</sup> pertama Wan Ku
- dan Raja Ku
- dan Ku Tengah Chichar
- dan Enche' Ku Lah Kota
- dan Enche' Ku Ali Kota
- dan Ku Bosu Kenali.

Adapun sebab digelar akan tiap-tiap Encik Ku atau Wan Ku atau Raja Ku. Maka iaitu atas dua sebab. Pertama sebab raja negeri ini beristeri sama raja.<sup>56</sup> Maka isterinya itu digelar olehnya akan Encik Ku Perang<sup>57</sup> kerana jadi beradat sebelah timo.<sup>58</sup> Dan yang kedua sebab raja negeri itu dapat anak dengan isterinya samotara,<sup>59</sup> maka anaknya itulah digelar Encik Ku sahaja sama ada ia lelaki atau perempuan. Adapun jika ketiadaan sebab yang tersebut itu tiada boleh digelar kerana adat sebelah timo pada masa dahulu. Adapun masa kemudian ini sangatlah berubahnya.

Ini jumlah segala orang membicarakan<sup>60</sup> negeri Kelantan pada masa Long Junuh menjadi raja itu. Katanya Enche' Suik<sup>61</sup> itu diambil sertanya juga. Dan Enche' Ath<sup>62</sup> kemudiannya.

Dan menterinya dari Limat<sup>63</sup> iaitu Ku Seri Mas Raja<sup>64</sup> namanya Long Ga'par.

50 Tuan Besar atau Tengku Besar Tanjung Chap.

51 Nama guneknya tiada diketahui. Anak lelaki yang dimaksudkan itu ialah Tuan Puteh atau Tengku Puteh bin Tengku Muhammad jadi Raja Patani: 1856-1881M. Baginda berkahwin dengan Tuan Nanik atau Tengku Nanik bt Sultan Mulut Merah Kelantan.

52 Tuan Bosu ialah Tuan Bongsu.

53 Enche' Ku Penaman ialah Enche' Ku Penambang bt Long Yunus.

54 Ku Raja Nik iaitu Tengku Raja Nik iaitulah ayahanda kepada Tuan Nik atau Tengku Nik yang jadi isteri kepada Sultan Ahmad atau Sultan Tengah Long Sulong.

55 Long Muda atau Tengku Long Muda atau Tuan Dagang bin Long Yunus. Baginda mempunyai sepuluh orang anak iaitu Wan Ku, Raja Ku, Raja Man, Raja Chik, Tuan Tengah (P) Chicha, Raja Abdullah Kota, Raja Ali Kota, Raja Abdul Rahman, Ku Tengah, Ku Bongsu Kenali.

56 Beristeri sama raja bererti perkahwinan di antara keturunan diraja.

57 Enche' Ku Perang ialah Enche' Ku Puan.

58 Timo ialah timur.

59 Isterinya samotara ialah isterinya sementara bererti berkahwin dahulu sementara atau sambil menunggu sehingga seseorang raja itu berkahwin dengan yang lain pula yang lebih sesuai umpamanya dari keturunan raja.

60 Membicarakan bererti mengendali atau menguruskan atau mentadbirkan.

61 Tiada jelas samada Encik Sonik atau Enche' Suik. Jika Enche' Suik mungkin nama sebenarnya Encik Shuib. Tiada diketahui asal ususnya.

62 Enche' Ath. Tiada dapat diagak nama sebenar dan sepenuhnya. Mungkin Encik Saad.

63 Limat ialah Kampung Limbat, terletak 9 batu di selatan Kota Bharu di Jalan ke Pasir Puteh.

64 Ku Seri Mas Raja ialah gelaran Tengku Seri Maharaja.

Adapun segala Dato-Dato pada masa itu tidak bergelar lagi halnya adanya.

Ini jumlah segala orang membicarakan negeri Kelantan pada masa Marhum Long Mamat<sup>65</sup> menjadi raja itu pertamanya.

Enche' Suik, katanya, sepupu Raja<sup>66</sup> itu

Dan To' Khatib Sallehuddin,

Maka orang yang berdua itulah selesaikan hukum adatnya.<sup>67</sup>

Kemudian mati Enche' Suik maka naik To' Khatib Sallehuddin pada martabab<sup>68</sup> Enche' Suik.

Kemudian naik pula Pa' Wan Mahmud<sup>69</sup> hingga berpanyam masanya tetapi tiada dapat pada martabab orang yang berdua itu.

Adapun Pa' Wan Ga'par<sup>70</sup> ayah kepada Pa' Nik Ya<sup>71</sup> itu sedegar bagi raja hingga sampai kepada anaknya Pa' Nik Ya pada Sultan Mulut Merah.

Dan Hakimnya To' Ku Syed Jaafar pada masa itu ia pun lebih dah hingga sampai mari kepada Sultan Mulut Merah.<sup>72</sup> Maka diangkat pula namanya Engku Hakim Siwa Raja-Raja digelar anakanya oleh Sultan itu Ku Hakim namanya Tuan Yek.<sup>73</sup>

Dan Kadhinya Haji Mat Salleh kemudian Haji Mat Akik Kota<sup>74</sup> diamil juga-juga dengan Sultan Mulut Merah Haji Mat Akik.

Dan Hakimnya dari Kenali tempatnya dan namanya Tuan Mat.

Dan Menterinya Long Seri anak Long Ga'par digelarnya Ku Pedana Menteri.<sup>75</sup>

Dan Dato'-Dato'nya pertama Dato' Menteri namanya Wan Hamad<sup>76</sup> tempatnya di Pasir Ha.<sup>77</sup>

Dan Dato' Paduka Raja namanya Wan Abdullah<sup>78</sup> tempatnya di Lundang.

Ini jumlah segala orang yang membicarakan negeri Kelantan ini dan orang yang bergelar pada masa Marhum Mulut Merah pertamanya.

---

65 Marhum Long Mamat ialah Al-Marhum Long Muhammad atau Marhum Sultan Muhammad I (1800-1835M.).

66 Sepupu Raja bererti Encik Suik itu sepupu Sultan (Sultan Muhammad I).

67 Hukum adatnya bererti semua perkara yang bersangkutan paut dengan hukum-hakam negeri Kelantan.

68 Martabab bererti martabat atau kedudukan.

69 Pa' Wan Mahmud ialah Wan Mahmud bin Ibrahim Menteri (Besar) Kelantan di zaman pemerintahan Sultan Muhammad I (1800-1835M.)

70 Pa' Wan Ga'par ialah Wan Jaafar, Nik Jaafar atau Wan Mustapha atau Nik Mustapha bapa kepada Nik Yahya (Pak Nik Ya).

71 Pa' Nik Ya ialah seorang saudagar terkenal di Kelantan di zaman pemerintahan Long Zainal (1835-1839M.) dan Sultan Muhammad II (1839-1886M.).

72 Hingga sampai mari kepada Sultan Mulut Merah bererti hingga sampai kepada zaman pemerintahan Sultan Mulut Merah.

73 Tuan Yek ialah Tuan Taib.

74 Haji Mohd. Akik dari Kampung Kota.

75 Tengku Perdana Menteri.

76 Wan Hamad ialah Wan Ahmad. Tiada diketahui asal usulnya.

77 Pasir Ha ialah Pasir Hor, dekat Kota Bharu.

78 Wan Abdullah bergelar Dato' Paduka Raja. Tiada diketahui asal usulnya.

Engku Hakim Siwa Raja namanya Syed Jaafar.<sup>79</sup> Adapun dahulu daripadanya Hakimnya Raja Daud tempatnya di Panchor.

Dan Kadhinya Haji Samad,<sup>80</sup> kemudian Haji Berahim menantunya dan Kadhi Muda Syed Bahar.<sup>81</sup>

Dan anaknya Engku Hakim namanya Tuan Yek.

Dan Nik Wan Majid.<sup>82</sup> Maka orang itulah selesaikan segala bicaranya.

Dan Semiannya<sup>83</sup> Enche' Deraman anak Lebai Muda.

Dan dikembalikan Semiannya itu dengan Enche' Ha' ( انجي مع ) anak Penghulu Ngah.

Ini jumlah orang yang bergelar pertama Dato' Tupat<sup>84</sup> namanya Enche' Ha' ( انجي مع )<sup>85</sup> dan Dato' Bangol<sup>86</sup> nama Wan Po<sup>87</sup> dan Dato' Belawang<sup>88</sup> namanya Nik Din.<sup>89</sup> Dato' sebelah darat<sup>90</sup> pertama Dato' Megat Emas Kota<sup>91</sup> nama Nik Kama<sup>92</sup> dan Dato' Kadok<sup>93</sup> namanya ..... (?)<sup>94</sup> ..... dan Dato' ..... (?) ..... namanya ..... (?) .....

Ini jumlah Mekong pertamanya Mekong Dalam namanya Enche' Lah<sup>95</sup> pertamanya Mekong Dalam namanya Enche' Lah<sup>96</sup> dan Mekong Balai namanya ..... (?) ..... Pada masa inilah baharu beradat bergelar orang yang besar-besar.

Ini jumlah segala Penghulu pertama Penghulu Enche' Ngah Tapan<sup>97</sup> dan Peng-

79 Syed Jaafar bergelar Engku Hakim Siwa Raja.

80 Haji Samad mungkin Haji Abdul Samad bin Muhd. Salleh (1840-1891) yang dikenali sebagai Tuan Tabal.

81 Syed Bahar. Tiada diketahui asal usulnya.

82 Nik Wan Majid ialah Wan Abdul Majid bin Wan Yusof atau Nik Abdul Majid bin Nik Yusof, seorang pembesar Kelantan di zaman pemerintahan Sultan Muhammad II (1839-1886M.) dan Sultan Ahmad (1886-1889M.) Lebih dikenali sebagai Pak Nik Jid. Sezaman dengan Pak Nik Ya. Anak Pak Nik Jid ialah Nik Yusof bergelar Dato' Kaya Seri Paduka dan Nik Hassan Orang Kaya Seri Akal.

83 Semian perkataan Siam bererti 'jurutulis'.

84 Dato' Tupat ialah Dato' Tumpat. (Tumpat ialah sebuah kampung terletak di tepi laut di tebing barat Sungai Kelantan. Sekarang pusat pentadbiran bagi Jajahan Tumpat).

85 Enche' Ha' ( انجي مع ) ialah Encik Ha' bergelar Dato' Tumpat. Dikatakan anak kepada Sultan Mulut Merah atau Sultan Muhammad II (1839-1886M.) dengan gundik. (Sumber: YM Tengku Khalid bin Tengku Chik Abdullah dan Encik Muhd. Salleh bin Imam Haji Abdullah). Nama penuh mungkin Asaad, Saad, Ishak atau Abdul Wahab.

86 Dato' Bangol ialah Dato' Banggol. (Banggol ialah sebuah kampung 4 batu di utara Kota Bharu).

87 Wan Po atau Wan Pa ialah Wan Mustapha.

88 Dato' Belawang ialah Dato' Belawan. (Belawan ialah sebuah kampung di daerah Tabal yang sekarang dipanggil Tak Bai oleh orang Siam/Thai dan termasuk dalam Wilayah Narathiwat, Selatan Thailand).

89 Nik Din. Nama sepenuhnya tidak diketahui.

90 Dato' sebelah darat bererti pembesar-pembesar yang bergelar Dato' yang duduk di kampung-kampung atau kawasan pedalaman atau di luar kawasan bandar Kota Bharu.

91 Dato' Megat Emas Kota ialah Dato' Megat Mahkota.

92 Nik Kama mungkin nama penuhnya ialah Nik Kamaruddin atau Nik Kamaluddin.

93 Dato' Kadok. (Kadok ialah sebuah kampung terletak di selatan Kota Bharu).

94 Tiada dicatat dalam teks asal.

95 Mekong ialah sejenis gelaran yang digunakan di negeri Kelantan di zaman sebelum tahun 1909M.

96 Enche' Lah ialah Encik Abdullah.

97 Tapan ialah Tapang nama sebuah kampung dalam Jajahan Kota Bharu.



hulu Enche Chik Chichar<sup>98</sup> dan Penghulu Enche' Husin dan Penghulu Enche' Ngah dan Penghulu Enche' Teh Kado'.<sup>99</sup>

Ini jumlah segala orang yang membicarakan negeri Kelantan dan segala orang yang bergelar pada masa Tuan Sulong menjadi Sultan,<sup>100</sup> pertamanya, Nik Wan Yusof anak Nik Wan Majid<sup>101</sup> diangkat<sup>102</sup> gelar Dato' Kaya Seri Paduka dan Enche' Ha' (هـ) anak Penghulu Enche' Ngah diangkat gelarnya Dato' Kaya Seri Laksamana. Maka orang dua itulah selesaikan segala hukum adat dan lainnya pun ia.

dan Hakinya Tuan Long

dan Kadhinya Haji Berahim.<sup>103</sup>

dan Syed Bahar dan segala Dato'-Dato' pertama Dato' Seri Diraja namanya Haji Idris dan Dato' Bentara namanya Enche' Wan Jamal dan Dato' Tupat namanya Enche' Amat dan Dato' Bangol namanya Wan ..... (?) ..... dan Dato' Badan<sup>104</sup> nama Enche' Nuh dahulunya Kweng<sup>105</sup> dan Dato' Megat Muda namanya Nik Wan ..... (?) ..... dan Dato' Kado' namanya Haji Enche' Lah dan Dato' Kaya Muda namanya ..... (?) .....

Pada masa al-Marhum Sultan Mulut Merah orang yang menjadi Imam Masjid nama Haji Wan Abdullah bin Wan Derahim<sup>106</sup> dan Khatib Haji Wan Musa dan Bilal Haji Jusoh Kechik<sup>107</sup> dan kemudian orang yang tersebut itu mati gati<sup>108</sup> Haji Nik Oad<sup>109</sup> bin Haji Wan Sulaiman berdua Haji Samad Kampun<sup>110</sup> Laut pula menjadi Imam dan Bilalnya Haji Jusoh.

Ini jumlah segala Panglima pertama Amar Diraja Lundang namanya Haji Wan Musa anak Haji Wan Hasan Panglima Dalam dahulu.

dan Panglima Dalam namanya Pateh.<sup>111</sup>

dan Panglima ..... (?) ..... nama Othman.

dan Panglima Muda namanya Saqmah.<sup>112</sup>

Adapun pada masa Sultan Tuan Long Kundor<sup>113</sup> menjadi Sultan itu

98 Chichar ialah Chicha sebuah kampung dalam Jajahan Pasir Mas.

99 Enche' Teh Kado' ialah Encik Abdul Latif Kadok (Kadok nama sebuah kampung dalam Jajahan Kota Bharu).

100 Tuan Sulong atau Tuan Ahmad ialah Sultan Ahmad (1886-1889M.)

101 Nik Wan Yusof bin Nik Wan Majid atau Nik Yusof bin Nik Abdul Majid bergelar Dato' Kaya Seri Paduka.

102 Diangkat ialah diangkat.

103 Haji Berahim ialah Haji Ibrahim.

104 Dato' Badang. (Badang nama sebuah kampung 4 batu di utara Kota Bharu).

105 Kweng ialah gelaran bagi Penggawa yang dipakai di negeri Kelantan sebelum tahun 1912M.

106 Wan Derahim ialah Wan Abdul Rahim.

107 Haji Jusoh Kechik ialah Haji Yusof Kechik.

108 Gati ialah ganti.

109 Haji Nik Oad ialah Haji Nik Daud.

110 Kampun ialah kampung.

111 Pateh mungkin juga Pak Teh atau Latif.

112 Saqmah ialah Samah atau Sa'mah.

113 Tuan Kundor atau Long Kundor ialah putera kepada Tuan Sulong atau Tuan Ahmad (Sultan Ahmad) bergelar Bendahara, kemudian Raja Kelantan dan kemudian Sultan Muhammad III (1889-1890M.) Kadangkala disebut Sultan Raja Bendahara.

dan segala orang yang membicarakan negeri ini dan Hakimnya dan Kadhinya dan Imamnya dan ulamanya

dan segala Dato'-Dato'nya dan segala Panglimanya dan segala Penghulunya dan segala Kweng-Kwengnya

diambil sebut kira bicaranya<sup>114</sup> orang yang sudah dibuat bicara pada masa Sultan Tuan Long Sulong menjadi Sultan<sup>115</sup> itu dan ditambahnya pula

digelarkan segala adik beradiknya

dan segala anak-anaknya.<sup>116</sup>

Kisah tatkala Marhum Long Junuh itu hampir tuhnya<sup>117</sup> maka ia pun mengambil mari menantunya Terganu serta dikahwinkan dengan anaknya Enche' Ku Puang iaitu gelaran Terganu.<sup>118</sup> Maka duduk sebelah dulu sedikit.<sup>119</sup> Maka digelar segala oranglah pekalam<sup>120</sup> itu pekalam Raja Terganu. Maka diamlah ia berapa lamanya pada tempat itu.

Kemudian tatkala hilang<sup>121</sup> Marhum Long Junuh itu maka anaknya Long Mamat menjadi Raja<sup>122</sup> berpanjaran masanya hingga nyanyuk akan dirinya dan sekalian adik-beradiknya habis hilang dahulu daripadanya melainkan Tuan Long Jenar iaitu Raja Bangol.<sup>123</sup>

114 Diambil sebut kira bicaranya bererti ditugaskan mengurus pentadbiran negeri Kelantan.

115 Orang yang sudah dibuat bicara pada masa Sultan Tuan Long Sulong bererti orang yang berkhidmat atau mengurus pentadbiran negeri Kelantan di zaman pemerintahan Sultan Ahmad (1886-1889M.).

116 Adik beradik Long Kundor (Sultan Muhammad III) yang dikurniakan gelaran ialah: Tuan Mansor atau Long Mansor yang sudah pun bergelar Raja Muda digelar pula Raja Kelantan (bakal pertama); dan Long Salleh digelar Temenggung. Anak-anaknya yang dikurniakan gelaran ialah: Tuan Long Senik (Tengku Seri Indera) digelar Raja Muda; dan Tuan Long Zainal Abidin (Tengku Muda Kechik) digelar Tengku Seri Indera.

117 Tuhanya sebetulnya 'tuanya'.

118 Ayat itu bermaksud apabila Long Yunus Raja Kelantan (Yang Dipertuan Kelantan) itu sudah tua usianya baginda pun mengambil anak Raja Terengganu (namanya Tengku Muhammad bin Sultan Mansor) dan dikahwinkan dengan salah seorang puterinya yang bernama Cik Wan Teh atau Ku Tuan Nawi yang digelar Cik Puan Kelantan (Raja Perempuan Kelantan) dan dipanggil Enche Ku Puan mengikut sebutan loghat Terengganu.

119 Maka duduk sebelah hulu sedikit bermaksud menantu Long Yunus itu tinggal di sebelah hulu sedikit daripada istana Long Yunus.

120 Pekalam sebenarnya 'pangkalan' bererti rumah kediaman atau istana yang terletak di kawasan tepi sungai.

121 Hilang bermaksud 'mangkat'.

122 Mengikut sumber-sumber sejarah tempatan yang lain semua sepakat mengatakan setelah Long Yunus mangkat pada tahun 1794 Masihi, menantunya Tengku Muhammad menggantikan sebagai Raja Kelantan dengan gelaran Yang Dipertuan, walaupun ada setengah sumber tersebut yang menyebut kononnya Tengku Muhammad, menantu Long Yunus itu hanya memangku atau jadi Raja Kelantan untuk sementara waktu hingga 100 hari sahaja dan selepas itu akan ditentukan semula siapakah yang layak menggantikan Long Yunus sebagai Raja Kelantan.

123 Ayat ini bermaksud Long Muhammad putera Long Yunus menjadi Raja memerintah Kelantan dari tahun 1800 hingga tahun 1835 Masihi iaitu selama kira-kira 35 tahun sehingga baginda tua usianya serta nyanyuk pula. Disebutkan juga bahawa semua adik-beradiknya (yang lelaki sahaja) sejumlah 6 orang, kecuali yang bernama Long Zainal, telah mangkat terdahulu daripada Long Muhammad, kekanda Sulong mereka. Lima orang adik beradiknya yang telah mangkat terdahulu daripadanya ialah: Tuan Dagang atau Long Muda, Long Tan bergelar Temenggung (mangkat pada kira-kira tahun 1825M. di Hulu Kelantan dibunuh orang), Long Ismail bergelar Raja Muda, Long Yusof atau Long Pit bergelar Tengku Bukit, dan Long Pandak (Tengku Kangkong atau Tengku Kelecong).

Kemudian hilanglah pula Long Mamat<sup>124</sup> meninggal Long Jenar dan beberapa banyak anak saudaranya. Maka tatkala itu ia minta hendak menjadi Raja.<sup>125</sup> Maka dibenarlah oleh segala anak saudara itu dan dipanggillah oleh segala orang Raja Bangol dan ia pun digelar akan segala anak saudaranya: Tuan Long Hamad itu Raja Muda dan Tuan Long Senik Mulut Merah itu Temenggung Muda dan Tuan Long Senik Kota itu Mendahara.<sup>126</sup> Maka kemudian daripada itu sakad-sakad lamanya setahun<sup>127</sup> maka tiba-tiba datan khabar<sup>128</sup> daripada Tanah Merah ada timbul bedil besar<sup>129</sup> di situ. Maka Raja Bangol pun berkerah pergi ambil beberapa banyak orang. Maka bergerak pun tiada.<sup>130</sup> Maka baliklah sekalian orang itu. Maka tiba-tiba datan Mendahara kepada Temenggung "Hai abang Temenggung marilah kita pergi ambil bedil itu keluar beri ia akan kita. Maka apabila dapat menteku<sup>131</sup> hendak minta akan menteku". Maka lalu dijawab oleh Temenggung "Hai adik Mendahara apabila boleh ambil ..... ? ..... ada bedil ekor Lutong katanya setengah ..... ? .....". Maka Mendahara pun pergilah ke Tanah Merah maka yang mula-mula mengakat bedil itu seorang namanya Seri dan ia memakai serba kuni.<sup>132</sup> Maka bedil pun naiklah di atas bhumi lalu lekat nama bedil itu Seri Kuni.<sup>133</sup> Maka bedil itu pun ditarik bawa pergi ke Penaman ada pada masa itu kata setengah sebab itulah malu Raja Bangol tiadalah ..... (?) ..... negeri dan Penghulu Enche' Ngah pun bertikam hendak ..... (?) ..... akan tuan dan Mekong Dalam pun bertikam jadi haru-hara<sup>134</sup> katanya. Tatkala masa Penghulu Enche' Ngah itu luka maka Sultan pun langgar pergi dan Raja Prempuan pun membekom<sup>135</sup> kain akan dadanya serta ..... (?) ..... hulu keris pajam<sup>136</sup> serta menunjukan keluar pitu<sup>137</sup> hendak ia mengambat.<sup>138</sup> Maka tiba-tiba Sultan pun berangkat balik katanya orang yang menikam itu sudah lari tiada berjupa.<sup>139</sup> Maka Raja Prempuan masuk ke dalam sentiasalah haru-hara. Ta'apa lama lalu musuhlah<sup>140</sup> Temenggung Muda dan Mendahara bertlawan dengan Raja Bangol dan Raja Muda sakad-sakad lamanya tiga bulan. Lalu Raja Bangol dan Raja Muda pun undur akan

124 Long Muhammad (Sultan Muhammad I) mangkat pada tahun 1835M.

125 Bermaksud bahawa apabila Sultan Muhammad I, (kekandanya) mangkat, maka Long Zainal Long Jenal pun memohon kepada sekalian kerabat diraja hendak menjadi Raja Kelantan dan permohonannya itu diperkenankan oleh kerabat.

126 Long Jenal mengurniakan gelaran kepada tiga orang anak saudaranya iaitu Tuan Long Ahmad bin Long Yusof sebagai Raja Muda, Tuan Long Senik Mulut Merah sebagai Temenggung dan Tuan Long Senik Kota sebagai Bendahara.

127 Sakad-sakad lamanya setahun bererti kira-kira setahun.

128 Datang khabar bererti sampai atau terdengar berita.

129 Bedil besar ialah meriam besar.

130 Maka bergerak pun tiada bererti walaupun ditarik oleh ramai orang meriam besar itu tiada juga dapat dikeluarkan dari bumi.

131 Meteku bererti saya (digunakan di Kelantan dan Patani apabila seseorang itu membahaskan dirinya apabila bercakap dengan seseorang berdarah raja samada Tengku, Raja, atau Tuan).

132 Serba kuni bererti serba kuning atau berwarna kuning.

133 Lalu lekat nama bedil itu Seri Kuni bererti lalu bedil atau meriam itu pun dipanggil orang Seri Kuning.

134 Haru-hara ialah huru-hara.

135 Membekom bererti mengikat atau memakai kain lepas di dadanya.

136 Panjam ialah panjang.

137 Pitu ialah pintu.

138 Mengambat ialah mengejar.

139 Berjupa ialah berjumpa.

140 Musuhlah bererti berperang.

Tupat sakad-sakad tiga bulan juga. Kemudian Raja Bangol dan Raja Muda muafakak<sup>141</sup> bicara dengan segala anak Raja sakad-sakad empat apabila menang<sup>142</sup> hendak bahagi segala daerah. Maka lalu langgar pula bertikamlah ia sakad-sakad lamanya tiga bulan juga lamanya. Maka Raja Bangol pun larilah keluar negeri tak berapa lama pulan<sup>143</sup> ke rahmatullahi taala dan Raja Muda iaitu Tuan Long Hamad lari kepada negeri Terganu dan Yamtuan Terganu itu pun lari balek ke Terganu. Maka tak berapa lama datan mari Raja Siam nama Raja Legor<sup>144</sup> mari melatek Raja Temenggung Muda itu Raja Kelantan nama Long Senik Mulut Merah dan melatik<sup>145</sup> Raja Penaman Raja Muda nama Tuan Senik Kota. Tatkala balik Raja Siam kepada negerinya maka Raja Kelantan pun digelar akan segala adik beradik dan diakatkan gelar Ku Seri Indera namanya Tuan Long Nik Gaga'.<sup>146</sup> Adapun Raja Muda itu gelar mari dari Bako'.<sup>147</sup> Kemudian datan pula Raja Chahya<sup>148</sup> ambil Raja Penaman bawa' pergi ke Bako', kata setengah pendita kemudian daripada itulah baharu bergelar segala orang besar. Adapun kata yang lain tatkala selesai daripada musuh itulah bergelar.

Kisah Long Bosu dan Ku Besar Tanyung Chap pergi ke benua Siam itu kemudian daripada selesai musuh. Kemudian itu Long Bosu dan Tuan Besar Tanyung Chap dihantar oleh Raja Siam itu balik ke negeri Kelantan serta diakat namanya Raja Muda Kelantan dan Ku Besar Tanyung Chap itu dibawa oleh Raja Siam pergi ke negeri Patani serta diakatkan nama Raja Patani<sup>149</sup> dan isterinya itu Raja Prempuan iaitu Engku Raja Patani.<sup>150</sup> Maka dapat anak dengan guneknya seorang lelaki jadi menantu Sultan Mulut Merah.<sup>151</sup>

Ini jumlah segala anak Ku Seri Mas Raja namanya Long Ga'par<sup>152</sup> pertama

141 Muafakak ialah muafakat.

142 Menan ialah menang.

143 Pulan ialah pulang.

144 Sebetulnya Raja Legor bukan "Raja Siam nama Raja Legor".

145 Melatik ialah melantik.

146 Tuan Long Nik Gagap bergelar Tengku Seri Indera.

147 Bako' ialah Bangkok.

148 Raja Chahya sebenarnya ialah Raja Chaiya.

149 Peristiwa berlaku pada tahun 1842M.

150 Engku Raja Patani ialah Tuan Fatimah bt Long Tan.

151 Tuan Puteh atau Tengku Puteh bin Tuan Besar atau Tuan Muhammad berkahwin dengan Tuan Nanik bt Tuan Senik Mulut Merah yang dikenali sebagai Engku Raja Patani. Tuan Puteh ialah Raja Patani pada tahun-tahun 1856-1881M.)

152 Mengenai anak-anak atau kerabat Long Ga'par ada empat salsilah yang berlainan seperti berikut:

- i. anak-anak Long Ga'par ramai tetapi yang diketahui hanya dua orang iaitu Engku Seri bergelar Engku Perdana Menteri atau juga dipanggil Engku Limbat kerana baginda telah dilahirkan di Kampung Limbat. Seorang lagi anaknya bernama Tuan Senik yang meninggal dunia semasa kecil lagi. Ada ramai lagi anaknya tetapi tiada diketahui nama mereka. Dikatakan Long Seri mempunyai seramai 30 orang anak. (Sumber: Nik Abdul Rahman bin Nik Abdul Kadir dan YM Tengku Khalid bin Tengku Chik Abdullah).
- ii. Long Ga'par mempunyai ramai anak tetapi empat orang yang diketahui ialah: Long Seri bergelar Engku Perdana Menteri; Long Kuntum; Long Banu; dan Long Mamat. (Sumber: YM Tengku Abdullah bin Tengku Ahmad).
- iii. Long Ga'par ada ramai anak tetapi tiga sahaja yang diketahui nama atau keluarga mereka iaitu: Long Seri bergelar Engku Perdana Menteri; Engku Nik Kechik; dan Engku .... (?) .... (P) yang berkahwin dengan Long Yusof atau Long Pit bin Long Yunus bergelar Raja Bukit. Dikatakan Long Seri mempunyai seramai 25 orang anak. (Sumber: YM Raja Ismail, Kampung Machang).

Kuntum dan Long Seri yang diakat gelar oleh Sultan Mamat Ku Pedana Menteri dan Long dan Long Mamat. Maka yang tanggung bicaranya Long Seri.

Ini jumlah segala anak Long Seri<sup>153</sup> pertama Long Jenar, Ku Macham pun ia, Ku Serdan pun ia.

Dan Long Jamal, Ku Sungai pun ia, dan Long Merah duduk di Reman, dan Long Ku Min iaitu Ku Seri Mas dan Long Demong iaitu Ku Selia dan Long Pate' dan Long Pik iaitu Ku Kutong dan Long Masur iaitu Ku Selia baru.

Maka adalah segala orang yang tersebut itu anak-anak cucu Ku Seri Mas Raja.

- 
- iv. Long Ga'par atau Long Gaffar diketahui ada dua orang anak iaitu Long Seri atau Ku Seri bergelar Engku Perdana Menteri dan Long Besar atau Ku Besar (Reman, Patani). Mengikut sumber ini Long Seri ada 7 orang anak dan Long Besar 2 orang anak. (Sumber: YM Tengku Azman bin Tengku Yusof, Muzium Negeri Kelantan, Kota Bharu).
- 153 Mengenai anak-anak Long Seri atau Engku Limbat Engku Perdana Menteri ada empat sumber yang berlainan seperti berikut:
- i. Long Seri atau Long Seri atau Engku Limbat mempunyai 30 orang anak iaitu: Engku Demung (bergelar Tengku Seri Maharaja) Jeram; Engku Chik Machang atau Engku Chik Bekeng; Engku Serdang; Engku Selia Raja Limbat; Engku Selia Kemuning (meninggal dunia di Bangkok, Siam pada kira-kira tahun 1896M.); Engku Binjai; Engku Sungai di Seligi; Engku Chik Tua (perempuan) di Machang; Engku Chik Bejadi di Machang; Engku Bulat (perempuan); Engku Seri di Jela (dekat Pa' Amat Pasir Puteh); Raja Kweng di Jeram; dan ada lagi kira-kira 17 orang anak, tetapi tiada diketahui nama mereka. (Sumber: Nik Abdul Rahman bin Nik Abdul Kadir dan YM Tengku Khalid bin Tengku Chik Abdullah).
  - ii. Long Seri bergelar Engku Perdana Menteri mempunyai seramai 8 orang anak iaitu: Long Jenal (Engku Machang atau Engku Serdang); Long Patek; Long Pit (Engku Kuntum); Long Mansor (Engku Selia Baru); Long Jamal (Engku Sungai); Long Merah (di Reman); Long Koming (Engku Seri Maharaja); dan Long Demung (Engku Selia). (Sumber: YM Tengku Abdullah bin Tengku Ahmad).
  - iii. Long Seri (Engku Perdana Menteri mempunyai 25 orang anak, tetapi tiada diketahui nama mereka. (Sumber: YM Raja Ismail, Kampung Machang).
  - iv. Long Seri atau Ku Seri (Engku Perdana Menteri) mempunyai seramai 47 orang anak tetapi hanya nama 8 daripada mereka diketahui seperti berikut: Long Jenal (Engku Selia Raja I) di Limbat; Ku Dema (Engku Seri Maharaja) di Jeram; Ku Mansur (Engku Selia Raja II) di Machang; Ku Serdang; Ku Bulat; Ku Pandak; Ku Birang; Ku Senik; dan 39 orang lagi yang tidak diketahui nama mereka. (Sumber: YM Tengku Azman bin Tengku Yusof, Muzium Negeri Kelantan, Kota Bharu).
  - v. Satu sumber lagi menyebut empat orang anak Engku Seri seperti berikut: Engku Demong atau Engku Bulat bergelar Engku Seri Maharaja di Kampung Jeram; Engku Machang di Kampung Kamunting; Engku Serdang di Kampung Serdang (dekat Peringat); dan Engku Selia Raja (yang meninggal dunia di Bangkok, Siam).

Lampiran A  
Teks Manuskrip 'Sebuah Fragmen Salsilah Negeri Kelantan'

1. <sup>(1)</sup> <sup>(2)</sup> <sup>(3)</sup> <sup>(4)</sup> <sup>(5)</sup> <sup>(6)</sup> <sup>(7)</sup> <sup>(8)</sup> <sup>(9)</sup> <sup>(10)</sup> <sup>(11)</sup> <sup>(12)</sup> <sup>(13)</sup> <sup>(14)</sup> <sup>(15)</sup> <sup>(16)</sup> <sup>(17)</sup> <sup>(18)</sup> <sup>(19)</sup> <sup>(20)</sup> <sup>(21)</sup> <sup>(22)</sup> <sup>(23)</sup> <sup>(24)</sup> <sup>(25)</sup> <sup>(26)</sup> <sup>(27)</sup> <sup>(28)</sup> <sup>(29)</sup> <sup>(30)</sup> <sup>(31)</sup> <sup>(32)</sup> <sup>(33)</sup> <sup>(34)</sup> <sup>(35)</sup> <sup>(36)</sup> <sup>(37)</sup> <sup>(38)</sup> <sup>(39)</sup> <sup>(40)</sup> <sup>(41)</sup> <sup>(42)</sup> <sup>(43)</sup> <sup>(44)</sup> <sup>(45)</sup> <sup>(46)</sup> <sup>(47)</sup> <sup>(48)</sup> <sup>(49)</sup> <sup>(50)</sup> <sup>(51)</sup> <sup>(52)</sup> <sup>(53)</sup> <sup>(54)</sup> <sup>(55)</sup> <sup>(56)</sup> <sup>(57)</sup> <sup>(58)</sup> <sup>(59)</sup> <sup>(60)</sup> <sup>(61)</sup> <sup>(62)</sup> <sup>(63)</sup> <sup>(64)</sup> <sup>(65)</sup> <sup>(66)</sup> <sup>(67)</sup> <sup>(68)</sup> <sup>(69)</sup> <sup>(70)</sup> <sup>(71)</sup> <sup>(72)</sup> <sup>(73)</sup> <sup>(74)</sup> <sup>(75)</sup> <sup>(76)</sup> <sup>(77)</sup> <sup>(78)</sup> <sup>(79)</sup> <sup>(80)</sup> <sup>(81)</sup> <sup>(82)</sup> <sup>(83)</sup> <sup>(84)</sup> <sup>(85)</sup> <sup>(86)</sup> <sup>(87)</sup> <sup>(88)</sup> <sup>(89)</sup> <sup>(90)</sup> <sup>(91)</sup> <sup>(92)</sup> <sup>(93)</sup> <sup>(94)</sup> <sup>(95)</sup> <sup>(96)</sup> <sup>(97)</sup> <sup>(98)</sup> <sup>(99)</sup> <sup>(100)</sup>

